

Harun Aminurrashid

mèngèsan
jèjak

PĒLAYARAN

**ABDULLAH
MUNSHI**

HARUN AMINURRASHID

mängësan jëjak

PĒLAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

怡和洋行
Kelekat Tong Quee Yee

(Copyright Reserved)
1966

HARUN AMINURRASHID

měngěsan jějak

PĚLAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

編者 蘇珍 撰

Soleket Tang Qian Yan

Di-těrbitakan oleh:

PUSTAKA MĚLAYU

(Malaysia Press Ltd.)

745/747, North Bridge Road,
Singapura 7.

KATA PENERBIT

Sa-buah lagi buku lawatan yang di-karang oleh Harun Aminurrashid, kita terbitkan. Pada kali ini Harun telah menulis lawatan-nya ka-pantai timor Tanah Melayu, ia-itu melihat Tanah-ayer-nya sendiri.

Buku yang memakai nama **Mengesan Jejak PELAYARAN ABDULLAH MUNSHI** ini kita rasa sangat besar guna-nya kepada para pembaca yang belum pernah tiba di-kawasan pantai timor Tanah Melayu. Sa-lain daripada itu ada di-sulam pula dengan kejadian² sejarah yang sangat² elok menjadi tatapan dan simpanan kita untuk anak chuchu akan datang.

Kita dapati buku² chatetan lawatan seperti yang di-karang oleh Harun ini memang sangat² di-khendaki di-terbitkan dalam bahasa Kebangsaan kita, kerana dengan cara tidak langsung, buku² yang demikian menjadi kesan² sejarah tanah-ayer kita yang akan di-pelajari oleh angkatan akan datang.

— Penerbit.

Singapura,

11b, Ogos 1966.

PENDAHULUAN

Saya karang buku ini dengan tujuan besar, ia-itu:

1. Kisah kali pertama saya menjelajah pantai timor Tanah Melayu hingga ka-negeri Kelantan;
2. Dalam ketika penjelajahan saya itu, telah berlaku pula satu kejadian besar di-bumi Melayu ini, ia-itu Singapura berputus dengan Malaysia;
3. Saya mengesan jejak Pelayaran Abdullah yang telah di-lakukan oleh Abdullah Munshi pada kira-kira dua ratus tiga puluh tahun dahulu.

Mudah-mudahan apa yang telah saya tulis ini menjadi peninggalan saya kepada para peminat kesusasteraan Melayu, sa-buah buku kecil yang mengandungi chatetan dari hati ka-hati yang di-tujukan kepada semua peringkat pembaca bahasa Kebangsaan kita.

Mungkin apa yang telah saya tulis itu ada yang tidak sesuai kepada sa-bahagian para pembaca, tetapi apa yang telah saya tulis itu adalah dari pendapat dan kaca mata saya sendiri, tidak meminjam pendapat dan kaca mata orang lain.

— Harun Aminurrashid.

No. 6, Fidelio Street,
Opera Estate,
Singapore 16.
14hb. Oktobär, 1965.

KANDONGAN-NYA

| | | | Mukasurat |
|--------------------------------|---|---|-----------|
| bahagian satu | | | |
| 40 TAHUN YANG LAMPAU | — | — | 1 |
| bahagian dua | | | |
| BULAN OGOS | — | — | 11 |
| bahagian tiga | | | |
| KAWASAN PANTAI | — | — | 29 |
| bahagian empat | | | |
| PERSIMPANGAN JALAN KA-UTARA | | | |
| TANAH MELAYU | — | — | 53 |
| bahagian lima | | | |
| MENYAMBUT HARI JADI | — | — | 68 |
| bahagian enam | | | |
| TIBA DI-BUMI KELANTAN | — | — | 92 |
| bahagian tujuh | | | |
| PERISTIWA 9 OGOS | — | — | 101 |
| bahagian lapan | | | |
| MENDENGAR PENDAPAT ORANG RAMAI | | | 129 |
| bahagian sembilan | | | |
| PERMASHHORAN SINGAPURA | — | — | 149 |
| bahagian sepuluh | | | |
| KEMBALI KA-SINGAPURA | — | — | 182 |

KAPADA RAKAN² SA-JAWAT

Chatet-lah sĕgala kĕjadian sa-hari² di-sakĕliling kita, chatet-lah kĕjadian² yang bĕrlaku kapada tanah-ayer dan bangsa kita yang kita libat, dĕngar dan rasai, kĕrana sĕmua ini ada-lah mĕnjadi pĕninggalan sĕjarah yang sangat² di-kĕhendaki oleh orang² yang akan datang.

— HAR

40 TAHUN YANG LAMPAU

Saya telah lama ber-chita hendak melawat ke-negeri Melayu di-pantai timur Tanah Melayu. Kesan chita ini terbit-nya telah lama, boleh-lah saya katakan semenyak saya mula membaca Hikayat Pelayaran Abdullah pada kira empat puluh tahun dahulu. Masa itu saya belajar di-dalam Darjah Empat Sekolah Rendah Telok Kurau, Singapura. Buku Pelayaran Abdullah Munshi menjadi bacaan pelajaran sastera-nya. Di-Sekolah Melayu Telok Kurau masa itu darjah yang se-habis tinggi ia-lah darjah empat. Pada tiap hari se-belah tengah-hari masa itu, mata pelajaran membaca, menjadi pelajaran yang akhir se-belum selesai belajar pada tiap hari. Kawan sama se-darjah banyak yang mengantak bila sampai waktu belajar membaca. Pada saya sendiri, bertalinan se-kali. Bila datang waktu

bélarar mēmbacha Hikayat Pēlayaran Abdullah itu saya sangat gēmar, bukan sahaja saya ingin di-bēri pēluang mēmbacha lēbeh panjang daripada kawan² yang lain, tētapi saya sangat gēmbira bila che'gu mēnyuruh saya mēnchēritakan kēmbali apa yang tēlah saya bacha itu. Lēbeh² lagi bila saya di-bēri pēluang di-suruh bērtanya apa² yang saya ta' faham daripada bachaan saya itu. Kērap-kali saya bērtanya mēminta guru mēnērangkan bagaimana pēlayaran di-laut, hal kesah² nēgēri yang di-singgahi oleh Abdullah Munshi, hal² manusia yang mēndiami di-nēgēri² yang di-singgahi oleh Abdullah, kērana apa yang di-chēritakan oleh Abdullah itu ma-cham saya ta' pērchaya.

Saya maseh tēringat jawapan guru bērkēnaan nēgēri² yang di-lawati oleh Abdullah Munshi itu dēngan pendek, "Sēmua yang di-tulis Abdullah itu bētul dan bēnar."

Jawapan guru yang pendek dan tēgas itu tidak mēmuaskan hati saya, hēndak bērtanya lagi saya takut di-marahi oleh guru, kērana guru itu bērkata kapada murid²-nya, ia sēndiri bēlum pērnah sampai ka-nēgēri² pantai timor Tanah Mēlayu, hanya sa-jauh²-nya guru itu pērnah sampai di-Mēlaka sahaja, sēbab guru itu pērnah bēlarar di-Kolej Pērguruan Mēlayu, dudok-nya di-Mēlaka. Dēngan pērasaan ta' puas hati ini-lah saya bērozam ingin hēndak mēlihat sēndiri nēgēri² Mēlayu di-pantai timor Tanah Mēlayu bila ada pēluang. Kē-inginan ini tērbit pada kira² ēmpat puluh tahun dahulu, masa itu ia-lah Tahun 1922, sēdang bēlarar di-dalam darjah yang sa-habis tinggi sa-kali di-Sēkolah Mēlayu Tēlok Kurau, ia-itu Darjah Émpat, sa-tēlah tamat bē-

ajar di-Darjah Empat itu saya mesti meninggalkan bangku sekolah.

Pékerja yang menjadikan saya ta' puas hati mendengar jawapan guru itu ia-lah tentang manusia Melayu yang menjadi penghuni negeri Melayu itu salah orang yang belum bertamadun, pada hal dalam Hikayat Pelayaran Abdullah itu menerangkan ada raja yang memerintah, ada orang China, orang Arab di-negeri itu, ta' kan-lah orang Melayu yang menjadi rayat negeri itu begitu ketinggalan dalam kehidupan dan bodoh. Sa-makin saya ta' puas hati dengan keterangan Abdullah itu bila teringat dalam negeri itu ada sawah ladang, ada binatang peliharaan seperti kerbau, lembu, kambing, ayam itek dengan banyak. Kemudian saya terbayang dalam cerita Abdullah itu mengatakan tiap orang Melayu laki-nya siap sedia dengan senjata di-tangan atau di-badan. Senjata-nya itu pula ia-lah di-antara-nya jenis senjata moden ia-itu senapang. Dengan perhitungan ini-lah yang menjadi tanda-tanya saya benar-kah cerita Abdullah itu.

Kemudian sa-makin mendalam perhatian saya bila teringat cerita Abdullah itu mengatakan perempuannya pandai berniaga dan berpakaian chantek, ini semua menjadi tanda-tanya saya.

Sudah takdir Tuhan, saya tamat darjah empat pada awal bulan November tahun itu, Guru Pelawat masa itu berpangkat Visiting Teacher terus memanggil saya ka-rumah-nya pada esok pagi sa-lépas pérékso besar, beliau memberi perintah kepada saya esok pagi hendak-lah pergi ka-Péjabat Pelajaran Singapura kerana masuk menjadi guru Melayu, kerana kota-nya da-

lam pēpēreksaan Darjah Empat itu saya mēndapat nombor satu. Saya gēmbira, sēbab hanya tiga hari sa-lēpas habis bēlajar di-bangku sēkolah saya dapat mēn-jadi guru dan mēngajar di-Sēkolah Tēlok Kurau itu sēn-diri.

Sa-tahun lēbeh saya mēnjadi guru lalu tērpilih pērgi bēlajar ka-Maktab Pērguruan Sultan Idris Tan-jong Malim. Saya maseh ingat masa saya bērlēpas dē-ngan kēreta-apī ka-Tanjong Malim itu ia-lah bulan Feb-ruari, Tahun Masehi 1924. Tiga tahun saya bēlajar di-maktab pērguruan ini. Satu kēlēbahan yang saya dapati sa-lama bēlajar di-maktab ini ia-lah bērcham-por dēngan pēmuda² yang sa-baya dēngan saya yang datang dari sēluruh Tanah Mēlayu, tērmasuk dari Pa-hang, Tērēngganu dan Kēlantan. Dēngan pērgaulan dari pēmuda² Mēlayu sēluruh Tanah Mēlayu ini kēingin-an saya untok mēlawat ka-nēgēri kawan² saya itu sa-makin hidup dalam sanubari saya dēngan subur.

Satu pērkarā yang tēlah jēlas kapada saya, masa saya bēlajar sastēra kēbētulan Hikayat Pēlayaran Ab-dullah mēnjadi satu daripada buku bachaan di-kolej masa itu. Pada tiap² kali masa bēlajar buku itu, saya dapati kawan² saya yang datang dari daerah pantai ti-mor bērupa sangat ta' bērsētuju apa yang di-chēritakan oleh Abdullah. Saya pērnah mēndēngar rungutan dari kawan saya yang datang dari daerah Pahang mēngata-kan chērita Abdullah bērkēnoan nēgēri-nya itu ada-lah tidak bēnar, orang Pahang tidak bagitu bodoh. Kata-nya, Abdullah datang itu kira² pada zaman da-tak-nya maseh hidup, datok-nya ada-lah mēmpunyai pēnghidupan yang tidak jauh bedza-nya dēngan pēng-

hidupan kita di-zaman ini. Pada masa saya belajar di-Tanjong Malim itu Abdullah baharu melawat kira-kira belum sampai sembilan puluh tahun.

Kadang saya dengan berseloroh bertanya kepada kawan yang datang dari pantai timor itu, "Benar-kah orang di-pantai timor tak tahu kebersehan, gelos-nya hingga hitam berkarat. Orang laki-nya malas?"

Kawan saya itu marah, ada yang berkata, "Hikayat Pelayaran Abdullah itu tak dibenarkan baka di-Kelantan."

Saya bertanya, "Mengapa?"

Jawab kawan saya yang datang dari Kelantan, "Cherita-nya banyak yang tak benar dan menhinakan bangsa Melayu dan negeri Melayu."

Apa yang saya dengar daripada cerita dan keterangan kawan saya itu, mula menjadi perhitungan kepada saya, menimbangkan kebenaran cerita Abdullah itu sejauh mana yang boleh di-pakai, kerana bila saya mempelajari sejarah Tanah Melayu, saya dapati kerajaan Melayu yang ada di-pantai timor itu sama lama-nya dengan kerajaan yang ada di-pantai barat Tanah Melayu. Kerajaan Melayu di-pantai timor itu telah berhubung dengan kerajaan China, Siam, Kemboja, India, Majapahit, Palembang, dan lain-lain lagi begitu juga orang Portugis dan Belanda tentu telah menjengok juga ka-negeri di-Pahang dan Kelantan telah beratus tahun lama-nya.

Kédatangan Abdullah ka-situ pada awal Abad Masehi Kēsambilan Bēlas ia-itu satu kētika pērmulaan orang' Inggēris hēndak bērjējak di-Alam Mēlayu tērutama di-Tanah Mēlayu. Abdullah bēkērja kapada Inggēris, Abdullah bukan kēturunan Mēlayu, sēbab itu dēngan mudah Abdullah boleh mēnjadi alat kapada Inggēris yang sangat bijak itu, Abdullah mēnyebarkan faham kapada anak-nēgēri di-Tanah Mēlayu tērutama di-tēmpat' yang di-datangi-nya mē-muji' kēadilan dan kēbagusan pēmērentahan Inggēris, dēngan mēm-burok'an pēmērentahan Mēlayu. Abdullah datang ka-Kēlantan untok mēmbawa tugas yang di-suruh oleh tuan-nya. Dēngan pērhitungan sēmua ini sa-makin kuat pēndapat saya sa-bahagian bēsar chērita Abdullah bērkēnaan nēgēri' Mēlayu di-pantai timor yang di-lawati-nya itu ada-lah pandangan sambil lalu dan di-tulis dēngan nafsu yang bēr-lēbeh'an.

Ganjil pula saya mēmikirkan tēntang chita' saya hēndak mēlawat ka-pantai timor itu ta' sampai', kē-rana sa-lēpas saya bēlajar di-S.I.T.C. itu sa-lama tiga tahun, saya tēlah tērpilih mēnjadi guru di-kolej pērguruan itu sa-lama dua bēlas tahun pula, kēmudian pada Tahun 1939 saya tēlah bērtukar pula ka-Brunei, tētapi ka-Tērēngganu dan Kēlantan ta' sampai' juga atau khas-nya ka-pantai timor bēlum dapat saya tinjau. Hanya sa-lama saya bērodo di-Tanjong Malim kira' lima bēlas tahun itu, saya tēlah dapat mēlawat ka-Kuala Lipis ibu-nēgēri Pahang kētika itu.

Pantai barat Tanah Melayu telah habis saya lawati dan ka-seluruh Kalimantan Utara pula telah habis saya jelajahi sa-masa saya tērpēndam di-Kalimantan Utara sa-lama enam tahun (T.M. 1939 — 1945). Kēmudian sa-lēpos Pērang Dunia kēdua saya balek ka-Tanah Melayu, banyak kawan² yang saya jumpai mēnyuroh saya datang-lah ka-pantai timor, itu pun ta' sampai. Akhir-nya saya tēlah bērpēluang mēlawat ka-Eropah dan Timor Tēngah, tētapi pantai timor maseh hēlum juga saya sampai. Memang ganjil, ingatan saya pēnah ingin hēndak mēlihat nēgēri Mēlayu itu tērutama bila mēndēngarkan chērita kawan² yang balek dari mēlawat ka-Kēlantan dan Tērēngganu, mēreka bērkata, "Kalau ingin hēndak mēlihat tanah-ayer kita yang maseh bērbēntak kēpēribadian Mēlayu elok sangat pērgi ka-sona."

Sa-orang sahabat saya, dia orang Singapura, ia mēnchēritokan kēgēmbiraan-nya kētika mēlawat pantai timor itu bērkata, "Di-pasar² Tērēngganu dan Kēlantan kita dapati sēmua-nya orang kita yang bērniaga dan yang mēnarek hati ia-lah orang² pērēmpuan yang mēngambil bahagian utama bērniaga di-pasar² itu. Siapa kata orang kita ta' boleh dan ta' pandai bērniaga?"

Pērchakapan pendek itu mēngingatkan sa-mula saya kapada chērita Pēlayaran Abdullah dan akhir-nya saya mēmbuat azam baharu, saya bērazam hēndak sampai ka-nēgēri² Kēlantan dan Tērēngganu dēngan sa-bēropa boleh. Kēkuatan azam saya ini sa-makin bērtambah bēsar, bila sa-orang kawan sayu datang dari Kēlantan dēngan matokar mēnēmpoh jalan-roya yang

tĕlah ada disa-panjang¹ pantai timor. Kata kawan saya itu, "Kalau kita hĕndak ka-Kĕlantan sĕkarang boleh mĕnggunakan jalan-roya pantai timor dĕngan tiada apa² gĕndala."

Tanya saya kapada-nya, "Ta' ada-kah peri³ yang mĕnyusahkan untuk mĕnyĕbĕrang sungai⁴ yang banyak di-pantai timor itu?"

Dĕngan tĕrtawa ia mĕnjawab, "Hanya kita bĕr-jumpa peri dalam nĕgĕri Pahang sahaja, tĕtapi kalau tĕlah lĕpas dari bandar Pĕkan, Pahang, kita akan dapat jalan tĕrus dĕngan tiada mĕnĕmpoh peri lagi. Jalan⁵ mĕnyĕbĕrang sungai sĕmua-nya tĕlah di-buat jĕmbatan batu dan bĕsi yang kuat dan chantek."

Chĕrita⁶ yang mĕnarek untuk saya mĕlawat ka-pantai timor tĕlah sa-makin kĕrap mĕnggoda tĕlinga saya, akhir-nya pada awal Januari Tahun 1964 saya tĕlah bĕrpĕluang mĕngikut satu rombongan kawan⁷ yang hĕndak ka-Mĕrsing. Saya tĕrtarek hati mĕngikut rombongan itu kĕrana saya mĕndĕngar kĕtĕrangan dari-pada Che'gu Shaharom Husain kata-nya, di-Kuala Sungai Mĕrsing, kita dapat mĕnziarahi sa-buah kubur lama yang bĕrsĕjarah, ia-itu kubur Tuan Muda atau lĕbeh tĕrkĕnal dĕngan panggilan kubur Wan Mat Dĕrus.

Kata Che'gu Shaharom kapada saya, "Makam Wan Mat Dĕrus itu tĕrkĕnal kapada pĕnduduk Mĕrsing ia-lah sa-orang kĕtua lanun Mĕlayu yang tĕrbilang di-zaman Johor mula di-pĕrentah oleh Tĕmĕnggong atau

zaman Pahang masih di-pèrentah oleh Bëndahara atau zaman Singapura mula di-buka oleh Inggëris.”

Saya bër tanya kapada che'gu itu kalau saya boleh dapat chër ita Wan Dër us itu yang lëbeh jëlas untuk saya tulis mënjadi nobel. Kata Che'gu itu mën yambong këtërangan-nya, “Wan Mat Dër us itu chër ita-nya, masih bër-salah'an ada pihak mën gatakan bël iau itu larun dan ada yang mën gatakan bël iau ada-lah sa-orang Pahlawan Mëloyu yang mëm përtahankan pën-dapat-nya ta' mahu tundok kapada këm ahuan Bëndahara Pahang yang hëndak bër-boik² dëngan Kompëni Inggëris di-Singapura. Wan Dër us mati bërjuang dëngan Nang Mutalib pëngikut Tëmënggong.”

Këtërangan Che'gu Shaharom itu sangat mënarek hati saya, sëbab itu saya përgi sama ka-Mërsing untuk mën gumpulkan chër ita Wan Dër us di-jadikan nobel. Pada kali itu mënjadi kali përtama saya mël ihat pantai timor ia-itu ka-Mërsing dan tër us ka-Ëndau dan Kuala Rampin, dëngan motokar mënëmpoh jalan-roya pantai timor Johor. Saya dan rombongan bër malam di-Rumah Kërehatan di-Mërsing. Saya mëndëngar chër ita Wan Dër us itu dari orang¹ tua di-Mërsing dan mëndëngar juga chër ita² yang mënarek bër kënnaan pantai timor itu dari Pëgawai Daerah Mërsing. Lawatan ini saya lakukan pada hari Sabtu dan Ahad ia-itu pada 4 dan 5 haribulan Januari 1964. Dalam përjalanan ini juga saya dapat singgah di-Kota Tinggi tëm pat makam³ lama yang dudok-nya di-kawasan Johor Lama itu, saya dapat mënziarahi Makam Sultan Mahmud Mangkat Di-Julang, Makam Bëndahara Padang Saujana, Makam Laksamana Bentan dan istëri-nya sër ta kawasan

masjid lama di-zaman Sultan Mahmud Mangkat Di-Julang itu, sërta mēlihat pērengan² kēsān kota raja kē-turunan dari Sultan² Mēlaka masa itu. Kawasan ini dudok-nya di-tēpi Sungai Johor.

Dēngan saya mēlawat ka-Mērsing dan Kota Tinggi ini sa-olah² mēmbuka jalan saya mēnēruskan lawatan ka-nēgēri² Tērēngganu dan Kēlantan. Bior-lah lawatan saya ka-Mērsing sa-bagai pēmbukaan jalan ini tidak saya chēritakan dēngan panjang lebar, kērana buku ini tujuan saya hēndak mēnchēritakan kesah pērijalan saya hingga ka-Kēlantan yang saya lakukan mulai dari 5 Ogos hingga 12 Ogos Tahun 1965. Mēnjadi sējarah hidup saya tēlah dapat mēlihat Kēlantan ia-itu nēgēri di-dalam Pērsēkutuan Malaysia yang akhir baharu dapat saya lawati.

BAHAGIAN DUA

BULAN OGOS

Saya mémoleh bulan Ogos untuk këluar mëlawat ka-pantai timor, kërana bulan Ogos ini ada-lah saya pandang bulan yang paling bërsejarah kapada Nègëri Malaysia dan kapada diri saya sëndiri. Bulan Ogos ini ada-lah bulan mêngulang tahun kèdua dzahir-nya Nègara Malaysia yang akan di-sambut pada 31 Ogos 1965 nanti, atau dëlapan tahun bumi Tanah Mëlayu mërdeka dari tangan pënjajahan Inggëris.

Sa lain dari ulang-tahun dzahir-nya Nègara Malaysia yang tërdiri dari èmpat bëlak nègëri bërsekutu masa itu, ia-itu Singapura, Sarawak, Sabah, Johor, Mëlaka, Nègëri Sëmbilan, Sëlangor, Perak, Pulau Pinang, Kèdah, Përlis, Këlantan, Tërëngganu dan Pahang, maka mënjadi sëjarah pula kapada diri saya. Bulan Ogos dzahir-nya èmpat orang këluarga saya, ia-itu pada

5 Ogos hari ulang-tahun keempat kepada chuchu saya Abbas Helmy, anak kepada Amir Hamzah bin Harun dengan isteri-nya Fauziah binti Dato' Kelana Putera, Undang Sungai Ujong, Negeri Sembilan. Abbas Helmy menjadi chuchu saya yang pertama dan chuchu yang pertama juga kepada Dato' Kelana Putera. Pada 8 Ogos menjadi hari ulang-tahun yang kelima puluh delapan kepada diri saya. Pada 29 Ogos pula ia-lah hari ulang-tahun yang kelima belas kepada Ahmad Hikmat anak saya yang kesepuluh, dan pada tarikh hari dzahir Ahmad Hikmat itu juga, ketika itu saya telah dapat menerbitkan akhbar harian Melayu Raya di-Singapura, sa-buah akhbar Melayu yang telah meninggalkan sejarah perjuangan yang gemilang, di-zaman Tanah Melayu maseh di-jajah oleh Kerajaan Inggeris dan surat khabar Melayu Raya itu kemudian di-tahan penerbitannya oleh kekuasaan Kerajaan Inggeris ketika berumur baharu tiga bulan, ia-itu sedang subur maju menjadi sanjongan para pembacha dan peminat Persuratan Melayu. Kemudian pada 30 Ogos petang 1957 ia-itu petang untuk datang-nya Hari Kemerdekaan Persetujuan Tanah Melayu yang akan tiba pada tengah-malam dan esok-nya Tanah Melayu mula merdeka, maka ketika sa'at yang berseljarah itu-lah pula dzahir anak perempuan saya Siti Hurriah. Maka dari segi ini-lah yang saya katakan bulan Ogos bulan yang penuh sejarah kepada diri saya. Oleh itu saya pilih pada 5 Ogos untuk berlepas dari Singapura menuju ka-Kelantan.

Dengan sa-buah motokar Peugeot-van 403, saya berlepas dari Singapura pagi hari Khamis pukul 7.30 5 Ogos 1965, bersama isteri saya Siti Radhiah dan delapan orang anak saya ia-itu Siti Hayati, Ahmad Hik-

mat, Siti Hirawati, Anwar Hassanuddin, Siti Hurriah, Siti Hajar, Akbar Hakim dan Siti Hardhiah. Motokar itu memang chukup bësar, dëngan sa-puluh orang di-dalam-nya chukup rehat untuk mëngëmbara jauh përljalanan yang saya akan tëmpeh kira² lima ratus batu hëndak mënnyampaikan ka-nëgëri Këlantan. Istëri dan anak² saya sangat gëmbiro, kërana tëmpat yang akan saya tëmpeh itu memang bëlum përnah di-tëmpeh oleh kami sëmua. Anak² saya yang ta' ikut sa-ramai ëmpat orang mënjaga rumah, mëraka mëngingatkan saya, supaya mëmandu motokar itu dëngan chërmat dan bërhati², sëbab jalan yang akan saya tëmpeh itu akan bër-tëmu dëngan lori² mëngangkut balak sangat banyak.

Kira² sa-jam përljalanan, kami sampai di-Woodland, di-situ saya lihat polis Singapura bërkawal sapërti biasa mëngawasi këndëraan dan orang² yang hëndak mëninggalakan Singapura masok ka-Tanah Mëlayu. Tiada apa² pëmëreksaan bër laku di-situ, hanya polis Mëlayu dan China yang bërdiri di-situ mënnyuroh jalan kapada motokar saya, saya nampak ada pondok këchil di-tëpi jalan itu, di-dalam-nya dudok sa-orang polis mënulis pada tiap² kali motokar mëlintas di-hadapan-nya, mungkin kërja-nya mëngambil nombor² motokar yang mënuru ka-Tanah Mëlayu.

Këtika mënëmpoh Tambak Johor yang mënnyambangkan përljalanan dari Singapura ka-Johor itu, di-dapati jalan-nya lebar dan chantek. Sëlot Tëbërau yang mënchëraikan Singapura dëngan Tanah Bësar itu mënjadi pëmandangan yang sangat indah dan mënnyëgarkan. Bangunan Kërajaan yang tërdiri di-atas bukit di-bandar Johor Baharu itu nampak tërsërgam këlihatan dari tëpi

těbing Singapura dęngan jęlas. Motokar, bas, lori, sę-kutar, motosikal, dan basikal kęlihatan męnyębęrang ta' putus bęrsambutan ada kętika-nya kęreta-api sama bęrjalan di-sabęlah tępi Tambak Johor itu dudok-nya di-sabęlah kanan kalau kita męnghala ka-Johor.

Tambak Johor itu mula di-bina pada Tahun 1920 dan siap di-buka dan di-gunakan pada Tahun 1923. Panjang-nya Tambak Johor itu ia-lah 3,465 kaki dęngan bęlanja sa-banyak kira' lima juta ringgit, ia-itu di-tanggung sa-bahagian bęsar oleh Kęrajaan Męlayu Bęrsękutu atau tęrkęnal dahulu dęngan bahasa Ing-gęris-nya F.M.S. (Federated Malay States).

Pada masa Singapura bęlum masuk ka-dalam Pęrsękutuan Malaysia, kita akan jumpa sęmpadan yang bęrtanda di-sama tęngah Tambak Johor itu satu batu tanda męnunjokkan sęmpadan Nęgęri Johor dęngan Singapura bęrtulis S dan J, tętapi sęmęnjak Singa-pura tęlah męnjadi Malaysia, batu tanda itu tęlah tiada lagi. Kata orang' di-Asia Tęnggara, Tambak Johor itu tęrmasuk sa-buah bangunan ajaib di-Asia Tęnggara.

Pęmandangan sangat indah dan męnarek, jęlas nampak ayer Sęlat Tębęrau tęnang męnghijau. Di-sabęlah kanan di-tępi tębing sęlat itu kęlihatan bębę-rapo buah kapal kępunyaan Angkatan Laut Inggęris bęrlaboħ, di-kawasan itu męnjadi kubu pęrtahanan Inggęris męnjaga kępęntingan-nya di-kawasan Tęng-gara Asia. Di-tębing kiri męnghala ka-Singapura, kita nampak maseh di-litupi oleh hutan' bakau dan ada ru-mah' banglo męnganjor ka-sęlat itu tęmpat bęrehat orang' kaya di-Singapura. Hala ka-kanan di-sabęlah

těbing pantai Johor itu moseh těbol děngan hutan bakau, sangat bėrlainan děngan di-sabělah kiri měnghala pantai Johor itu tělah di-pělihara děngan baik, kěrana di-situ duduk-nya istana² Sultan Johor dan bangunan indah sěrtā těmpat pěranginan yang měnjadi taman orang ramai mēne'mati alam indah di-sakitar Sělat Těbėrau. Pada tiap² hari Sabtu dan Minggu di-těpi pantai itu ramai manusia bėrkelah dan mandi² hingga jauh malam.

Kalau kita hěndak měnuju ka-arah pěrjalanan mėlawat bahagian barat Tanah Mělayu kita akan mēnėmpoh jalan-raya yang sangat baik di-těpi těbing Sělat Těbėrau sa-bělah kiri itu ia-itu Jalan Tai Heng bėrsambong děngan Jalan Abu Bakar dan Jalan Sėkudai, motokar ta' boleh běrjalan lěbeh dari 30 batu sajam dan ta' boleh mēmbunyikan hon motokar kětika mėlintasi Istana Sultan Johor yang tidak jauh dari těpi jalan itu. Mula-nya kita akan mėlihat Istana Běsar ia-itu istana lama yang sėkarang tidak di-gunakan hanya měnjadi muzium, tětapi maseh di-kawol oleh těntěra di-pintu masak kawasan istana itu. Tidak bėrapa jauh dari Istana Běsar itu kita akan mėlihat di-atas bukit sa-buah bangunan moden indah hijau warna-nya, itu-lah Istana Bukit Serene nama-nya ia-itu istana těmpat sěmayam Sultan Johor sėkarang. Istana ini dibina oleh Almarhum Sultan Ibrahim, sėkarang měnjadi těmpat sěmayam Sultan Ismail ibni Almarhum Sultan Ibrahim. Baginda mula mēnaiki takhta kěrajaan pada 8 haribulan Mei 1959. Baginda Sultan Ismail di-putěra-kan pada 28 Oktoběr 1894 di-Istana Sěmayam.

Untuk hendak menuju hala jalan ka-pantai timor Tanah Melayu kita tidak menempoh jalan indah di-tépi istana itu, kita mesti ikut jalan Kota Tinggi. Saya sampai di-bangunan Kastam Malaysia yang mengawal pintu masuk ka-Tanah Melayu yang dudok-nya di-hujung Tambak Johor itu. Semua barangⁱ saya di-pereksa oleh kastam yang bertugas di-situ dengan cepat dan chermat. Kastamⁱ yang berpakaian sa-ragam kain khaki kuning itu terdiri dari orang Melayu, China dan India, saya nampak mereka memerhatikan tiapⁱ kenderaan yang masuk ka-Tanah Melayu itu dengan hatiⁱ. Tugas mereka menjaga barangⁱ chukai dan menjaga penyeludupⁱ membawa barangⁱ chukai. Sedang saya mengemaskan barangⁱ saya yang telah di-pereksa oleh kastam, tibaⁱ sa-orang daripada kastam itu menepok bahu saya serta menghulorkan tangan untuk bersalam, ia bertanya, "Ini Che'gu Harun Aminurrashid?"

Saya memandang ka-muka-nya sambil menyambut tangan-nya dan menjawab, "Ya, enche' siapa?"

Dengan tersenyum ia menjawab, "Saya kenal rupa Che'gu." Kemudian ia menyahut nama-nya, saya lupa mengingati nama-nya dan ia terus memperkenal-kan saya kepada sa-orang kawan-nya yang ada di-situ dengan berkata, "Ini Che'gu Harun Aminurrashid yang banyak mengarang bukuⁱ chērita."

Kawan-nya itu menjabat tangan saya dan bertanya "Che'gu hendak ka-mana?"

Dengan cepat saya menjawab, "Hendak ka-Kuantan dan kemudian ka-Kota Baharu."

Oleh sebab banyak kenderaan tiba, jadi percha-
kapan di-antara saya dengan kastam itu terhenti hod
itu sahaja, sebab mereka terus menjalankan tugas me-
reka. Tetapi ketika saya hendak meninggalkan kawa-
san kastam itu, kastam yang mula menyapa saya tadi
datang sa-mula bertanya, "Buku Wan Derus telah
siap-kah".

Saya mengatakan telah siap dan sudah terjual.
Kemudian ia berkata kalau dapat ia hendak membeli
buku nobel Wan Derus itu. Saya menjawab kalau ia
menulis surat kepada saya ka-pejabat, saya akan han-
tar satu naskhah untuk-nya.

Semua urusan pemeriksaan kastam telah selesai,
dengan cepat saya membawa motokar keluar dari ka-
wasan kastam itu, kerana anak saya yang kecil telah
menangis sebab kepanasan dalam motokar. Motokar
keluar dari kawasan membelok ka-kanan menuju Jalan
Kota Tinggi ia-itu sa-telah melalui jalan dalam bandar
Johor Baharu di-tepi Sungai Seget yang membelah
bandar itu.

Bandar Johor Baharu itu dahulu-nya bernama
Tanjung Puteri Iskandar ia-itu ketika Temenggong
Ibrahim mendarat di-Kuala Sungai Seget pada kira-
tahun Masehi 1855 dan mula membuka kawasan itu
menjadi pekan di-selatan negeri Johor itu, tetapi tem-
pat tinggal Temenggong masa itu maseh di-Telok
Belanga Singapura. Pada zaman Temenggong Abu
Bakar, kemudian bergelar Maharaja Abu Bakar dan
akhir-nya bergelar Sultan Abu Bakar baharu memin-
dahkan pusat pemerintahan-nya dari Telok Belanga

Singapura ka-Tanjong Puteri itu dan di-beri nama pekan itu dengan nama Bandar Johor Baharu mulai dari Tahun Masehi 1865. Sultan Abu Bakar sendiri mula pindah meninggalkan Telok Belanga terus bersémayam di-Johor Baharu pada dua tahun kemudian, kekal-lah nama Johor Baharu dan hilang-lah nama Tanjong Puteri Iskandar.

Kira² sa-puluh minit berlépas dari kawasan kastam itu motokar saya membelok ka-kanan di-sabuah bu-latan dan menuju ka-Jalan Kota Tinggi, hilang-lah kawasan bandar ramai dan sibok itu, kami mula meném-poh jalan yang panjang menuju ka-utara Tanah Mélayu.

• • • • •

Saya telah jauh meninggalkan kawasan bandar, mula meném-poh kawasan ladang gétah di-kiri kanan jalan, serta jalan-nya bengkok-bengkok kadang² mendaki dan kemudian menurun, ketika itu saya mula ber-cherita menerangkan darihal negeri Johor kepada anak² saya yang sedang di-bangku sekolah, ia-itu menghilangkan risau-nya dengan pandangan yang menjemukan ia-itu ladang gétah, ladang gétah sahaja kadang² baharu berjumpa hutan simpan.

Negeri Johor ini ia-lah negeri yang dudok-nya kaselatan sa-kali di-Benua Asia, kerana Singapura itu ia-lah sa-buah pulau di-cheraikan oleh Selat Teberau hanya di-sambangkan oleh Tambak Johor yang di-buat oleh manusia.

Sa-orang daripada anak saya yang bërumor sëm-bilan tahun tiba¹ bër tanya saya, "Di-hutan ini ada harimau yah?"

Saya tørtawa sambil mëlarikan motokar lëbeh laju sadikit këmudian mënjawab, "Di-hutan Johor inilah yang banyak harimau, tètapi kalau ada pun sëkarang tørtu harimau itu lari sëbab mëndëngar bunyi injin motokar kita yang mënakutkan."

Tiba¹ anak saya yang bërumor ëmpat tahun bër tanya, "Meri kita tengak harimau itu yah."

Sëmua yang mëndëngar tørtawa, tètapi anak² saya yang bësar itu walau pun tørtawa sama, këlihatan muka mëraka ogak bërubah bimbang bila saya katakan ada harimau di-hutan itu. Sa-lëpas tørtawa mëraka mëmërhatikan hutan di-kiri kanan jalan itu sa-olah² mën-chari¹ kalau mëraka dopot mëlihat harimau di-hutan itu.

Sa-tëläh kira² lëbeh sa-jam mëninggalkan kawasan Johor Baharu, ia-itu sa-tëläh mënëmpoh ladang² gëtah dan hutan² simpon, akhir-nya sampai di-sabuah simpang ada sa-buah pëkan këchil di-situ. Saya dapti pëkan itu bërnama Pëkan Ulu Tiram, ada jalan mëlëchong ka-kanan përgi ka-Sungai Tiram. Saya tëläh përnah përgi ka-Sungai Tiram itu pada kira² dua tahun dahulu ka-rumah sa-orang ipar saya bërkebun gëtah dan buah²an dalam kawasan itu. Hampir sëmua kawasan Sungai Tiram itu di-diami oleh këluarga Mëlayu bërkebun gëtah dan buah²an.

Untuk mēnēruskan pērjalanan ka-utara, saya tinggalkan Pēkan Ulu Tiram yang mēmpunyai bēbērapa buah kēdoi China di-situ ia-itu sa-tēlah saya sēmpat bērhēnti sa-bēntar mēmbēli sa-ikat rambutan yang kiro² banyak-nya lima puluh biji bērharga dēlapan puluh sen di-jual oleh pēroeh Mēlayu di-tēpi jalan.

Dēngan sa-ikat buah rambutan yang elok pula langkah-nya itu, anak² saya sibok makan rambutan, mēreka ta' pēdulikan kesah pērjalanan itu, mēreka bē-rēbut² hēndak banyak, ada pula saya dēngar suara anak saya itu mēnudoh adek bēradek-nya mēndapat lēbeh, dia mēndapat hanya dua biji sahaja. Saya tērsēnyum mēndēngar pēlahop budak² itu dan bērkata kapada is-tēri saya, "Elok buah itu di-bahagi sama banyak, supaya jangan mēreka bērkēlahi dan tudoh mēnudoh."

Buah rambutan tēlah sēlēsai, saya lihat anak² saya itu mula mēmērhatikan hutan gētah di-kiri kanan yang di-tēmpoh-nya itu, muka masing² mula jēmu mēlihat pēmandangan yang sa-rupa itu. Tiba² dalam masa saya mēmikirkan apa chērita yang elok saya chēritakan kapada mēreka, sa-orang daripada anak saya yang sēdang bērsēkolah mēnēngah itu bērtanya, "Gētah² ini memang pokok asal bērtumbuh di-nēgēri kita ini ayah?"

Dēngan chēpat saya mējawab, "Pokok gētah ini nama-nya Gētah Para, bukan pokok asal, ia-itu di-bawa daripada nēgēri Amerika Sēlatan. Para itu nama sa-buah tēmpat di-tēpi Sungai Amazon di-nēgēri Bra-

zil, di-kawasan Sungai Amazon ini-lah yang banyak bĕrtumbuh gĕtah yang kita lihat sĕkarang di-tanam dĕngan chantek oleh pĕkĕbun² gĕtah di-nĕgĕri kita ini. Di-Brazil, pokok gĕtah ini ia-lah pokok hutan.”

Anak saya bĕrtanya lagi, “Sudah lama pokok gĕtah ini di-bawa dari Brazil itu ayah?”

Sambil mĕmbelokkan motokar di-sabuah sĕlekoh bĕrlapis dĕngan bĕr-hati², kĕmudian saya mĕnjawab pĕrtanyaan anak saya itu, “Pokok gĕtah yang kita lihat banyak bĕrtumbuh di-nĕgĕri kita sĕkarang ini, asal-nya sa-banyak 22 batang anak gĕtah itu di-bawa dari Brazil oleh orang Inggĕris pada Tahun Masehi 1877 di-tanam sa-bahagian-nya di-Kĕbun Bunga Singapura dan sa-bahagian-nya di-tanam di-kĕbun British Resident Perak di-Kuala Kangsar. Kata orang, pokok gĕtah yang asal di-tanam di-Kĕbun Bunga Singapura itu maseh ada lagi hingga sĕkarang.”

Anak saya yang tĕlah mĕnjadi guru Sĕkolah Mĕlayu di-Singapura yang ada ikut sama itu tiba² dĕngan chĕpat bĕrtanya, “Bagaimana pula pokok ini boleh jadi mĕrebak dan bĕrkĕmbang biok di-sĕluruh Tanah Mĕlayu hari ini ayah?”

Saya memang tĕlah mĕmbacho kesah pĕrkĕmbangan gĕtah para ini, lalu mĕnjawab, “Chĕrita pokok gĕtah ini boleh mĕnjadi hutan sĕluruh Tanah Mĕlayu ini memang sangat mĕnarek kesah-nya. Pada mula pokok gĕtah itu di-tanam sa-mata² untuk mĕnjadi pokok ganjil kapada Kĕbun Bunga Singapura itu, tĕtapi ada sa-orang puteh yang mĕnjadi kĕtua Kĕbun Bunga

itu bernama Henry Nicholas Ridley, ia bekerja di-situ lama ia-itu dari Tahun 1888 hingga 1912, dia-lah yang mula menyiasat kegunaan pokok ini dan bagaimana cara dapat mengeluarkan getah-nya dengan mudah dan banyak, terutama masa itu orang di-Eropah dan Amerika telah dapat akal menggunakan getah itu untuk di-jadikan tayar motor dan basikal serta menjadi pembalut dawai elektrik, getah itu telah dapat dijual di-Eropah dengan harga mahal ia-itu sa-ringgit sa-tengah di-London bagi sa-paun, jadi saudagar Inggeris mendengar khabar getah boleh bertumbuh dengan subur dan baik di-negeri yang berhawa panas dan banyak hujan seperti Tanah Melayu atau Alam Melayu sebab itu Ridley mengambil peluang menghebahkan kepada peladang di-Tanah Melayu supaya chuba bertanam getah, sebab harga-nya mahal dan banyak dapat untung, di-Tanah Melayu getah itu boleh dijual dengan harga sa-paun empat puluh sen. Rahsia harga getah itu laku di-London sa-ringgit sa-tengah sa-paun tidak di-hebahkan, ini menjadi rahsia kepada saudagar Barat yang tamak dengan untung besar itu."

Anak saya yang mengerti wang empat puluh sen itu sekarang hanya dapat membeli sa-kati gula, atau dua biji buah apple di-bandaraya Singapura, terus menyampok, "Apa guna tanam getah kalau hanya mendapat empat puluh sen sa-paun?"

Saya tertawa mendengar chelahan-nya itu, lalu berkata, "Engkau ta' tahu nilai wang di-zaman lima enam puluh tahun dahulu. Kalau kita boleh dapat empat puluh sen sa-hari, sudah cukup makan anak beranak sa-ramai empat lima orang. Masa itu sa-kati

gula dua tiga sen sahaja, bĕras sa-gantang dua bĕlas sen, daging sa-kati lima bĕlas sen, duit satu sen boleh bĕli ĕmpat jĕnis barang ia-itu garam suku sen, bĕlachan suku sen, asam suku sen, lada kĕring suku sen. Tambong tĕrim dari Geylang Sĕrai ka-Tanjong Pagar hanya tiga sen sahaja. Bagitu-lah lain² barang sĕmuanya murah² bĕlaka masa itu. Jadi kalau sa-orang pĕladang kĕchil dapat mĕnghasilkan lima ĕnam kati gĕtah sa-hari, bukan-kah pĕladang kĕchil itu hidup sĕnang dan mewah, apalagi kalau sa-hari mĕreka dapat mĕnghasilkan sa-puluh kati gĕtah, sudah tĕntu mĕreka dapat sa-hari ĕmpat ringgit dan boleh hidup sangat mewah.”

Dĕngan bĕrupa tidak bagitu pĕrchaya dĕngan kĕtĕrangan saya itu lalu anak saya itu bĕrkata, “Kalau dapat barang² murah macham itu bagus yah, tĕtapi bĕtul-kah? Hari ini sa-kĕping bĕlachan sa-bĕsar dua jari dan sa-nipis kĕrtas tĕbol bĕrharga sa-puluh sen, asam sa-puluh sen sa-bĕsar buah pingpong, lada kĕring sa-puluh sen sa-banyak lima bĕlas biji, apa hĕndak di-kata harga daging sa-kati dua ringgit lĕbeh.”

Dĕngan tĕrsĕenyum saya mĕnjawab, “Apa yang ayah chĕritakan itu di-zaman nĕgĕri kita maseh puntong bĕrasap, sangat sadikit orang yang mĕne²mati tinggal di-rumah yang ada elektrik, motokar pun pada masa itu hanya bĕbĕrapa buah sahaja, bukan macham hari ini sudah macham sĕmut banyak-nya.”

Sa-orang daripada anak saya itu maseh ta² puas hati mĕndĕngar chĕrita saya itu bĕrtanya, “Kalau kita bĕli chuma sa-tĕngah atau suku sen sahaja, jadi duit

kita yang lebih itu bagaimana, ada-kah di-beri balek?"

"Sudah tentu di-bolekkan-nya. Masa itu ada duit suku sen dan sa-tengah sen. Duit suku sen itu sa-besar duit shiling sa-puluh sen dan duit sa-tengah sen itu sa-besar duit shiling dua puluh sen sêkarang itu." jawab saya sambil mēndēngar budak² itu bērchakap sama sēndiri, "Bagus ya kalau kita dapat macham itu."

Kēmudian saya mēnēruskan kētērangān saya bērkēnaan gētah itu, "Pēladang² kēchil tēlah bēr-rēbut² bērtanam gētah di-mana sahaja tanah kosong-nya, tē-tapi taukeh² yang kaya dan kompēni² Inggris chēpat mēmbuka tanah baharu untuk bērtanam gētah sa-luas²-nya. Dalam masa sa-puluh tahun bē-ratus² ekar tanah tēlah di-tanam gētah. Pada Tahun 1905 kēbun gētah tēlah ada di-Tanah Mēlayu sa-luas 50,000 ekar, tē-tapi pada hari ini kēbun gētah tēlah ada sa-luas kira² ēmpat juta ekar."

"Wah banyak-lah orang kaya masa itu." sahut anak saya yang tēlah sēkolah mēnēngah itu.

"Memang banyak orang jadi kaya, tē-tapi bukan orang Mēlayu, kērano orang Mēlayu lambat mēngambil kēsēmpatan mēmbuka ladang gētah itu macham orang² lain bangsa itu." kata saya.

Anak saya dēngan ta² puas hati bērtanyo, "Mēngopa orang Mēlayu lambat mēngambil kēsēmpatan itu ayah?"

Dēngan lambat saya mējawab, "Kērana adat orang Mēlayu suka mēlihat dēngan mata-nya sēndiri hasil yang datang bērlanggak. Orang kita masa itu lēbeh pērchaya dēngan ladang kēlapa buah-an-nya, mēreka hampir ta' pērchaya gētah boleh mēmbēri untang bēsar masa itu, apalagi dalam pērhitungan mēreka gētah itu pokok yang ta' ada mēngēluarkan hasil yang boleh di-makan."

Sēmua anak saya tērdiam mēndēngar kētērangan saya itu, mungkin mēreka mēngērti chērita saya itu. Dalam kētika itu saya lihat ada bēbēarpa buah lori mēmbawa balok bēsar datang dēngan laju-nya mēnuju ka-arrah saya. Kata istri saya, "Baik jalan pērlahan dan mēnēpi, kalau tērlanggar sudah tēntu kita penyek oleh-nya."

Rupa-nya dari sēmēnjak bērlēpas dari bandar Johor Baharu, anak saya yang mējadi guru itu tēlah mēnghitung dēngan diam lori balok yang bērsēliseh dalam pērjalanan itu. Kata anak saya itu, "Dari tadi saya kira dēngan yang datang ini tēlah tiga puluh buah. Rupa-nya tiap hari banyak kayu balok di-kēluarkan dari dalam hutan."

Sampak saya, "Memang satu daripada hasil bēsar di-nēgēri kita ini ia-lah kayu kayan, tētapi kalau tērus di-potong pokok bēsar dalam hutan itu tēntu-lah dalam masa ta' lama habis kayu bēsar yang bērguna di-hutan kita ini. Kayu itu hēndak bēsar bagitu sa-kurang-nya lima ēnam puluh tahun, yang ada hingga bēratus tahun. Biasa-nya kayu itu kalau jēnis kayu

kēras yang baik lama masa-nya baharu bēsar umpama-nya kayu cedar yang bērtumbuh di-nēgēri Libanon itu umur-nya hingga dua tiga ribu tahun baharu elok di-ambil untok di-gunakan."

Kētiko hēndak sampai ka-kawasan bandar Kota Tinggi saya bērtanya kapada anak¹ saya kalau mēreka hēndak bērhēnti di-bandar itu. Istēri saya chēpat mēnjawab tērlēbeh dahulu, "Jangan-lah kita bērhēnti, kita maseh jauh hēndak sampai ka-Kuantan." Anak² saya sēmuanya diam tidak mēnjawab sēbab mēreka bērsētuju dēngan chakop ēmak-nya itu. Sēbab itu bandar Kota Tinggi saya lintasi dan bērkota kapada anak³ saya, "Nanti ja'on balek kita singgah."

Kētiko mēnyēbērang jēmbatan Kota Tinggi yang panjang, tinggi dan bērupa mēlengkong itu, anak saya bērtanya, "Mēngapa jēmbatan ini dudok-nya lēbeh tinggi dari bandar ini sēndiri, nama-nya Kota Tinggi, sa-patut-nya bandar ini dudok-nya di-atas tanah tinggi."

Anak⁴ saya yang lain sama mēmpērhatikan kawasan bandar itu dan mēnyampok sama, "Ya, ganjil pula bandar ini, bila kita lalu di-atas jēmbatan-nya bēnar⁵ kita lalu di-atas bumbong kēdai di-tēpi jēmbatan itu."

Saya ikut sama tērtowa dan mēnjawab, "Kawasan bandar Kota Tinggi ini memang dudok-nya di-kawasan rēndah, bila musim hujan dan sungai itu bah,

rumah² dalam bandar itu habis tenggelam, sebab itu jambatan-nya di-buat tinggi supaya jangan tenggelam. Sungai itu ia-lah hulu Sungai Johor yang kuola-nya mengalir ka-Selat Teberou."

Anak³ saya semua-nya diam mendengar keterangan saya itu, kemudian saya meneruskan keterangan berkenaan yang berhubung dengan Kota Tinggi, "Harus masa dahulu bandar Kota Tinggi duduk-nya di-atas bukit yang tidak berapa jauh itu. Kawasan ini telah terbuka lama dari semanjok Kerajaan Melayu Johor, raja-nya berketurunan dari anak chuchu Sultan Melaka yang alah oleh serangan Portugis pada Tahun 1511 itu. Kalau kita ada masa nanti waktu jalan balek elok kita melihat kawasan Kerajaan Melayu Johor pada zaman dahulu, di-situ akan dapat kita lihat sekarang bekas⁴ kota Kerajaan Melaka di-zaman dua tiga ratus tahun dahulu dan makam sultan⁵ yang memerintah masa itu di-antara-nya makam Sultan Mahmud Mangkat Di-Julang dan Makam Laksamana Bentan yang menikam Sultan Mahmud itu."

Semua anak⁶ saya itu gembira mendengar keterangan saya itu dan mereka bersama berkata, "Bogus kita singgah masa jalan balek nanti ayah."

Dengan tidak sedor saya telah melarikan motor dengan laju menuju ka-utara sebab jalan-nya di-sini mulai lurus tidak banyak yang bengkok-bengkok. Sedang sedang melarikan motor itu tiba⁷ saya mendengar anak saya yang kecil muntah, bau muntah itu sangat masam. Istri saya cepat meminta saya menghentikan motor di-tempat yang ada ayer atau di-

mana' pëkan kēchil. Kēbētulan saya lihat ada tanda akan sampai ka-pëkan Jëmaluang tidak bërapa jauh lagi, sēbab itu saya tērus mēlarikan motakar mēnuju ka-pëkan itu untok bērhēnti.

KAWASAN PANTAI

Saya bĕrhĕnti di-sabuah kĕdai kopi Chĭna di-pĕkan Jĕmaluang yang dudok-nya di-tĕpi jalan ka-utara itu. Pĕkan itu tĕrdiri sa-baris kĕdai, hampir sĕmua-nya kĕdai China mĕnjual barang² kĕpĕrluan hari², ada kĕdai buah dan kĕdai mĕnjual kain. Kĕdai tĕmpat saya singgah itu yang mĕnjaga-nya China pĕrĕmpuan dan saya dĕngar pelat-nya bila ia bĕrchakap ia-lah China Hailam atau Hainan.

Saya bĕrtanya kapada China pĕrĕmpuan itu bĕrapa jauh lagi bandar Mĕrsing. Kata-nya tidak jauh ia-itu kira² dua puluh batu. Anak saya yang muntah itu di-bĕrsehkan dan sĕmua anak² saya yang lain kĕluar dari motokar mĕmbuang kĕbas, ada di-antara-nya hĕndak minum sĕbab hari sangat panas. Waktu tĕlah hampir tĕngah-hari. Ada kira² sa-tĕngah jam kami bĕrhĕnti

di-bandar kēchil itu ia-itu pēkan kēchil yang mēnjadi pērsimpangan jalan pēnting kalau hēndak ka-pantai barat, sēbab oda jalan boleh ka-Kēluang dan mēnuju ka-Batu Pahat kalau kita mēmbelok jalan kiri. Jalan ka-utara ia-lah lurus dan tērus mēnuju ka-pantai.

Pada masa Tanah Mēlayu sa-bēlum mērdēka ia-itu sa-lēpas Pērang Bēsar Kēdua (Tahun 1939 — 1945), maka kira² hampir dua bēlas tahun kawasan Jēmaluang ka-Kēluang itu mēnjadi kawasan hitam tēmpat sēlalu bērlaku pērtēporan di-antara gērakan Kaminis dēngan pihak Pēnjajah Inggris, mēlainkan sa-tēlah lēpas Tanah Mēlayu mērdēka pada Tahun 1957, baharu-lah tamat zaman dharurat dan aman sa-mula, jalan Kēluang itu tērbuka sa-mula dēngan bebas dan aman.

Dalam pērjalanan mēnuju ka-Mērsing ini saya mēnjalkan motokar tidak laju, kērana saya takut anak saya yang muntah itu tērkēna muntah lagi, budak itu saya lihat tē'ah tidor, angin Laut China mulai tērasa bērtiup dari sa-bēlah kanan, kira² tidak sampoi tiga suku jam kami sampoi di-kawasan Mērsing dan tērus saya masok ka-bandar Mērsing yang indah itu, sa-buah bandar bēsar bagi timor nēgēri Johor.

Pada kira² sa-tahun dahulu saya tēlah pērnah sampoi ka-bandar Mērsing ini bērsama satu rombongan pēngarang Pustaka Mēlayu dan bērmalam di-bandar ini. Tujuan lawatan kami pada sa-tahun yang lalu ia-lah kērana mēnyiasat bēkas² dan kēsān² pahlawan Mēlayu Wan Mat Dērus yang kubor-nya maseh oda di-Kuala Sungai Mērsing atau di-Kampung Mērsing Kanan kata orang² di-Mērsing. Kēsān lawatan itu, saya tēlah

dapat mengarangkan sa-buah nobel yang bernama Wan Dêrus itu.

Saya bawa anak¹ mêngëlilingi bandar Mërsing yang tidak bêsar têtapi indah dan nyaman, yang dudok-nya bënar² di-têpi Laut China, di-lindongi oleh bēbērapa pulau³ kēchil yang kēlihatan jēlas. Angin laut sa-panjang masa bērtiup kēnchang. Masjid Mërsing yang dudok-nya di-atas bukit di-têpi bandar itu kēlihatan tērsērgam indah mēnjadi lambang kēindahan bandar kēchil itu. Tēmpat makan angin-nya yang banyak pokok ru bēsari bērderet di-têpi pantai itu, di-kawasan tēmpat makan angin itu pantai-nya bērturap batu. Kata orang⁴ di-Mërsing, pada hari⁵ chuti atau hari kēlêpasan, ramai orang bērkelah dan mandi⁶ di-situ. Saya tidak bērhēnti di-bandar Mërsing itu kērana hēndak mērēbut masa supaya tiba di-Kuantan sa-bēlum pē-tang sangat. Anak⁷ sēmua-nya sētuju ta' payoh bērhēnti makan tēngah-hari di-situ, mēreka hēndak makan di-bandar Pēkan kira⁸ pējalanan dua jam lagi.

Memang istēri saya ada mēmbawa kueh untuk alas pērut, sēbob itu anak⁹ saya tidak mērasa lapar, sa-panjang jalan mēreka tērus mēgunyah tidak bērhēnti¹⁰. Saya hanya minum kopi kētika bērhēnti di-Jēmaluang.

Pējalanan dari bandar Mërsing mēnuju ka-Ēndau ia-itu sēmpadan nēgēri Johor dēngan Pahang mēmakan masa kira¹¹ satu jam, jalan-nya baik. Di-kiri kanan jalan bērbukit dan hutan, têtapi kērap bērsēliseh dēngan motokar dan lori¹² balak sērta bas pēnumpang. Anak saya bising mēngatakan sayang pējalanan tidak mēla-

lui di-tĕpi pantai, kalau dapat pĕrjalanan sapĕrti di-Mĕrsing sangat sĕdap tidak mĕrosa pĕnat.

Saya mĕnĕrangkan kapada anak saya, "Ta' lama kita akan sampai di-utara sĕkali bagi nĕgĕri Johor ia-itu di-Sungai Endau, kita akan mĕnyĕbĕrang sungai itu mĕmakai peri."

Istĕri saya bĕrtanya chĕpat, "Elok peri di-Endau itu?"

Saya tĕrsĕnyum mĕndĕngar pĕrtanyaan-nya sĕbab saya tahu istĕri saya itu takut naik peri kĕrana dia tĕlah mĕmbacha bĕrita pada bĕbĕrapa tahun dahulu sa-buah bas pĕnah bĕrиси pĕnumpang mĕnyĕbĕrang salah sa-buah sungai di-Tĕrĕngganu tĕlah tĕnggĕlam dan habis sĕmua pĕnumpang-nya mati lĕmas. Jawab saya, "Peri di-Endau ini bĕsar sama sapĕrti peri di-Batu Pahat dan Muar, jangan-lah kkuatir."

Kĕtika saya sampai di-Endau sa-tĕlah mĕlalui pĕkan kĕchil ia-itu Pĕkan Endau yang umur-nya lĕbeh tua daripada bandar Mĕrsing itu, anak² saya bĕrkata, nampak-nya Endau ini ramai juga. Kĕmudian ta' lama kami sampai di-tĕpi tĕbing Sungai Endau, kĕlihatan di-situ tĕlah ada bĕbĕrapa buah motokar bĕrĕderet mĕnanti giliran untuk mĕnyĕbĕrang mĕnanti peri yang baharu bĕrlĕpas. Saya lihat ada dua buah peri, ia-itu sa-buah datang dari tĕbing sa-bĕlah sana dan sa-buah baharu lĕpas dari tĕbing sa-bĕlah sini. Tiap² peri itu mĕmbawa ĕnam buah motokar.

Anak² saya sĕmua-nya kĕluar dari motokar kĕrana kĕbĕtulan di-situ ada budak² mĕnjual jagong rĕbus, sĕ-

mua-nya mēmbēli jagong, ada yang mēmbēli dua buah, harga-nya murah pula, jagong yang kēchil sadikit lima sen sa-biji dan yang bēsar sa-puluh sen. Saya bērtanya budak yang mēnjual jagong itu di-mana dia dapat jagong itu, ada-kah sēkarang musim jagong.

Jawab budak² Mēlayu yang mēnjual jagong itu, "Kami tanam sēndiri sēkarang memang banyak jagong di-sini."

Saya tēringat di-Singapura ada juga China bēr-
jaja mēnjual jagong rēbus, tētapi jagong² itu bukan-lah sapērti jagong yang di-jual oleh budak² itu maseh lēm-but dan baharu di-pētek, sēbab itu lēmak manis rasa-nya. Jagong² yang di-jual di-bandar Singapura itu ia-lah jagong tēlah hampir² kēring dan tua² pula, harga-nya juga lēbih mahal daripada jagong yang di-jual oleh budak² itu.

Sēmēntara mēnantikan kētibaan peri yang dari sēbērang sana sēdang bērgērak pēnah dēngan lori dan motokar di-atas-nya, saya bērpēluang bēr-chakap² dēngan orang yang bēkērja mēnjaga kētibaan peri, ia-itu mēnjaga pēnyambung jēmbatan yang tērlēkat di-tēpi tēbing dēngan peri yang tiba. Ia sa-orang pēmuda Mēlayu, badan-nya tēgap, bērpakaian sēluar hitam dan baju kēmeja kain khaki kuning sambil kēpala-nya di-tutupi oleh topi yang tēlah buruk sangat. Dēngan tēr-sēnyum saya bērtanya, "Saudara tēlah lama bēkērja di-sini?"

"Saya bērkuli di-sini tidak bērapa lama, saya orang Endau, oleh sēbab saya kērja di-sini tidak susah

sangat seperti menangkap ikan di-laut besar itu, jadi saya suka bekerja di-sini." kata-nya dengan tersipu.

Cherita-nya itu saya dengar dengan penuh tandanya mengapa ia terus menceritakan hal nelayan yang susah hidup-nya itu. Saya chuba bertanya lagi, "Saudara ta' ada kebun atau ladang sendiri?"

Dengan tersipu lagi ia menjawab, "Saya anak nelayan, saya bersékolah Melayu itu pun ta' tamat, jadi apa-lah hendak saya buat kerja, hendak jadi nelayan seperti orang tua saya itu, saya ta' berapa gemar di-laut yang penuh merbahaya itu."

Saya terdiam mendengar cerita-nya itu dan ter-nampak oleh saya bagaimana susah-nya menjadi nelayan kita menangkap ikan dengan cara lama yang penuh merbahaya, ia-itu dengan sampan dan jala di-tengah laut yang sentiasa bergelombang. Saya percaya kalau pemuda itu mendapat lotehan menangkap ikan dengan motobot dan ada perkakas moden sabagai di-lakukan oleh nelayan negeri yang maju, tentu sahaja pemuda itu tidak meninggalkan baka-nya yang telah berketurunan itu.

Sedang saya terdiam itu sambil melihat peri yang datang dari seberang sana telah hendak hampir ke-seberang sini, tiba-tiba pemuda itu berkata, "Saya dengar khabar-nya, kerajaan hendak buat jambatan menggantikan peri di-sini, tentu-lah orang ramai akan senang menyéberang dengan mudah, terutama motokar." Sambil saya dengar dia menarek nafas panjang dan

pergi menjalankan tugas-nya. Saya sendiri menyuruh anak² saya semua naik motokar sa-mula untuk menyebarkan dengan peri yang tiba itu.

Peri itu besar juga, boleh muat enam buah motokar dengan mudah. Yang menolak peri atau rakit motoden itu ia-lah motobot. Istri saya diam duduk dalam motokar di-atas peri yang sedang di-tolak oleh motobot itu, mungkin hati-nya chemas menyebarkan Sungai Endau yang lebar itu. Anak² saya bising berchakap sama sendiri berkata, "Chantek pemandangan di-tengah² sungai ini, tengok di-sabalah tebing kanan sana rumah² di-tepi sungai."

Sompok saya, "Itu Kompong Endau."

Anak saya yang menjadi guru itu bertanya, "Panjang-kah Sungai Endau ini ayah?"

"Sungai Endau ini menjadi sempadan negeri Pahang dengan negeri Johor sekarang. Kuala-nya mengalir ka-Laut China hala sa-belah kanan kita, hulunya panjang ber-chabang² masak ka-tengah² negeri Johor hingga ka-Keluang dan hampir bersambung dengan Sungai Benut yang mengalir ka-Selat Melaka, satu daripada hulunya hampir bersambung dengan hulu Sungai Muar yang mengalir ka-Selat Melaka itu juga, dan satu daripada hulunya mengalir ka-dalam negeri Pahang dan hampir bersambung dengan hulu Sungai Rompin yang mengalir ka-Laut China itu." saya menerangkan dengan jelas.

Kira' sa-puluh minit peri yang kami tumpang pun tiba di-tēbing kawasan Pahang. Di-tēpi tēbing itu ada sa-buah pondok untok mēnjual makanan dan minuman yang di-usahakan oleh orang Mēlayu. Sa-tēlah sēlamat motokar saya mēndarat di-tēbing kawasan nēgēri Pahang, lalu saya bērtanya anak' saya kalau hēndak singgah di-pondok yang ada mēnjual barang' makanan itu, tētapi istēri saya chēpat mēnjawab, "Ta' poyoh, elok kita tērus dan kita bērhēnti di-bandar Pēkan sa-haja."

Dēngan tidak lengah tērus saya mēlorikan motokar mēnuju ka-utara, kēbētulan jalan-roya-nya sangat baik dan baharu siop di-buat dēngan chantek. Anak saya yang kēchil' bērtanya, mēreka bērada di-mana sēkarang.

Jawab saya, "Sēkarang kita tēlah tinggalkan nēgēri Johar dan kita tēlah bērada di-nēgēri Pahang sa-lēpas kita tinggalkan Sungai Endou tadi."

Sa-orang daripada-nya bērtanya, "Lama lagi kita sampai di-Kuantan, ayah?"

"Kalau kita jalan tērus, kira' dua jam lagi kita sampai. Kita akan bērtēmu dēngan ēmpat peri lagi baharu sampai ka-Kuantan." jawab saya.

Saya dēngar masing' mēminta kueh' yang maseh ada di-mongkok tingkat dan yang ada minta hēndak minum teh yang ada di-bawa. Anak saya yang muntah

jadi kelihatan telah segar sa-mula sedang minum susu di-botol.

Tidak sampai sa-tengah jam saya melerikan motokar, tiba di-persimpangan jalan, ia-itu membelok ka-kanan masuk ka-pekan kecil di-tepi laut bernama Kuala Rompin, duduk-nya di-Kuala Sungai Rompin. Saya bawa anak² masuk ka-bandar kecil ini untuk melihat sa-buah bandar kecil terdiri rumah² kedai papan di-kiri kanan sa-batang jalan dan kelihatan banyak kambing berkeliaran di-pekan kecil itu. Saya singgah di-sabuah kedai minyak petrol di-usahakan oleh sa-orang Melayu bernama Che'gu Saiyed Othman bin Ali Albaity. Saya ta' turun dari motokar, hanya saya mēmbēri kapoda anak-nya yang ada di-situ sa-batang tongkat kayu tas atau kayu limpanas yang saya dapat dari Bērunei. Saya memang telah pernah sampai di-Kuala Rompin ini masa lawatan saya ka-Mērsing dahulu dan kali kedua masa saya melintasi jalan balek dari Kuantan ka-Singapura ketika menghantar anak perempuan saya berpindah ka-Kuantan pada pertengahan bulan Mei yang lepas. Ketika saya berjumpa dengan Saiyed Othman itu dahulu di-rumah-nya di-Kuala Rompin itu saya berjanji akan menghadihkan kapoda-nya kayu tas atau kayu limpanas itu.

Anak Saiyed Othman itu mengajak ber-peri² saya singgah berjumpa dengan ayah-nya, tetapi saya katakan hendak lēkas, hanya saya berkirim salam kapada

ayah-riy^o, lain kali kalau ada peluang saya akan singgah.

Saya^o kenal dengan Saiyed Othman itu masa ia belajar di Maktab Perguruan Melayu Sultan Idris Tanjung Malim, masa itu saya telah menjadi guru di Maktab itu. Saiyed Othman itu sekarang telah bersara, kerana kechegasan-nya, ia maseh dapat membuat perusahaan gemilang membuka kedai minyak di-Kuala Rompin. Saya hormati usaha-nya yang sangat baik itu, kerana dalam lapangan membuka kedai minyak petrol ini di-dalam seluruh Tanah Melayu mungkin ta' sampai sa-puluh orang Melayu yang mengusahakan-nya, pada hal seluruh Tanah Melayu kalau tidak beratus, berpuluh-kedai minyak petrol di-merata cherok rantau kelihatan di-usahakan oleh orang yang bukan Melayu.

Ketika meninggalkan pekan Kuala Rompin, saya berkata kepada anakⁱ saya, "Kita akan bertemu tidak berapa jauh dari sini jalan-roya yang belum selesai dibetulkan, ia-itu jalan-roya belum memakai tar, kemudian kita akan bertemu pula dengan peri lagi."

Istëri saya bertanya, "Boleh kita lalu jalan itu?"

"Kalau ta' boleh jalan ta' kan saya pilih jalan ini." jawab^o saya dan saya lihat muka istëri saya maseh raguⁱ.

Kebetulan ketika itu motokar sampai di-jalan yang belum baik itu, ia-itu sa-bahagian-nya maseh bertembok dengan batuⁱ besi kasarⁱ dan motokar ter-

paksa berjalan sangat perlahan, sebab saya takut tayar-nya patah, anak saya yang bersèkolah Inggris berkata, "Kita sekarang berjalan **dead slow**."

Anak saya yang bersèkolah Melayu bertanya, "Apa **dead slow** itu?"

Anak saya yang mengerti bahasa Inggris terus menterjemahkan-nya, "Perlahan mati, tetapi dalam bahasa Melayu yang sa-benar-nya jalan perlahan² sekali."

Sa-lêpas melalui jalan yang penuh ber-batu² itu, lalu sampai di-jalan yang maseh memakai tanah dan pasir belum bertambah batu. Kebetulan di-hadapan kami ada dua buah motokar, hari sedang panas terik, sebab itu habuk berterbangan naik dengan gelap diseluruh jalan itu di-sabèlah hadapan. Saya terpaksa menjalankan motokar dengan perlahan² mengelakan habuk tebal di-hadapan itu, tetapi terpaksa juga bertemu dengan habuk itu, semua anak² menutup mulut dan hidung, saya terpaksa menahan nafas supaya tidak terhidu dengan banyak-nya habuk itu masuk ka-paru². Kira² sa-puluh menit berjalan perlahan² itu, kami pun sampai ka-jalan yang memakai batu² besi ber-tongkol² besar², sedang di-ator oleh pekerja² di-situ.

Tidak berapa lama, sampai-lah ka-jalan yang memakai tar itu dan saya melarikan motokar dengan laju kerana mēyedut udara berseih dan sampai ka-tēpi sungai, di-situ saya lihat nama-nya kawasan itu Sabak ada peri kecil pakai terek untuk menyèberang Sungai Sabak itu. Peri itu boleh muat empat buah motokar,

di-kiri kanan peri itu ada di-pasang tali kawat yang bésar, tali itu mērintang sungai itu, bila isi peri itu tēlah chukup, tali kawat itu di-gulong oleh jëntera yang ada di-tēpi tēbing sungai itu dan bĕrjalan-lah peri itu mĕnyĕbĕrang ka-tēbing sana. Chara ini di-namakan **Ponton Peri** atau **Rakit Bĕrtarik**.

Mĕnyĕbĕrang peri itu kira² lima menit sampai di-tēbing sa-bĕlah dan dari situ motokar dapat di-larikan dĕngan laju mĕnuju ka-utara mĕngikut kawasan yang tidak bĕrapa jauh dari tĕpi pantai, tĕtapi ta² kĕlihatan pantai sĕbab di-tutup oleh hutan kĕchil yang bĕrtumbuh di-tĕpi² pantai nĕgĕri Pahang itu. Kira² sa-puluh menit kami pun sampai di-sabuah lagi peri kĕchil sa-pĕrti ponton peri mĕnyĕbĕrang Sungai Sabak tadi. Kawasan ini bĕrnama Mĕrchong, ada sa-buah sungai kĕchil bĕrnama Sungai Mĕrchong dan kĕlihatan ada sa-buah kampung kĕchil tidak jauh dari sungai itu. Mĕnyĕbĕrang sungai itu juga mĕmakan masa lima menit, lĕpas itu dapat mĕlarikan motokar dĕngan laju kĕrana jalan-nya baik dan kira² sa-puluh menit kami tiba di-tēbing Sungai Nĕnasi, saya lihat di-tĕpi sana ada sa-buah kampung kĕchil dan peri-nya sama dĕngan peri kĕchil di-Sabak dan Merchong, hanya Sungai Nĕnasi ini lebar sadikit daripada kĕdua sungai kĕchil tadi dan kĕlihatan jĕlas dari kawasan peri itu tĕpi pantai, ĕrti-nya kawasan Nĕnasi itu bĕnar² bĕrhampiran dĕngan tĕpi laut.

Mĕnyĕbĕrang sungai ini juga mĕmakan masa lima ĕnam menit, anak² sĕmuo-nya mula saya lihat tĕlah gĕlisah kĕpanasan, hari tĕlah pukul satu lĕbeh. Bila tĕlah sĕlĕsai mĕnyĕbĕrang sungai itu, saya bĕrtanya

kapada istëri saya kalau hëndak singgah di-kédai kopi yang saya lihat di-tëpi tèbing itu, kédai² di-situ ia-lah kédai atop dan papan, ada bēbērapa buah motokar bërghënti di-situ dan ada polis bërkawal di-situ mēmē-reksa këreta² yang mëlalui kawasan itu.

Sa-orang anak saya bërkata, "Di-sini juga ada **Polis Stop.**"

Anak saya yang lain dëngan tërtawa bërtanya, "Apa ërti-nya **Polis Stop** itu?"

Jawab yang mēngërti bahasa Inggëris, "Kita mēsti bërghënti."

Yang bërtanya itu ta' puas hati lalu bërkata lagi, "Ta' bëtul, ia-lah **polis stop** itu ërti-nya **polis bërghënti** bukan kita yang bërghënti."

Jawab anak saya yang mēngërti bahasa Inggëris itu, "**Polis stop** itu tëläh mënjadi bahasa ungkapan, sama sapërti **dead slow** tadi atau Rumah Sakit dalam bahasa Mëlayu, ërti-nya bukan rumah itu yang sakit ia-lah rumah itu untuk mēngubat orang sakit."

Sëdang anak² saya itu bërbohath, anak saya yang kēchil ia-itu yang lēbeh bësar dari yang muntah tadi tëläh muntah pula. Istëri saya mēnyuroh bërghënti di-tëpi jalan bërhampiran dëngan kampung itu. Saya bërghëntikan motokar di-hadapan sa-buah kédai kēchil di-bawah lindongan sa-batang pokok bësar di-tëpi jalan itu. Orang² di-situ nampak-nya dudok² di-hadapan pintu rumah-nya dan yang ada dudok² di-bangku kédai,

mereka melihat kami, tetapi sa-orang pun tiada yang datang bertanya mengapa kami berhenti di-situ. Istri saya mēmbērsehkan muntah anak saya itu, anak¹ saya ta' ada yang hēndak turun di-situ kērona mēreka hēndak lēkos sampai ka-bandar Pēkan tidak bērapa jauh lagi, ia-itu kira² pērjalanan sa-lama sa-jam lagi.

Sa-tēlah kira² sa-puluh menit bērhēnti di-situ, lalu kami mēninggalkan tēmpat itu dan jalan-nya lurus², sēbab itu dapat mēlarikan motokar dēngan laju. Jalan di-sini banyak yang mēlalui jalan yang bērhampiran dēngan tēpi pantai laut. Sangat sēdap mēlalui kawasan ini kērona mēndapat angin laut dan pēmandangan² Laut China yang kēlihatan mēmbiru bērkilau'an di-panah oleh cahaya matahari. Ada juga kēdapatan kampung² kēchil kampung nēlayan, ia-itu rumah² pondok tēmpat tinggal nēlayan yang mēnchari pēnghidupan di-laut.

Pērjalanan pada tēngah-hari itu tidak sēdap, walaupun pun mēndapat angin kērona laju motokar itu, tētopi badan tidak bērapa sēdap, muka mērasa saperti pēnah dēngan habok. Jalan di-kiri kanan ada juga yang di-tanam kēlapa dan ada pula yang bērtanam gētah, tētopi sa-lain dari pokok kēlapa, lain² tumbuh'an tidak subur bērtumbuh di-tēpi laut. Kēbanyakan kawasan tēpi laut itu di-pēnahi oleh sēmak¹ pokok kēmunting atau pokok¹ kēchil saperti pokok sēndudok, nyireh dan pokok ru.

Dalam pērjalanan hēndak ka-bandar Pēkan itu sēlalu juga bērsēliseh dēngan motokar dan lori, akhir-nya kira² sa-jam lēbeh, kami pun sampai di-kawasan kam-

pong dan kebun' gëtah ia-itu mënunjokkan tidak bē-
rapa jauh akan sampai ka-bandar tua nēgēri Pahang
dan tēmpat bērsēmayam Sultan Pahang yang tēlah sē-
mēnjak dua abad lama-nya.

Kata saya kapada anak², "Kita akan sampai ka-
bandar Pēkan, pada sa-ratus tiga puluh tahun dahulu
Abdullah Munshi pērnah singgah di-situ, siapa yang
pērnah mēmbacha Hikayat Pēlayaran Abdullah?" ta-
nya saya kapada anak² saya itu.

Jawab anak saya yang tēlah mēnjadi guru, ia tēlah
mēmbacha hikayat itu, tētapi masa itu mēngikut chē-
rita Abdullah Munshi ia tiba di-Kuala Sungai Pahang
tidak mēnyēbutkan nama Pēkan. Ia ada mēnyēbut
nama Tanjung Batu dan Kuantan.

Sampok saya, "Tanjung Batu tēlah kita lampau,
kita tidak nampak dari tēpi jalan, tētapi kita akan pēr-
gi ka-Kuantan dan sēkarang kita akan singgah di-
tēmpat Abdullah Munshi singgah."

Kata anak saya, "Mēngikut chērita Abdullah
Munshi, di-Pahang ta' ada bandar, kawasan-nya maseh
hutan, sēbab itu elok kita lihat sa-tēlah sa-ratus tiga
puluh tahun tēntu bēsar pērubahan-nya."

"Itu sudah tēntu, sēdangkan Singapura masa Ab-
dullah Munshi itu maseh bērupa sapērti bandar² yang
sa-habis kēchil di-pēkan² Tanah Mēlayu, Johor Baharu
sēkarang agak-nya sa-puluh kali bēsar daripada bandar
Singapura masa itu." kata saya kapada anak² saya.

Ketika itu kami pun telah masuk ka-kawasan bandar Pekan mengikuti di-siring Sungai Pahang. Keliihatan rumah² kedai sa-deret duduk-nya menghodapi jalan di-tēpi tēbing Sungai Pahang. Di-tēpi tēbing yang bērturap itu ada bēbērapo pokok² bēsar bērtumbuh dēngan rimbun-nya, di-bawah pokok bēsar itu banyak motokar bērhēnti dan ramai juga orang duduk² ditembok di-tēpi sungai itu, yang ada duduk di-bawah pangkal pokok itu.

Saya mēmbērhēntikan motokar di-tēpi tēbing itu di-bawah pokok bēsar. Di-situ ada motokar yang datang dari Sēlangor dan Singapura. Motokar yang datang dari Sēlangor itu kita kēnal pada nombor motokar itu mēmakai tanda huruf B, BA, BD. Motokar yang datang dari Singapura saya kēnal ia-itu pada nombor motokar itu mēmakai huruf S, SB, SC, SU dan lain², tētapi mēsti bērpangkal huruf S pada awal nombor motokar itu. Motokar² yang tinggal di-Pahang sēmuanya mēmakai huruf C di-pangkal nombor-nya.

Kawasan itu bērupa aman damai, orang tidak keliihatan ramai. Rumah kedai itu sa-bahagian-nya rumah papan, hanya tērlētak di-atas tapak yang tinggi, ini di-sēbabkan bila musim hujan dan bila datang bah kedai² itu supaya tidak tēnggēlam oleh oyer.

Istēri saya bērtanya ada-kah kedai makan Mēlayu di-bandar itu. Dēngan chēpat saya bērkata, "Turunlah sēmuo, kita pērgi ka-kedai makan India yang bērhampiran dēngan tēmpat lētak motokar kita, di-situ ada jual nasi dan minuman." Memang kedai itu ada

ménjual roti pēratah atau roti chanai, nasi, rojak dan mi.

Anak² saya sēmuo bērlumba² turun dari motokar, mēreka bukan lapar, tētopi haus. Mēreka pērgi ka-kēdai itu mēminta ayer batu manis dan mēreka makan rojak dan mi goreng. Kata mēreka, bila sampai di-Kuantan nanti kita makan nasi di-sana.

* * * *

Kira¹ sa-jam saya bērhēnti di-bandar Pēkan itu. Sa-tēlah anak² sēmuo sēlēsai minum dan makan, lalu mēreka bēr-jalan² mēlihat kēdai² yang sa-deret itu. Saya bērdiri di-kaki lima kēdai itu mēlihat Sungai Pahang dan di-tēngoh sungai itu ada pulau. Saya tēringat chērita Abdullah Munshi mēnchēritakan kētika ia masuk ka-Kuala Sungai Pahang itu, di-tulis-nya: **“Maka ada-lah sifat-nya sungai itu tērlalu lebar, kira² sayup mata mēmandang sēbērang mēnyēbērang, kiri kanan-nya pasir puteh dan ayer-nya tawar. Shaḥdan ayer-nya itu sēntiasa hilir sahaja, tiada bērbalas pasang; dan kalau kētika hujan di-hulu, sampai tēngoh laut-nya ayer tawar. Dan lagi dalam sungai itu ada bēbērapa buah pulau, ada kēchil ada bēsar.”**

Bagitu-lah Abdullah Munshi mēnchēritakan pēmandangan Kuala Sungai Pahang, kērona bēliou tiba dēngan sēkochi sēbab itu dapat mēnchēritakan pēmandangan kuala sungai itu dēngan jēlas. Tēntang bēliou mēnga-

takan sungai itu chukup lebar memang bēnar dan ada pulau² di-dalam-nya, itu juga saya dopati memang bēnar ada pulau. Sa-bulan pulau itu di-antara-nya dudok bērhadapan dēngan bandar Pēkan itu. Kata orang di-situ ada di-antara pulau itu bērnama Pulau Tejo, ia-itu yang pērhubungan-nya dēngan chērita Tun Teja yang mēnjadi istēri kapada Raja Mēlaka, yang di-larikan oleh Hang Tuh dari Pantai Timor.

Saya pērchaya di-bandar Pēkan itu-lah tēmpat yang di-datangi oleh Abdullah Munshi, kērana tidak jauh dari bandar itu ada pēngkalan tēmpat pērahu² singgah dan di-tēpi sungai itu moseh ada kampong orang. Chuba kita lihat apa kata Abdullah kētika tiba di-tēpi tēbing tēmpat pērahu² singgah: **"Maka ada-lah kira² tēngah dua jam bēlayar mudak itu, sampai-lah di-Kampong China. Maka saya lihat ada bēbērapo ratus orang Mēloyu dan China tēlah mēnanti dēngan lēmbing dan sēnjata di-darat. Maka naik-lah saya bērtiga². Maka kata-nya, pērahu dari mana ini? Maka jawab saya, pērahu ini dari sēlat mēmbawa surat hēndak pērgi ka-Kēlantan."**

Di-bandar ini memang ada tēmpat bērnama Kampong China. Hanya bedza-nya sēkarang tidak-lah sapērti yang di-chēritakan oleh Abdullah itu, kērana sēluruh kawasan itu tēlah mēnjadi bandar dēngan bērseh banyak tērdiri rumah² kēdai dan rumah² batu sērtā podong² dan jalan-*raya*² yang baik di-situ. Orang Mēlayu tidak sapērti yang di-katakan oleh Abdullah masa ia tiba di-Pohang itu, apa yang saya lihat sēkarang, orang² Mēlayu di-situ bēkērja mēnjalankan motokar, ada yang mēmbuka kēdai bērniaga buku², kēdai makan

dan bērniaga di-pasar, mēnjadi kastam, polis dan bērkēbun. Saya ta' nampak yang mēmbawa sēnjata, hanya polis yang bērkawal di-hadapan kawasan Istana Sultan Pahang sahaja yang mēmēgang sēnapang. Orang² China-nya banyak bērniaga, hampir sēmua kēdai² itu di-usahakan oleh China, begitu juga lori² yang mēmbawa barang² itu di-usahakan oleh China. Ada bēbērapa buah kēdai India ia-itu kēdai makan dan kēdai mēnjual barang² kēpērluan sa-hari². Pendek-nya orang² di-bandar Pēkan itu sama sapērti orang² di-bandar Singapur. Di-pasar-nya dudok di-hujung kēdai yang sa-deret itu, saya lihat ada gērai² mēnjual bērbogai² hal barang jualan di-pasar, di-dalam gērai² itu ada mēnjual sayur, ikan basah dan ikan kēring dan gērai yang di-usahakan oleh orang Mēlayu saya nampak ada mēnjual pētai jēring, chēnchalok, budu yang dimasokkan ka-dalam botol dēngan bērseh rupa-nya sērta mēnjual sayur² kampong sapērti maman, puchok manis, putek jagong dan ulam².

Pendek-nya apa yang di-chēritakan oleh Abdullah Munshi masa ia mēlihat bandar Pēkan itu pada saratus tahun lēbeh dahulu, ia-itu kata-nya, **"Maka sahaya lihat hal nēgēri Pahang itu sapērti dusun ada-nya tiada bērpasar dan kēdai, dan tiada lorong yang boleh bērjalan, ada kira² lima puluh dēpa...."** Sēmua yang di-katikan oleh Abdullah itu tēlah bērtukar sama sekali. Sēkarang ada jalan-roya di-sēluruh nēgēri Pahang itu yang boleh pērgi ka-pantai barat dan timor dēngan mudah. Bogitu-lah pērubahan bēsar kētika kētibaan saya di-Pahang sēkarang. Masa Abdullah tiba di-Pahang itu kētika pēmērentahan-nya maseh bērgēlar Raja Bēndahara atou Dato' Bēndahara ia-itu

Bendahara Ali, ta'olak ka-Daik, Lingga, tetapi sekarang Pahang di-perintahkan oleh se-orang sultan iaitu Sultan Abu Bakar Riayatuddin Almuadzam Shah ibni Almarhum Al-Mu'tasim Billah Sultan Abdullah, keturunan dari Bendahara Ali dahulu. Pahang sekarang termasuk ka-dalam Persetujuan Malaysia yang ditubuhkan pada 16 September 1963.

Sa-telah semua anak saya balek sa-mula ka-motokar dan mereka bising hendak berlépas cepat, lalu kami pun berlépas meninggalkan bandar Pekan yang aman damai itu menuju ka-peri untuk menyébérang ka-tébing sa-bélah sana. Jalan hendak ka-peri itu melalui kawasan Istana Lama Sultan Pahang, kata orang di-situ melalui kawasan Sultan. Sa-buah jembatan baharu sedang di-buat untuk masuk ka-dalam kawasan sultan itu, kemudian melalui jalan di-hadapan pejabat sultan dan mengikut jalan baharu di-buat menuju ka-tépi tébing tempat ada peri.

Saya pernah sampai di-Pekan ini pada tiga bulan lepas ketika menghantar anak saya pindah di-Kuantan, ketika itu saya dapati tempat peri itu duduk-nya tidak jauh dari tépi tébing kawasan kedai, tetapi sekarang telah di-pindahkan kira dua batu dari kawasan bandar Pekan. Dahulu kalau kita menyébérang dari tébing sana ka-tébing sini memakan masa kira sa-tengah jam, sebab tempat peri itu menyerong jauh, satu di-hulu satu di-kuola, nasib ta' baik kadang' peri itu terkandas di-sama tengah sungai, jadi terpaksa tertahan di-tengah' sungai itu sampai dua tiga jam, ia-itu sampai datang bantuan atau pertolongan. Di-tengah' sungai itu banyak tempat yang chetek. Sekarang saya

dapati, tempat peri yang baharu di-buat itu bertentangan dengan tebing hadapan hanya pelayaran memotong sahaja, dan pula ada dua buah peri, satu pergi satu datang, masa menyebérang tidak sampai tujuh delapan minit. Ini satu kembangan besor kapada perjalanan melalui pantai timor, khabar-nya untuk menyebérang sungai di-jalan pantai timor dalam negeri Pahang itu hendak di-ganti dengan jambatan.

Sa-telah mendarat di-tebing sa-belah jalan meng-hala ka-Kuantan, saya berkata kapada anak, "Sekarang kita tidak lagi berjumpa peri, kita akan sampai di-Kuantan kira ta' sampai satu jam lagi." Anak saya semua-nya gembira dan berkata, ta' lama lagi kita terlepas dari penjara motokar ini.

Jalan menuju ka-Kuantan dari tebing Sungai Pahang tempat peri itu yang nama-nya terkénal dengan Perama, kita bertemu jalan lurus yang baik. Ta' ada apa pemandangan yang baik, hanya di-bahagian sabelah pantai-nya hutan dan di-sabelah ka-darat-nya hutan dan ladang getah. Kita akan berjumpa di-tepi jalan itu dengan pokok jambu gajus atau janggus. Orang Teréngganu menamakan jambu gajus itu jambu golok.

Anak saya yang belajar sekolah menengah bertanya, "Sungai Pahang itu dengan Endau mana yang besar dan panjang?"

Sa-belum saya menjawab, sa-orang daripada anak saya yang bersékolah rendah menjawab, "Sungai Pahang-lah besar."

Saya mēnyampok, "Memang Sungai Pahang itu sungai yang panjang sa-kali di-Tanah Mēlayu, panjang-nya kira² 297 batu. Kalau masa musim hujan, kērap kali sungai itu boh dan ta' bērani orang mēnyēbērang sēbab arus-nya dēras."

Anak saya yang mēnjadi guru bērtanya, Kuala Lipis yang dahulu-nya mēnjadi kēpala nēgēri Pahang, jauh-kah dari Kuantan. Jawab saya, "Kuala Lipis itu jauh ka-tēngah nēgēri, tapi kalau mudak mēngikuti Sungai Pahang ini masuk ka-chabang-nya bērnama Sungai Jēlai, kita akan sampai di-Kuala Lipis. Ibu-nēgēri Pahang ini di-pindahkan dari Kuala Lipis ka-Kuantan pada 27 Ogos Tahun 1955, kērana mēmudahkan sēmuo pērjalanan urusan pērniagaan dan pēmērentahan. Kuantan, dudok-nya di-tēpi laut ia-itu di-Kuala Sungai Kuantan. Kuala Lipis itu dudok-nya bē-ratus² batu masuk ka-tēngah nēgēri Pahang."

Tidak bērapa jauh dari kawasan Sungai Pahang itu kita akan bērtēmu dēngan satu simpang jalan yang bērtanda Kampong Sungai Pahang Tua, simpang itu mēmōalok ka-kiri. Kata orang yang mēngētahui kēadaan di-situ, di-situ-lah dudok-nya kawasan di-zaman Pahang sa-bēlum tērbuka. Ta' ada kampong² bēsar kita jumpa dalam pērjalanan hēndak mēndapatkan jalan-roya bēsar yang mērēntang ia-itu mēnyambongkan pantai timor dēngan pantai barat. Lēbih tēr-kēnal jalan-roya ini ia-lah Jalan Maran, mēnyambongkan bandar Kuala Lumpur dēngan Kuantan. Pērjalanan kami sampai di-pērsimpangan jalan yang hēndak ka-Kuantan itu, saya ta' nampak ada bērtulis tanda² mēnunjukkan ka-Kuantan atau ka-Kuala Lumpur, hanya

saya pērchaya jalan bēsar di-hadapan saya itu ia-lah Jalan Maran.

Tētapi orang yang hēndak ka-Pēkan atau ka-Kuala Lumpur dari Kuantan akan bējumpa dēngan papun tanda. Simpang tiga itu dudok-nya di-Kampung Gudang Rasau. Sēmua anak² sangat gēmbira bila motokor mēmbelok ka-pērjalanan mēnuju ka-Kuantan, sēbab jalan-nya lebar dan baik. Waktu kētika itu tēlah pukul ēmpat pētang, saya jalankan motokor dēngan laju sēbab hēndak lēkas sampai ka-bandar Kuantan.

Tanda kita akan masak ka-bandar Kuantan yang sēkarang mēnjadi ibu kota nēgēri Pahang itu, kita akan bērtēmu dēngan sa-buah jēmbatan batu baharu yang indah. Kētika saya mēlalui jēmbatan itu anak laki² saya yang bēsar bērkata, "Mocham kita mēlalui Jēmbatan Henderson di-bandar Singapura."

Anak pērēmpuan saya mēnchēlah, "Wah bēsar juga Kuantan ini, bandar-nya chantek, lapang dan banyak kēdai."

Sa-tēlah mēlalui bandar Kuantan yang sibok juga dēngan bēr-bagai² kēndēraan dan jalan dalam bandar-nya luas dan lurus² itu, saya tērus mēnuju ka-Jalan Bēsērah ia-itu jalan untok ka-Tērēngganu dan Kēlantān. Anak saya ia-itu Siti Habibah yang baharu bērkahwin dēngan Lokman bin Abdul Halim pēmbērita surat-khabar Straits Times, tinggal di-Galing Bēsar di-jalan Bēsērah ini, ia-itu kira² dua batu jauh-nya dari bandar Kuantan.

Tepat pukul empat sa-tengah petang kami pun sampai di-rumah tempat tinggal anak saya itu di-dalam kebun kelapa tidak jauh dari tepi jalan-roya Bēsērah itu.

Anak² saya sēmuanya berlompatan turun bē-rēbut² mēnēmui Siti Habibah yang kēlihatan sangat gēmbira sēbab tēlah kira² tiga bulan tidak bērgaul odek bēradek. Mēnantu saya ta' oda di-rumah ia ka-bandar Kuantan mēnjalkan tugas-nya. Saya lihat pada meter pērkiraan bērapa jauh pējalanan yang tēlah saya lalui dari Singapura ka-Kuantan itu saya dapati 230 batu.

Tanya istēri saya, "Bila kita akan bērangkat ka-Tērēngganu dan Kēlantan pula?"

Jawab saya, "Pada dēlapan haribulan, ia-itu tēpat jatah hari jadi saya pada hari itu. Saya hēndak mēnjadikan sējarah pada hari itu, sa-tēlah umur saya gēnap lima puluh dēlapan tahun pada hari itu, baharu saya bērjaya mēnjējakkan kaki di-bumi Kēlantan, ia-itu nēgēri yang kēempat bēlas dalam Pērsatuan Malaysia yang baharu dapat saya lihat dan lawati. Dēngan kētiboan di-Kēlantan nanti, ērti-nya sēluroh kawasan Malaysia itu tēlah saya lihat."

PERSIMPANGAN JALAN KA-UTARA TANAH MELAYU

Sa-lėpos waktu moghrib, saya bawa anak² saya dan di-pandu oleh mėnantu saya pėrgi mė-lihat² bandar Kuantan di-waktu malam. Bila sampai di-hadapan sa-buah panggong wayang gambar, anak saya bėrtanya kapada mėnantu saya, "Mahal harga tiket mėlihat wayang di-sini?"

"Hampir sama di-bandar² bėsar sapėrti di-Kuala Lumpur dan Singapuro." jawab mėnantu saya.

"Tėtapi gambar²-nya sėmua tėlah sa-tahun lėbeh baharu di-tunjokkan di-sini, ta¹ patut sama harga tiketnya." kata anak saya lagi.

Dėngan tėrtawa mėnantu saya mėnjawab, "Itu bėtul tėlah lama di-Singapura atau di-Kuala Lumpur,

tĕtapi di-Kuantan baharu gambar itu di-tunjokkan, jadi tĕrjumlah gambar baharu-lah di-sini."

Anak saya tĕrdiam, kĕrana bĕtul jawapan mĕnantu saya itu. Kĕmudian saya bawa anak² saya itu singgah di-Pasar Malam Pĕkan Sa-hari. Di-dalam kawasan yang bĕrpagar dĕngan baik sĕrta bĕrseh, saya lihat orang² Mĕlayu laki² pĕrĕmpuan bĕrniaga, ia-itu mĕnjual sayur², buah²an, barang² pĕrtukangan kampung, tĕlor pĕnyu, budu dalam botol, kĕlapa dan ada gĕrai tĕmpat mĕnjual makanan dan minuman dan lain² lagi ia-itu pĕrusahaan orang kampung.

Kata anak saya, "Ini pasar Mĕlayu, bagus kalau ada bogini di-Singapura."

Anak saya tĕrus mĕnamakan pasar Mĕlayu, kĕrana sĕmua orang yang bĕrniaga dalam pasar itu ialah orang Mĕlayu, ta' ada lain kaum di-situ. Di-tĕpi pasar itu saya lihat bĕr-timbun² buah sĕmangka. Saya tanya bagaimana jual buah² itu. Jawab orang Mĕlayu yang mĕnjual-nya, "Kami kira kati, sa-kati sa-puluh sen. Sĕkarang sĕdang musim tĕmikai di-sini."

Saya bĕli tĕlor pĕnyu bĕrharga sa-ringgit tiga bĕlas biji dan ĕmpat biji buah chĕmpĕdak yang sĕdang² bĕsar-nya bĕrharga dĕlapan puluh sen sa-biji. Sa-lama saya di-dalam kawasan pasar yang bĕrpagar dĕngan kawat itu saya ta' nampak orang bukan Mĕlayu masuk ka-pasar itu, tĕtapi tidak bĕrapa jauh dari kawasan pasar itu ada orang bukan Mĕlayu mĕnjual buah² sapĕrti rambutan, chĕmpĕdak, manggis, rambai, saya dapati ramai orang mĕmbĕli di-situ bĕrbagai bangsa, ia-itu

orang Mèlayu dan orang' bukan Mèlayu. Ini ada-lah satu pèrtandingan dan chabaran, bėrapa lama Pasar Mèlayu itu dapat bėrtapak dan boleh maju di-situ.

Saya chuba bėrtanya kapada pėnjaga gėrai di-dalam Pasar Mèlayu itu dari mana datang-nya buah rambutan yang ada těrjual sadikit dalam pasar itu. Jawab orang itu, "Buah rambutan ini di-bawa dari Muar oleh lori pėraeh China, sėbab itu harga-nya mahal."

Memang harga rambutan di-Kuantan masa itu lėbeh mahal dari harga rambutan yang těrjual di-bandar Singapura. Di-Singapura, rambutan bėsar² dan langkah sėrta sangat manis itu boleh dapat sa-ratus biji kira² satu ringgit sa-tėngah atau lėbeh² dua tiga puluh sen, tėtapi di-Kuantan masa itu bėrharga sa-ikat kira² tiga puluh biji sa-ringgit. Bagitu juga harga buah² apple, limau, anggar dan buah² yang datang dari luar nėgėri sėmua-nya sangat mahal. Harga sa-biji apple ěmpat puluh sen. Saya sėtuju harga buah² yang datang dari luar nėgėri itu di-kėnakan dėngan harga mahal supaya kita dapat mėmajukan pėnjualan buah² hasil dalam nėgėri kita yang bėr-bogai² rupa itu. Yang mėnjadi tanda-tanya saya mėngapa buah²an yang boleh tumbuh dėngan sėnang di-mėrata tanah-ayer kita itu tidak di-tanam oleh tiap² orang di-kėbun atau di-tėpi² rumah masing², atau di-jedikan pėrusahaan bėsar²an umpama-nya rambutan itu di-datangkan dari Muar sėbab di-kawasan Kuantan tidak banyak, bagitu juga durian di-Kuantan ini harga-nya sama dėngan harga durian di-Singapura yang tiada kėbun atau dusun durian, malahan kata orang² yang bėrulang-alek dari Kuantan ka-

Singapura, harga durian di-Singapura kadang² jauh lē-beh murah daripada di-Kuantan pada masa musim buah.

Pada malam itu saya sa-lēpas balek dari mēlihat bandar Kuantan di-waktu malam yang ta' ada apa yang hēndak di-chēritakan, lalu tērtidor chēpat sēbab bodan mērasa sangat lēteh.

Pagi ini kami sarapan dēngan kueh⁴ yang di-jual oleh sa-orang pērēmpuan Mēlayu. Bēr-bagai² kueh di-junjong-nya dalam sa-buah nyiru bēsar. Saya dapati di-antara-nya ada kueh apam, pulut panggang, kueh pou, dan lain² jēnis kueh yang saya ta' tahu nama-nya. Yang agak mēnjadi pērhatian istimewa kapada saya ia-lah lontong kata orang Singapura yang biasa-nya di-makan dēngan kuah masak lodeh, tētapi lontong yang di-bawa oleh orang itu lawan-nya ia-lah sateh dan sambal. Kata saya kapada pēnjual kueh itu, "Kalau di-Singapura makan sateh dēngan kētupat, tētapi di-sini sateh lawan-nya dēngan lontong."

Pērēmpuan itu mējawab, "Ada juga orang yang pandai mēnganyam kētupat, tētapi lechēh mēngērja-kan-nya. Nasi yang tēlah di-masak dan di-apit kēmu-dian di-potong² bogini chēpat kērja-nya."

Sa-lēpas sarapan, istēri dan anak² saya ingin lēkas hēndak mēlihat bandar Kuantan, istēri saya ingin hēndak mēlihat pasar. Dēngan di-tēmani oleh Siti Habibah yang tēlah tahu kēadaan di-posar dan bandar itu mēnjadi pandu saya ka-bandar Kuantan. Tērlēbeh dahulu soya bawa mēreka mēngēlilingi bandar Kuantan

yang tidak bĕrapa bĕsar itu. Kĕdai-nya ada sa-panjang dua deret, ada gudang² pĕrniagaan bĕsar, ada tĕmpat mĕnjual petrol yang sa-rupa sapĕrti di-bandar² bĕsar, sĕmua-nya di-usahakan oleh orang² bukan Mĕlayu. Hanya ada sa-buah dua kĕdai yang di-usahakan oleh orang Mĕlayu atau anak Bumiputĕra kata istilah hari ini yang saya jumpa. Hanya di-Pasar Sa-Hari itu sa-haja yang ada mĕmbuka gĕrai² kĕchil dan di-dalam pasar Kuantan ada dua tiga buah gĕrai Mĕlayu.

Ada padang bola bĕsar di-hadapan kĕdai itu. Bĕr-hampiran dĕngan tĕpi padang bola itu dudok-nya pĕ-jabat kĕrajaan dan sa-buah bangunan masjid yang bĕ-sar, baharu dan indah. Kĕtika saya mĕlihat Masjid Kuantan yang baharu itu tĕringat saya bangunan Masjid Istanbul di-nĕgĕri Turkey. Masjid indah ini di-bĕri nama Masjid Sultan Ahmad Yang Pĕrtama, bĕlanja mĕmbina masjid bĕsar dan indah ini mĕmakan bĕlanja sa-juta ringgit. Dĕngan tĕrsĕrgam bĕsar bangunan masjid ini, mĕnjadi pusat kĕindahan bandar Kuantan.

Kĕmudian saya bawa istĕri dan anak² saya ka-pasar Kuantan. Istĕri saya dĕngan Siti Habibah pĕrgi bĕrbĕlanja ka-pasar untuk mĕmbĕli lauk dan sayur², sĕmĕntara mĕnantikan mĕreka bĕrbĕlanja itu saya mĕmbawa anak² saya yang kĕchil² itu ka-tĕpi padang bola mĕlihat ramai orang bĕr-kumpul², ada yang dudok bĕr-chakap² sa-haja, ada yang mĕlihat China jual bu-rong dan ikan mas, ada yang mĕlihat² China dan Bĕng-gali mĕnjual koin baju dan bĕr-jĕnis² barang di-tĕpi padang itu. Tidak jauh dari situ ada tĕmpat mĕnunggu bas sewa untuk ka-pĕrjalanan ka-luar bandar, di-situ ada bĕbĕrapa orang India dĕngan kĕreta basikal roda

tiga mēnjual ayer minuman. Ada sa-orang sahaja pēnjaja Mēlayu mēnjual kueh apam Pulau Pinang dan tiga ēmpat orang pērēmpuan² Mēlayu mēnjual buah'an sa-chara di-lambakkan sahaja ia-itu buah rambutan, ja-gong, dan buah kuwini. Anak² saya yang kēchil itu gēmbira bērmain di-padang itu. Ta' bēbērapa lama kēmudian saya lihat istēri saya kēluar dari pasar dan bērhēnti mēmbēli ikan kēring dan kēropok ikan dan udang yang ada tērjual di-luar pasar itu. Pēnjual-nya pērēmpuan Mēlayu ada tiga ēmpat tēmpat bērniaga di-tēpi pasar itu.

Saya lihat istēri saya mēmbēli sayur puchok manis dan lain² lagi bērisi pēnoh sa-bakul. Sambil ia masuk ka-motokar ia bērsungut, "Mahal ikan dan sayur di-sini, daging sama harga-nya dēngan harga di-Singapura sa-kati dua ringgit lēbeh."

Sambil mēnjalankan motokar saya bērtanya balek, "Bagaimana yang di-katakan mahal?"

"Ya-lah, kalau ikan dan sayur²-nya sama dēngan harga di-Singapura tēntu-lah mahal. Di-Singapura kalau mahal patut, sēbab orang-nya ramai, kēbun sayur ta' banyak sēbab tanah ta' ada, pēnangkap ikan-nya juga ta' ramai, lēbeh² lagi harga ayam sama macham di-Singapura." kata istēri saya bērupa ta' puas hati, sēbab pada pēndapat-nya di-pasar Kuantan itu tēntu murah sēgala-nya tērutama sayur, ikan, ayam dan daging.

Dēngan tērtawa saya mēnjawab, "Kalau sa-kira-nya ramai orang bērtanam sayur tēntu sayur ta' laku

di-pasar, kalau ramai orang yang pergi menangkap ikan di-laut atau di-sungai yang hampir dengan bandar Kuantan ini, tentu ikan ta' laku, semua kerja itu susah, yang mudah ia-lah datang ka-pasar bawa duit senang dapat sayur, ikan dan apa sahaja yang kita mahu. Ini-lah falsafah hidup orang sekarang." kata saya.

Ketika itu saya terkenang cerita Abdullah Munshi ketika tiba di-Pahang ini mengatakan ta' ada kedai, ta' ada pasar, ta' ada jalan-roya, apalagi kendaraan memang ta' ada, sebab itu bagaimana orang kampung dengan soal sayur dan ikan masa itu, jawab-nya semua yang di-kehendaki mesti-lah di-usahkan sendiri. Hendak makan ikan pergi menjala atau mengail ikan di-laut atau ka-sungai, kalau hendak makan sayur pergi meramu ka-t tepi tebing sungai yang banyak puchok paku atau pergi ka-kebun memetik puchok ubi atau mengambil sayur keladi. Ayam, kambing, lembu mesti di-bela, jadi penghidupan orang kampung masa itu ada lebih mewah dan penuh ne'mat hidup dengan bebas tidak bergantung atau terikat oleh duit, tetapi sekarang kalau ta' ada duit di-tangan sudah tentu menjadi kesulitan dalam hidup.

* * * *

Sa-lepas balek dari me-lihat bandar Kuantan itu saya ta' ka-mona, saya ashek membacha majallah diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia bahagian Pahang bernama KEMAJUAN PAHANG, yang di-kumpulkan oleh menantu saya.

Banyak pengetahuan yang saya dapati berkenaan negeri Pahang sa-telah membaca majallah itu. Majallah ini di-chetak dengan baik memakai tulisan Rumi dan bergambar. Hanya satu perkara yang menjadi pertanyaan saya sa-telah membaca majallah ini, adakah ramai penduduk Pahang terutama anak Bumiputera dapat di-beri perchuma majallah ini supaya menjadi pengetahuan mereka, dan adakah majallah ini di-chetak dalam tulisan Jawi untuk orang kampung di-luar bandar yang maseh mene'mati pembacaan dalam huruf Jawi? Kandungan-nya sangat baik menjadi pengetahuan kepada tiap orang yang hendak mengetahui perjalanan kemajuan negara. Juga banyak nasihat, petunjuk dan pengetahuan yang dapat menghilangkan ke-ragu'an sebab ta' tahu. Ada ucapan Menteri Besar dan pemimpin serta titah Sultan Pahang.

Ketika saya membaca keterangan berkenaan kemajuan perskolahan di-negeri Pahang dalam majallah Kemajuan Pahang bilangan 2, keluaran Tahun 1965, saya dapati negeri ini telah mempunyai 392 buah sekolah dalam ber-jenis jurusan. Di-antara-nya saya dapati Sekolah Rendah Kebangsaan ia-itu dahulunya di-namakan Sekolah Melayu ada sa-banyak 221 buah dan Menengah Kebangsaan ia-itu Sekolah Menengah Melayu telah ada dua buah. Kemudian saya dapati murid yang sedang belajar ada sa-ramai 66377 orang ber-bagai bangsa, manakala yang belajar di-Sekolah Melayu ia-itu belajar bahasa Melayu atau sekarang di-namakan Bahasa Kebangsaan ada sa-ramai 30068, mungkin semua ini dari anak Melayu atau anak Bumiputera. Yang belajar di-Sekolah Menengah



— Pengarang buku ini sedang menikmati keindahan Pantai Timor Tanah Melayu di-Terengganu, sambil memeluk anak-nya yang kecil sekali bernama Siti Hardiah.



— Telok Chempedak, Kuateng, Pahang.

Melayu atau Mēnengah Kēbangsaan ada sa-ramai 442 orang. Dēngan kētēरणan di-atas ini saya tēरणgat kētika mēmbacha chērita Pēlayaran Abdullah Munshi bila tiba di-Pahang ia mēnggambarkan yang nēgēri Pahang ta' ada tēरणpat bēरणajar atau sēरणkolah, kata-nya: **Sa-bēरणmula, ada-lah bahasa mēreka itu bahasa Mēरणyu, lagi halus dan bēरणtul jalan bahasa, kēरणana asal-nya bahasa-nya itu tumbuh-nya dari Johor. Maka ada-lah saya tēरणsangat dukachita ada-nya: sēरणbab sayang hati mēरणdēरणgarkan bunyi bahasa mēreka itu tēरणlalu bagus lagi dēरणgan manis-nya kēरणana tiada mēreka itu mahu bēरणajar bahasa-nya sēरणdiri, lagi pun tiada ia mēरणaroh akan tēरणpat bēरणajar itu."**

Pandangan Abdullah Munshi pada sa-ratus tahun lēरणbeh itu tēरणlah bēरणjawab hari ini, ia-itu di-nēरणgēri Pahang tēरणlah ada sa-banyak 392 buah sēरणkolah dan tēरणjawab-lah kēरणlohan Abdullah Munshi yang bēरणkata dalam buku pēरणlayaran-nya itu, **"Maka jikalau kira-nya di-usahakan oleh mēreka itu mēरणchari guru yang pandai akan mēरणgajar anak mēreka itu, nēरणschaya pēरणnohlah dalam nēरणgēri² Mēरणyu orang yang tahu mēरणbacha dan mēरणnulis dan mēरणgarang sēरणgala jēरणnis kitab² dan ilmu...."**

Chēरणita Abdullah kētika tiba di-nēरणgēri Pahang ini hanya mēरणnyēरणbut Tanjong Batu, ia-itu satu tēरणpat di-utara Kampong Nēरणnasi, di-sini Abdullah bēरणlaboh di-laut, sēरणbab ta' tahan ombak bēरणsar di-kawasan laut itu, kēरणmudian baharu Abdullah tiba di-Kuala Pahang dan singgah, kēरणana di-sini-lah tēरणpat tinggal Bēरणnda-

hara dan mēnjadi pusat kawasan Pahang masa itu tēmpat yang ramai. Kawasan ini-lah sēkarang yang dinamakan Pēkan tēmpat sēmoyam Sultan Pahang sēkarang. Sa-lain dua nama itu ada ia mēnyēbut nama Jēlai, saya pērchaya Jēlai ini-lah Kuala Lipis sēkarang sēbab Kuala Lipis ini dudok-nyo di-tēpi Sungai Jēlai Kuantan, Abdullah to' singgah ia hanya mēnchēritakan ada pērahu orang dari Kuantan datang ka-Kuala Pahang. Kēmudian ia ada mēnyēbutkan nama Pulau Ular satu tēmpat bērhampiran dēngan Kēmaman. Abdullah singgah di-Pulau Ular ini kērana kata Abdullah arus tērlalu dēras di-situ, ia bērmalam di-laut Pulau Ular ini. Tiada nama lain yang di-sēbut-nya tēmpat² dalam nēgēri Pahang, mēnunjokkan nēgēri Pahang masa itu bēlum tērbuka atau nama² dalam nēgēri itu maseh gēlap kapada dunia luar.

Saya bērehat di-Kuantan sa-lama dua hari, sēbab itu jēlas-lah kapada saya bagaimana rupa bandar Kuantan yang sēkarang mēnjadi ibu kota kapada nēgēri Pahang mulai dari 27 Ogos Tahun 1955. Saya dapati di-kawasan sa-kēliling luar bandar Kuantan ini pēnoh dēngan lodang gētah. Bandar ini dudok-nya di-tēpi Kuala Sungai Kuantan dan tidak jauh dari tēpi Laut China. Kawasan ini sihat sēbab sēntiasa dapat angin laut dan ada tēmpat pantai-nya yang indah mēnjadi tēmpat mandi atau tēmpat makan angin ia-itu di-pantai Tēlok Chēmpēdak dan pantai Bēsērah. Tidak jauh dari pantai Tēlok Chēmpēdak itu sēkarang tēlah di-bangunkan Rumah Kērehatan atau Rest House yang chantek dan moden sērta sa-buah padang tēmpat bērmain golf yang bēsar dan baik.

Kalau kita hendak ka-Pantai Tělok Chěmpědok dari bandar Kuantan itu chori-lah jalan yang běrnama Jalan Tělok Sisek ikut jalan itu kita akan sampai ka-těpi pantai. Měntěri Běsar Pahang tinggal di-Kuantan sěkarang, yang měnjadi Měntěri Běsar-nya ia-lah Dato' Yahya bin Haji Mohommad Seh. Ramai pěnduduk bandar Kuantan ini kira² lima puluh ribu orang dari orang² Mělayu, China dan India. Orang Mělayu děngan orang China sama banyak di-sini.

Di-těpi těbing Sungai Kuantan ia-itu běrhompiran děngan bandar ini ada pělabohan kapal² kěchil. Kapal běsar ta' boleh masuk pělabohan ini sěbab kuala-nya chetek. Saya lihat di-hadapan Kuala Sungai Kuantan ia-itu di-laut, ada kapal běsar běrlaboh. Měngikut pěrhitongan ahli² pěrniagaan, bandar Kuantan ini akan měnjadi sa-buah bandar běsar di-pantai timor, sěbab bandar ini měnjadi pěrsimpangan jalan yang pěnting untok ka-Těrěnggonu, Kělantau dan ka-Johor. Bagitu juga di-bandar ini měnjadi pěrsimpangan jalan hendak ka-Kuala Lumpur atau ka-pantai barat Tanah Mělayu.



Sa-lama dua hari saya běrehat di-Kuantan sěměnjak saya tiba di-situ pada 5 Ogos. Sa-lama dua hari itu saya měmbawa anak istěri mělihat² sa-kitar bandar dan těmpat² pěranginan. Sa-bělum saya měmbawa anak² dan istěri měněruskan pěrjalanan ka-utara lagi, saya tělah měmbawa anak² dan istěri mělihat pantai Běsěrah, ia-itu sa-buah pantai yang těrkenal indah di-

tĕpi Laut China hanya ta' sampai lima batu dari bandar Kuantan. Di-Bĕsĕrah ini ada sĕkolah Mĕlayu, ada Rumah Pasong, ada Rumah Kĕrehatan, ada pĕkan kĕchil dan sĕluruh kawasan itu mĕnjadi kampung nĕlayan hingga ka-tĕpi² pantai pasir putih tĕrbĕntang panjang itu. Saya sampai di-sini sa-bĕlah pĕtang kira² pukul ĕmpat, hari sangat panas, tĕtapi angin bĕrtiup kĕnchang dari laut, sĕbab itu sangat sĕdop bĕrdiri di-tĕpi pantai itu. Saya bawa anak² ka-Rumah Kĕrehatan itu untok mĕne'moti pantai indah itu, tĕtapi sayang kĕtika itu nĕlayan² sĕdang mĕnjĕmor ikan kĕring, sĕbab itu bau ikan kĕring itu bĕrtiup kuat mĕnyĕnak masuk ka-hidong sa-panjang masa, oleh itu anak² saya yang bĕsar² bĕrsungut sĕbab ta' tahan di-asak oleh bau ikan kĕring itu. Anak² saya yang kĕchil gĕmbira, mĕreka ta' endarikan bau ikan kĕring yang hebat itu, mĕreka bĕr-lari'an di-kawasan itu sĕbab lapang, angin sihat dan memang sangat baik untok tĕmpat budak². Nĕlayan² saya nampak ramai di-tĕpi pantai itu mĕnjaga ikan² yang di-jĕmor-nya laki² pĕrĕmpuan. Ikan jĕmorannya ia-lah ikan kĕchil² ia-itu tamban, sĕlar, gĕlama, chĕncharu dan bĕlanak. Nampak-nya mĕreka dĕngan bau ikan kĕring itu sudah sĕbati. Kata anak saya yang bĕsar yang tĕlah mĕngĕrti soal² pĕnghidupan, "Hasil jĕmorannya itu ada-lah sinar harapan hidup mĕreka, lihat mĕreka bĕkĕrja mĕnjaga ikan² jĕmoran itu dĕngan gĕmbira-ria muka mĕreka sĕntiasa tĕrsĕnyum."

Kampung nĕlayan di-Bĕsĕrah itu pĕnoh dĕngan rumah² Mĕlayu, nampak-nya rumah² lama, sa-olah² pĕnghuni nĕlayan itu ta' mĕnyĕdari bumi mĕreka tĕlah mĕrdeka dan bĕrdaulat. Saya ta' nampak ada chara² mĕnangkap ikan sapĕrti nĕlayan² di-Denmark atau di-

nēgara Portugal yang saya lihat kapal² kēchil pēnang-
kap ikan banyak tērsadai di-pantai² tēmpat tinggal nē-
layan² barat tu. Di-pantai Bēsērah itu saya nampak
chuma sampan² biasa mēnjadi sampan² nēlayan sapērti
dohulu juga.

Saya mēmandang ka-Laut China yang luas tēr-
bēntang ayer-nya mēmbiru gēmarlapan di-sinari mata-
hari. Sa-buah pulau pun ta' ada yang mēlindungi pan-
tai yang panjang tērbēntang itu. Pēmandangan kita
mēmandang sa-jauh²-nya tiada satu pun yang mēng-
galang-nya sa-hingga pērenggan pēmandangan kita itu
tērsontak kapada pērtaupun di-antara langit dēngan
laut itu. Saya rasa ta' mahu mēninggalkan tēmpat itu
kalau tidak kērana bau ikan kēring yang mēnyērang
ka-hidang saya di-bawa angin yang kadang² tērsangat
kēnchang itu.

Dari pantai Bēsērah itu saya mēnuju ka-Pantai
Tēlok Chēmpēdak. Jalan hēndak ka-Tēlok Chēmpēdak
itu tērpaksa bērbalek sa-mula jalan ka-bandar Kuan-
tan ia-itu mēngikut Jalan Bēsērah, ada dua jalan untuk
hēndak ka-Tēlok Chēmpēdak dari jalan Bēsērah itu,
pērtama jalan baharu di-buat. Kalau kita ikut jalan
ini kita akan dapat mēlihat bēbērapa bangunan baharu
ia-itu bangunan sēkolah pērtukangan yang sēdang di-
sudahkan, akhir-nya kita akan bērtēmu hampir dēngan
pantai itu rumah² bonglo sēdang di-dirikan untuk mēn-
jadi tēmpat tinggal. Kalau kita ikut satu simpang lagi
dari Jalan Bēsērah itu kita akan bērjumpa dēngan satu
jalan lama yang baik untuk ka-Tēlok Chēmpēdak ini.
Jalan ini akan mēlalui bēbērapa tēmpat yang pēnting
sapērti mēlalui di-hadapan kawasan Istana Sultan Pa-

hang, kēmudian di-hodapan kawasan tēmpat tinggal Mēntēri Bēsar Pahang, kēmudian kita bērjumpa Kēlab Golf Kuantan dan bangunan Rumah Kērehatan Kuantan yang baharu sēkali dan moden itu.

Kēindahan pantai Tēlok Chēmpēdak ini bērlainan dēngan kēindahan pantai Bēsērah kampung nēlayan itu. Di-hujung kiri pantai Tēlok Chēmpēdak ini kita akan mēlihat batu bēsi timbul bēr-longgok² bēsar dari tēpi pantai hingga ka-laut, pēmandangan ka-kanan itu kita akan mēlihat hujung Tanjong Tēmbēling, di-hodapan kita laut tērbēntang dan pantai-nya landai. Di-tēpi pantai itu banyak pokok ru dan pokok kēmunting memang sangat baik tēmpat bērkelah. Kata anak² saya, “Nanti sa-tēlah balek dari mēlawat Kēlantan, kita datang ka-Tēlok Chēmpēdak ini bērkelah.” Kērana kētika saya sampai ka-pantai itu hari tēlah hampir pukul ēnam pētang, jadi ta’ puas-lah anak² saya mēne’-mati tēmpat yang indah itu.

Sa-tēlah nēne’-mati pantai² indah di-tēpi laut, lalu saya balek mēnuju ka-bandar kērana anak saya bising hēndak minum ayer. Dēngan di-pandu oleh mēnantu saya di-bawa-nya ka-sabuah kēdai minum yang ada mēnjual ice-cream. Kēdai ini moden sama dēngan kēdai² mēnjual ice-cream di-bandar Singapura. Di-dalam kēdai itu saya dapati ada bēbērapa orang puteh dan orang² China laki² pērēmpuan sēdang minum. Anak saya yang bēsar tērus bērkata, “Wah di-bandar ini ada kēdai ice-cream yang moden, tētapi ada-kah orang² kampung mosok minum ice-cream di-sini?” ia bērtanya kapada mēnantu saya.

Jawab mēnantu saya, "Siapa³ yang ada duit dan kērani³ sahaja yang masok ka-kēdai ini."

Sampok saya, "Orang³ kampung takut masok ka-kēdai ini, kērana bukan sahaja icer-cream-nya mahal, tētapi di-papan nama kēdai itu tērtulis BAR ērti-nya kēdai tēmpat minuman kēras. Kalau di-tulis-nya kēdai Ice-cream tēntu orang kampung ta' silu masok ka-kēdai ini."

MENYAMBUT HARI-JADI

Mēngikut chērita nenek pērēmpuan saya masa bēliou hidup dohulu, saya di-pērōnakkan pada hari Minggu. Kēbētulan pada dēlapan haribulan Ogos 1965 pagi ini jatoh hari Minggu hari ulang-tahun hari-jadi saya, ia-itu gēnap umor saya lima puluh dēlapan tahun. Mēngikut ranchangan saya hari ini saya akan mēnghabiskan masa mēngēmbara bērsama anak² dan istēri mēlawat nēgēri² Pahang, Tērēngganu dan Kēlantan, ia-itu sa-bagai mēnyambut hari-jadi saya.

Sa-lēpas saya sēmbahyang Subah, saya lihat anak² saya sēmua-nyo tēlah bē-rēbut² bērsiap, kērōna mēreka gēmbira akan mēlihat Tērēngganu dan Kēlantan bērsama saya. Kata anak saya yang bēsar, "Hari ini hari-jadi ayah, wah kita dapat mēnyambut hari-jadi ayah mēnjelajah tiga buah nēgēri dalam Malaysia."

Anak saya yang bĕrsĕkolah Inggĕris yang tĕrbiasa mĕndĕngar chĕrita hari-jadi dari kawan²-nya di-sĕkolah tĕrus bĕrkata, "Happy birthday to ayah!"

Sĕmua adek bĕradek-nya tĕrtawa mĕndĕngar cha-kap anak saya yang nakal itu. Pĕrjalanan mĕnuju ka-Kĕlantan itu di-ikuti samo oleh Siti Habiboh dan sua-mi-nya Lakman. Hari ini saya rasa diri saya chukup sihat dan gĕmbira. Tĕpat pukul sĕmbilan pagi kami bĕrlĕpas dari Kuantan mĕnuju ka-utara, jalan-nya baik sĕbab itu dapat mĕlarikan motokar tidak kurang dari ĕmpat puluh batu sa-jam.

Jalan dari Kuantan mĕnuju ka-Kĕmamon itu bo-leh di-katakan sa-batang jalan-roya yang baik, banyak yang lurus² dan mĕlalui hampir² di-tĕpi laut. Kita da-pat mĕlihat di-kawasan kiri kanan-nya ladang² kĕlapa dan ada di-usahakan ladang buah gojus, nampak-nya baharu di-tanam. Kata mĕnantu saya, "Pihak jabat-an tanam^{an} sudah chuba mĕngusahakan tanam^{an} yang lain di-kawasan di-tĕpi² pantai yang bĕrtanah pa-sir itu, tĕtapi ta' jaya, hanya yang sĕsuai di-tanam di-situ ia-lah kĕlapa dan gojus sahoja."

Dalam pĕrjalanan itu kami bĕrjumpa dĕngan kam-pong² kĕchil di-situ sa-lain dari Bĕsĕroh, ia-lah Kam-pong Sungai Karang, Kampong Sĕbĕrang Balok dan Kampong Chĕrating ia-itu tĕmpat yang mĕnjadi pan-tai pĕnyu bĕrtĕlor. Kita akan sĕnang mĕngĕnal kalau di-tĕpi pantai itu ada tĕmpat pĕnyu bĕrtĕlor, ia-itu ada di-buatkan tanda papan di-tĕpi jalan-roya itu dĕngan gambar pĕnyu.

Anak saya yang kecil yang selalu memerhati di-kiri kanan jalan itu bertanya, "Mengapa tempat yang kita lalui ini tak ada orang, cuma kita jumpa jauh² benar boheru ada sa-buah atau dua buah rumah. Takut tinggal di-sini yah."

Anak saya yang besar menjawab, "Tempat ini bukan tempat orang tinggal, kita jumpa orang ramai tinggal ia-lah berhampiran dengan bandar-nya seperti di-Pekan dan Kuantan. Tempat ini hanya tempat orang menanam kelapa sahaja."

Sampok saya memberi penjelasan kepada anak³ saya, "Negeri Pahang ini besar, negeri yang besar sekali di-Tanah Melayu. Luas-nya 13,820 batu persegi, panjang pantai-nya 130 batu. Ramai penduduk dalam negeri Pahang mengikut banchi-nya pada tahun 1963 ia-lah kira³ 375 ribu orang, di-antara-nya orang Melayu atau Bumiputera sa-ramai kira³ 214 ribu orang. Jadi jangan kamu bandingkan dengan Pulau Singapura yang sa-luas kira³ 225 batu persegi dan penghuni-nya sa-ramai kira³ hampir dua juta manusia. Sebab itu kita nampak di-seluruh pulau Singapura itu ramai orang dan di-Pahang ini seperti tak ada orang."

Kira³ tak berapa jauh dari Kampong Cherating itu kami sampai di-sempadan yang menunjukkan selesai kawasan negeri Pahang dan mula masuk ka-kawasan negeri Terengganu. Tanda sempadan itu ada di-buat di-tulis pada papan besar di-tepi jalan itu. Kami masuk ka-jajahn Kemaman untuk menuju ka-bandar Chukai yang berhampiran dengan bandar Kemaman.

Ketika saya tiba di-kawasan bandar Kemaman yang duduk-nya benar² di-Kuala Sungai itu, saya lihat pekan kecil ini ada dua baris kedai sa-bahagian-nya kedai rumah papan, kemudian saya lihat ada pejabat kerajaan dan pejabat kastam serta Rumah Pasang. Kami berhenti di-bandar Kemaman itu sebab anak² saya hendak berhenti penat dan mengambil gambar serta melihat² bandar pelabuhan kecil itu.

Di-pelabuhan-nya saya lihat ada kapal kecil berlaboh serta perahu² payang. Masa itu saya teringat kisah Abdullah Munshi tiba di-Kemaman. Mengikut cerita Abdullah, pada pelayaran pergi ke-Kelantan ia sampai di-Kemaman ini pukul enam pagi, ia tidak menceritakan ia singgah di-Kemaman, hanya di-ceritakan yang ia mungkin dapat ikan kechang² dan kemudian dapat ikan tenggiri batang di-kawasan Kemaman, ini. Nampak-nya Abdullah tidak singgah di-Kemaman, hanya jalam kembali dari Kelantan ke-Singapura ia singgah di-Kemaman.

Mengikut cerita Abdullah tentang ia singgah di-Kemaman ini, kata-nya ia tiba di-Kemaman ini pada pukul empat petang, ia mendengar riuh bunyi burung merak di-pantai Kemaman. Abdullah singgah di-Kemaman turun ke-darat bersama Grandpre untuk mencari ayer minuman, rumput untuk makanan kambing yang di-bawa oleh Abdullah dan mandi. Mengikut cerita Abdullah tempat yang di-singgahi-nya ia-lah Kuala Kemaman, di-lihat-nya ada sa-puluh lima belas rumah nelayan. Abdullah menerangkan di-hulu sungai itu kalau mudak satu jam akan berjumpa ramai orang tinggal dan ada raja-nya bernama Tengku Wok.

Saya pērchaya tēmpat yang di-singgahi oleh Abdullah ia-lah di-tēmpat yang mēnjadi bandar Kēmaman sēkarang, kērana kuala ini tidak jauh dari laut. Hanya saya ta' bējumpa dēngan burung mērak dan tēmpat ayer mēngalir yang mēnjadi tēmpat orang mēngambil ayer dan mandi.

Dalam bandar Kēmaman ini ramai juga orang, tēmpat saya bērhēnti itu ia-lah di-kawasan Rumah Kērehotan Kēmaman bērsēbēlahan dēngan pējabat pos. Saya bērhēnti minum di-sabuah kēdai kopi China Hailam, di-atas kēdai kopi itu mēnjadi hotel. Saya bērchakap² dēngan pēnjual kopi itu yang sangat faseh bērbahasa Mēlayu pelat Tērēngganu, saya bērtanya, "Ada juga orang yang mēnumpang di-hotel ini?"

Jawab-nya, "Ada, sēbab di-rest house itu tidak tēntu dapat mēnumpang, dia mēndahulukan orang² Pērentah. Kadang² kita sēdang mēnumpang di-situ sēbab kita bukan orang Pērentah, tiba² ada orang Pērentah yang hēndak mēnumpang di-situ, kita di-suruh-nya kēluar. Ini-lah sēbab-nya kalau kita bukan orang Pērentah kita sēnang tinggal di-hotel luar dari rest house."

Kata hati saya, "Bētul juga."

Pēmandangan di-Kuala Kēmaman itu alam-nya tēnang, sunyi dan aman. Di-tēpi jalan di-bandar Kēmaman itu saya lihat ada orang mēnjual buah²an ia-itu buah manggis, rambutan, limau, jēring bēr-ikat² dan pētai. Saya ingin hēndak mēmbēli pētai dan jē-

ring, tetapi kata istri saya, elok di-beli masa jalan balek nanti.

Kira' sa-tengah jam berhenti di-bandar Kemaman itu, lalu kami bertolak sa-mula ka-utara. Sa-lepas bandar Kemaman ini ta' berapa batu saya bertemu dengan satu kawasan di-tepi laut, di-situ di-bangunkan sebuah tempat persengerahan yang indah, moden diselenggarakan oleh orang Melayu. Tempat itu dinamakan Kemaman Motel. Pendek-nya kalau kita hendak berehat di-pantai Laut China pada masa bukan musim Tenggara, sangat baik menumpang di-situ, hanya mungkin bayaran sewa bilek-nya mahal. Tetapi kalau hendakkan rehat, sudah tentu tempat itu cukup rehat. Kata anak' saya, "Masa jalan balek elok kita singgah di-motel itu."

Dari Kemaman itu perjalanan kami sekarang menuju ka-bandar Dungun ia-itu bandar yang kedua besar-nya di-negeri Terengganu, jauh-nya dari Kemaman ka-Dungun kira' ta' sampai lima puluh batu, dalam perkiraan saya akan tiba di-Dungun pada tengah-hari. Jalan menuju ka-Dungun itu memang menorek hati, sebab sa-panjang' perjalanan yang lurus itu mengikuti tepi laut dan berjumpa bebberapa kampung nelayan. Kampung' yang saya jumpai ia-lah Kampung Penunjuk, Kijal, Kemasek, Kerteh, Paka dan kemudian baharu tiba di-Kuala Dungun. Saya melalui bebberapa jambatan yang telah siap di-buat untuk menyebarkan sungai' dengan chantek dan tegap, ia-itu jambatan batu.

Untuk ka-bandar Dungun itu ada simpang jalan ka-konon bila kita sampai di-kawasan hendak ka-bandar. Jalan-nya baik, kita akan mēlihat kampung dan bandar Dungun mēngikut jalan ka-bandar yang saya kira dalam dua batu jauh-nya dari simpang saya bērbelok dari jalan-roya ka-utara tadi. Banyak kēdai, ada Rumah Pasong, sēkolah Mēlayu dan sēkolah Inggēris sērta sēkolah China. Bandar Kuala Dungun itu dudok-nya di-Kuala Sungai Dungun, di-lindungi oleh Tanjung Dungun.

Saya bērhēnti di-kēdai makan Mēlayu, kērana anak² sēmua-nya tēlah lapar. Pasar dan kēdai²-nya yang sa-baris itu mēnghadap ka-laut, sēbab itu angin laut lantang bērtiup ka-kawasan itu. Pada tēngah-hari itu saya dan anak istēri makan di-kēdai itu, kēbētulan hidangan ayam masak kari, ayam goreng dan lauk² yang lain baharu masak, sēbab itu bēnar² pada kētika itu mēnjadi jamuan mēnyambut hari-jadi saya yang mēriah. Anak² saya yang gēmarkan makan lauk ayam itu saya lihat mēreka bēnar² mēngunggis daging ayam dan mēmamah tulang² ayam dēngan sēronok. Ayam di-sini mungkin murah, sēbab sa-potong ayam yang di-potong ēmpat itu bērharga hanya lima puluh sen, pada hal di-Singapura sa-potong begitu bērharga ta' kurang sa-ringgit atau dēlapan puluh sen, tētapi ada yang sampai sa-ringgit sa-tēngah, sēbab itu anak² saya sēmua bēnar² mēnjamu sēlera dēngan daging ayam itu.

Kētika saya sēlēsai makan, saya chuba bērdiri di-hodopan kēdai itu untuk mēne'mati alam di-sakēliling bandar Dungun yang sēntiosa di-tiupi oleh angin Laut China kētika itu dēngan kēnchang. Saya lihat di-ban-

dar itu ada motokar sewa, bas dan orang-ramai sibok masing² dĕngan tugas-nya. Saya nampak jauh ka-tĕngah laut bĕsar itu ada pulau, kĕmudian saya bĕrtanya kapada orang di-situ kata-nya pulau itu ia-lah Pulau Tunggai. Masa itu saya tĕringat kesah Pĕlayaran Abdullah, ia hanya mĕnyĕbut kĕtika jalan boleki dari Kĕlantan ka-Singapura ada mĕnyĕbutkan ia sampai di-Kuala Dungun kĕtika tĕlah masok matahari, tĕtapi ia tidak singgah di-sini, sĕbab itu Abdullah ta' tahu hal Dungun kĕtika itu.

Dungun ia-lah sa-buah bandar pĕlabohan, ia mĕnjadi bandar kĕdua bĕsar dan ramai di-Tĕrĕngganu. Di-Dungun ini kita dapat mĕlihat ada jalan kĕreta-api sa-panjang² kira² 20 batu di-gunakan khas oleh kompĕni yang mĕlombong bĕsi di-satu tĕmpat jauh ka-tĕngah darat bĕrnama tĕmpat lombong bĕsi itu ia-lah Bukit Bĕsi, sa-buah kompĕni Jĕpun yang mĕngusahakan untok mĕlombong itu.


Kĕtika saya bĕrdiri itu saya lihat ada bĕbĕrapa orang baharu naik dari motobot di-tĕpi pĕlabohan itu. Mula² saya sangka orang China, tĕtapi bila mĕreka mĕlalui tĕmpat saya bĕrdiri itu baharu saya dĕngar mĕreka bĕr-chakap², ia-itu mĕreka sĕmua orang Jĕpun. Masing² ada yang mĕmbawa kayu pĕmainan golf, kamera dan tĕropong. Sĕmua orang² Jĕpun itu bĕrupa riang gĕmbira. Kĕtika mĕreka mĕlalui di-hadapan saya itu ada yang mĕmandang ka-aroh saya dan bĕrkata dalam bahasa Jĕpun yang saya faham, mĕngatakan saya bukan orang di-Dungun sĕdang mĕmĕrhatikan mĕreka. Orang² Jĕpun itu bĕrjalan mĕnuju ka-sĕtesen kĕreta-api yang tidak bĕrapa jauh dari bandar itu untok

mungkin mereka hendak ka-Bukit Běsi tempat lombong běsi itu.


Masa saya mēngētahui mereka rupa-nya orang Jěpun, tērutama bila saya lihat sěmua-nya pendek², kětika itu tērboyang sa-mula saya pada dua puluh tahun yang lampau kětika tētěra Jěpun datang mēndudoki Alam Mělayu, masa itu Pěrang Dunia Kědua běr laku, tiap² orang Jěpun kětika itu sěmua-nya dēngan pakaian tētěra ta' lėpas dēngan sēnjata, tětapi pada kětika di-Dungun itu saya nampak sěmua běr rupa gěmbira tidak bēngis macham masa pěrang dahulu, mungkin mereka sėkarang tahu mēmbawa diri dan mēnyēsuaikan diri mēreka di-nēgěri orang. Kalau masa pěrang dahulu kita mēlihat Jěpun sapěrti mēlihat harimau, tětapi pada hari itu saya mēlihat mēreka di-Dungun itu ada-lah sapěrti mēlihat manusia biasa yang banyak bėrkělirian di-nēgěri kita ini, ta' ada apa² istimewa-nya.

Anak² saya yang bėlum pěrnah mēlihat Jěpun dan ada mēndēngar chěrita² Jěpun masa Pěrang Dunia Kědua pěrnah mēndudoki Tanah Mělayu, ia-itu pēngētahuan daripada mēmbacha buku² sahaja, saya katakan kapada anak² saya, "Komu sěmua kalau hendak mēlihat orang Jěpun, itu dia yang sėdang běrjalan ramai sa-kumpulan itu."

Kata anak saya yang běrumur sa-puluh tahun, "Orang² Jěpun itu pendek² tětapi kěadaan mēreka sapěrti orang China juga kulit-nya putih kuning."



— Pemandangan yang indah di-sabuh kampung nelayan di-Terengganu.



— Anan terbiten dikoroning pelapen Pantai Timor.

Sa-telah sĕmua-nya sĕlĕsai bĕr-jalan' di-bandar pĕlabohan Dungun itu, lalu kami mĕninggalkan bandar Dungun itu mĕnuju ka-utara ia-itu ka-Kuala Tĕrĕngganu pĕrjalanan kira' ĕnam puluh batu. Pĕrut sudah kĕnyang pĕrjalanan mĕlalui kawasan pantai indah dan lurus, kĕmudian mĕrasa hĕmbusan angin dari laut, oleh itu sĕmua pĕnumpang dalam motokar saya itu tĕlah sĕnyap tidak banyak bĕrchakap dan ada yang tĕlah ralip. Pĕrjalanan saya itu mĕnĕmpoh bĕbĕraapa kampung' kĕchil ia-itu kampung nĕlayan di-antara-nya Kampung Kua'a Abang, Kampung Pĕnarek, Kampung Pasir Putih, Kampung Balai, Kampung Mĕrchong dan akhirnya sampai ka-Kampung Kuala Marang ia-itu mĕnjadi kampung pĕnunjok ta' bĕrapa jauh lagi akan tiba di-Kuala Tĕrĕngganu.

Sĕmua anak' saya bila saya kata hĕndak tiba di-Kuala Tĕrĕngganu, mĕreka sĕgar sa-mula dan mĕlihat di-kiri kanan jalan yang pĕnoh dĕngan kampung dan pohon kĕlapa. Di-tĕpi pantai banyak rumah' orang, kĕlihatan jĕlas pĕrahu' tĕrsadai dan ada jaring dan jala tĕrjĕmar. Ada kawasan rumah yang saya lihat sĕdang mĕnjĕmar ikan kĕring. Kata hati saya, "Ini-lah kampung nĕlayan, aman damai kĕtika tidak musim gĕlora." Kĕmudian timbul pĕrtanyoan di-dalam hati saya, "Bagaimana agok-nya suasana kĕtika datang musim gĕlora kepada pĕnduduk' di-tĕpi pantai ini, kĕrona gĕlombang bĕsar dan angin ribut di-sĕrtakan oleh musim hujan yang bĕr-minggu' lama-nya itu."

Pada masa sa-bĕlum ada jalan-roya yang baik sa-pĕrti hari ini di-pantai timor, saya dĕngar dari chĕrita' orang yang tinggal di-kawasan pantai timor ini, tĕr-

putus-lah pēhubungān dēngān dunia luar, kērana pēhubungān dēngān dunia luar ini sa-mata² dahulu mēlalui jalan laut. Sēkarong saya pērchaya ta' ada kēsulitan untok ka-kawasn ini walau musim apa pun, sēbab jalan kēreto-ōpi, jalan-roya dan kapal-tērbang tēlah dapat mēnggantikan jalan laut itu.

Kētika ta' bērapa jauh hēndak sampai ka-Kuala Tērēngganu ada satu simpang mēnunjokkan ka-Kampung Chēndēring. Anak pērēmpuan saya yang mēnjadi guru itu chēpat bērkata, "Mari kita lihat Kampung Chēndēring itu, mēngikut chērita kawan¹ yang tēlah pērnah tiba di-sini, kampung itu di-tēpi laut dan mēnjadi tēmpat pērmandian yang chantek dan baik."

Mēnantu saya mēnyampok, "Memang bēnar di-tēpi laut di-kampung ini mēnjadi tēmpat pērkelahan yang tērkenal di-Tērēngganu."

Saya mēmbelokkan motokar masok ka-jalan Kampung Chēndēring ini, satu jalan yang ta' bagitu baik tē-tapi boleh di-lalui motokar. Ta' bērapa jauh kēmudian saya tiba di-kawasn yang mēnjadi tēmpat pērkelahan, dudak-nya di-tēpi laut hampir sama dēngān pantai Tēlok Chēmpēdok yang bērhampiran dēngān Kuala Sungai Kuantan. Sēmua anak² turun dēngān gēmbira di-pantai yang bērposir puteh dan ada bērbatu bēsi bēsar² di-situ. Tēmpat yang saya bērhēnti itu pēnah pokok kēlapa. Ada bēbērapa buah motokar dari Pahang, Mēlaka, Sēlangor dan Pulau Pinang bērhēnti di-situ kērana mēmbawa pēnumpang-nya bērkelah di-situ. Di-kawasn itu juga saya lihat di-tēpi pantai-nya ada bēbērapa buah pērahu nēlayan tērsodai dan anak

nelayan bĕr-main¹ sambil mĕnjaga kambing²-nya yang di-lĕpaskan di-kawasan itu.

Memang indah pantai Chĕndĕring itu, sa-hingga Beng Sĕlamat pĕnyanyi Indonesia yang tĕrkĕnal itu masa mĕlawat ka-situ tĕrpĕsona oleh kĕindahan pantai itu dan mĕnimbulkan ilhom mĕnchiptakan lagu pantai Chĕndĕring itu mĕjadi sa-buah lagu yang sĕdap di-dĕngar dan pĕnoh sĕni kata²-nya mĕmuji kĕindahan pantai Chĕndĕring itu.

Kira² sa-tĕngah jam saya dan anak² bĕrhĕnti di-situ mĕne¹mati kĕindahan pantai Chĕndĕring yang ta¹ dapat di-lupakan, kĕmudian baharu saya bĕrlĕpas mĕ-nuju Kuala Tĕrĕngganu.

Jalan masok ka-bandar Kuala Tĕrĕngganu itu mĕ-nĕmpoh kampung² orang, kĕlihatan rumah² Mĕloyu chantek² di-dalam kĕbun kĕlapa, kĕmudian mĕlalui kawasan istana Raja Muda dan akhir-nya tiba di-kawasan bandar. Banyak rumah batu bĕr-deret², ada bangunan rumah bĕrtingkat yang tĕlah tĕrdiri tĕrsĕgam dan rumah² batu sabuah¹ mĕjadi tĕmpat orang tinggal. Oleh sĕbab kami sĕmua sudah kĕnyang dan pula kata istĕri saya elok kita tĕruskan pĕjalanan ka-Kĕlantan supaya chĕpat tiba, sĕbab itu chuma saya bawo anak² mĕngĕlilingi bandar Tĕrĕngganu yang tidak bagitu bĕsar itu, kĕmudian bĕrhĕnti sa-bĕntar di-tĕpi pantai di-hodapan kawasan istana Sultan Tĕrĕngganu yang sĕkarang, sĕbab anak² saya ingin bĕrgambar di-situ.

Jalan² dalam bandar itu lurus² dan baik, hanya ada jalan² lama ia-itu bekas kawasan bandar lama agaknya, yang maseh jalan-nya sempit dan rumah¹ kedai-nya rendah² seperti rumah¹ kedai di-bandar Melaka lama. Saya telah pernah sampai di-Kuala Terengganu ini pada bulan Mei tahun ini ketika menghantar anak saya pindah di-Kuantan dahulu, saya melawat ka-Kuala Terengganu masa itu hanya kira² tiga jam sahaja kemudian balek sa-mula ka-Kuantan. Dengan lawatan pendek itu dan di-sambong pula dengan ketibaan kali ini ka-bandar ini, jadi jelas-lah kepada saya kedudukan bandar ini benar² di-hujung kawasan bertanjong dan di-tēpi laut di-Kuala Terengganu.

Satu perasaan yang terbit di-hati saya ketika melawat ka-negeri Terengganu ini, ia-itu benar² saya sampai di-kawasan yang banyak orang Melayu dan teringat saya kata pahlawan Hang Tuah, "Tidakkan Melayu hilang di-dunia." Perasaan ini timbul kerana sa-panjang hidup saya di-Singapura berchampur gaul dengan berbagai bangsa terutama orang China, saya kadang² berpendapat semua kawasan Tanah Melayu akan menjadi seperti Singapura. Tetapi semenjak saya tiba di-kawasan pantai timor, pendapat saya itu rupa-nya silap dan rupa-nya maseh ada kawasan yang maseh tulen negeri Melayu.

Pendapat ini timbul dari kenyataan yang saya lihat sendiri, ia-itu bukan kerana bangunan² rumah Melayu dan di-sana sini kita akan melihat orang Melayu, tetapi suasana aman damai dan bahasa perantaraan yang terdengar di-kawasan ini jarang² kita dengar orang berchakap dengan bahasa Inggeris atau bahasa

lain, sa-lain dari bahasa Melayu atau bahasa Kembangan sahaja.

Negeri Terengganu ini luas-nya 5050 batu persagi, utara-nya bersempadan dengan negeri Kelantan dan di-barat-nya bersempadan dengan negeri Kelantan dan Pahang, di-selatan-nya bersempadan dengan negeri Pahang dan di-timur-nya Laut China.

Bandar negeri ini semua-nya dudok di-tepi pantai Laut China. Kuala Terengganu menjadi ibu bandar dan pelabuhan bagi negeri Terengganu. Dalam negeri ini ada enam belas batang sungai, sebab itu masa kita menjalani kawasan pantai timur terutama negeri Terengganu ini kita akan bertemu dengan banyak jambatan. Masa sa-belum di-buat jambatan yang indah dan panjang ini, kita terpaksa menyebérang sungai itu memakai peri dan memakan masa lama baharu sampai di-Kuala Terengganu kalau dari Kuantan. Mari kita hitung jambatan besar dan panjang dari sa-lépas kawasan Pahang kalau kita datang dari Kuantan; kita akan berjumpa Jambatan Geliga, Jambatan Bukit Kuang, Jambatan Kemasek, Jambatan Kerteh, Jambatan Paka, Jambatan Dungun, Jambatan Merchang, Jambatan Marang, Jambatan Kuala Ibai, Jambatan Pulau Rusa dan Jambatan Jerteh. Semua jambatan yang di-sebutkan ini panjang dan di-bina sa-lépas Tanah Melayu dapat merdeka dari penjajah Inggeris pada 31 Ogos 1957.

Jembatan yang baharu sa-kali di-sudahkan ia-lah jembatan yang panjang sa-kali ia-itu Jembatan Pulau Rusa dekat dengan bandar Kuala Terengganu, jembatan ini di-buka oleh Sultan Terengganu pada 28 haribulan Jun 1965 di-beri nama Jembatan Sultan Ismail Nasiruddin Shah, panjang-nya 1,170 kaki, terkena belanja sa-juta ringgit lebih. Dengan siap-nya Jembatan Pulau Rusa ini, tamat-lah sejarah menggunakan **peri** untuk menyebarkan sungai di-sapnjang pantai negeri Terengganu. Mari-lah saya petek satu sha'er berkenaan jembatan negeri Terengganu dari buku Chendera Mata merasmikan pembukaan jembatan Pulau Rusa itu:

Tamat-lah sudah riwayat **peri**,
Jembatan pula menjadi ganti,
Ini-lah kejayaan Kerajaan negeri,
Demi kema'moran ra'ayat sendiri.

Satu cerita negeri telah berlaku di-zaman peri dahulu ia-itu kejadian menyebarkan Sungai Dungun pada 3 haribulan Mei 1958, manakala peri yang penoh membawa bas yang berisi penumpang telah tenggelam di-Sungai Dungun itu dan memakan korban jiwa manusia sa-ramai 23 orang, semua penumpang dalam bas itu telah terperangkap dan tenggelam bersama bas itu. Dengan kejadian ini-lah, menjadikan isteri saya masa saya kata untuk menyebarkan Sungai Pahang menggunakan peri, ia takut. Apalagi ia dengar Sungai Pahang itu besar dan lebar dan memakan masa lama pula untuk menyebarkan-nya, tetapi sekarang hanya memakan ta' sampai sa-puluh minit.

Mēngikut sējarah nēgēri Tērēngganu, kēturunan raja yang mēmērentah nēgēri itu ta' putus² dzuriat-nya sēmēnjak 250 tahun dahulu hingga hari ini. Raja yang mēmērentah nēgēri Tērēngganu sēkarang bērgēlar Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Al-marhum Sultan Zainal Abidin. Baginda mula mēnaiki takhta Kērojaan Tērēngganu pada 16 Disembēr 1945. Baginda di-putērakan pada 24 horibulan Januari 1907.

Ramai-nya pēndudok nēgēri Tērēngganu mēngikut banchi pada Tahun Masehi 1963 ia-lah 336,764 orang. Di-antara-nya pēndudok Mēlayu ia-lah 310,429 orang.



Kētika pērjlanan kēluar dari bandar Kuala Tērēngganu itu, pēmandangan di-sēgari oleh bangunan² indah bēsar tērsērgam sapērti sēkolah², rumah-sakit, istana, pējabat kērojaan dan lain² lagi, kētika itu saya tēringat apa kata Abdullah Munshi pada kira' sa-ratus tiga puluh tahun dahulu kētika bēliou tiba di-Kuala Tērēngganu. Mula² pēmandangan-nya dari laut kata-nya, **"Maka ada-lah saya lihat Kuala Tērēngganu itu bagus dan sungai-nya bēsar, lagi ayer-nya tawar. Maka ada-lah kēlihatan dari laut pohon kēlapa sahojo; maka pantai-nya pasir putih."**

Pēmandangan yang dēmikian ada-lah sa-rupa hingga hari ini, kērana itu kējadian alam dan bukan mudah untuk di-ubah, hanya kalau nēgēri ini tēlah di-masoki oleh pēmodal² asing yang kaya-nya sapērti

Amerika, saya pĕrchaya pĕmandangan itu akan bĕr-
ubah, pokok: kĕlapa itu bĕrtukar dĕngan pĕnchakarĕ
langit.

Abdullah Munshi tĕlah mĕnchĕritakan panjang le-
bar sĕgala pĕmandangan, pĕndĕngaran dan pĕndapat-
nya bĕrkĕnaan Kuala Tĕrĕngganu itu. Pendek-nya ka-
lou kita bacha chĕrita Abdullah itu, kita tidak pula
datang sĕndiri mĕlihat Kuala Tĕrĕngganu itu sĕkarang,
tĕntu kita pĕrchaya maseh ada kĕsanĕ buruk dan ta'
baik yang di-katakan oleh Abdullah itu. Umpama-nya
kata Abdullah "...larangan nĕgĕri ini, apabila mĕlalui
**kampung raja tiada boleh bĕrpayong dan tiada boleh
pakai kasut dan pakaian kuning dan khasah nipis, sa-
kalian itu larangan sa-kali."**

Sĕmua yang di-katakan oleh Abdullah itu sĕka-
rang tiada lagi, saya dapati banyak orang yang bĕr-
payong dan hampir sĕmua orang mĕmakai kasut walau
lalu di-mana pun. Pendek-nya dalam masa sa-abad,
manakala kĕdaulatan bangsa dan nĕgara tidak tĕr-
ganggu, maka bangsa dan nĕgara itu dapat mĕmba-
ngun dan maju sapĕrti Kuala Tĕrĕngganu itu dalam
masa hanya ta' sampai bĕbĕrapa tahun sahaja tĕlah
banyak sĕkolah Mĕlayu, Inggĕris, Arab, China sĕrta
mosjid' yang bĕsar dan indah juga tĕlah tĕrdiri.

Pada masa saya datang kali pĕrtama di-Kuala
Tĕrĕngganu pada kiraĕ tiga bulan yang lĕpas, saya tĕlah
dapat mĕlawat pasar-nya yang dudok di-tĕpi kuala
sungai itu, dalam pasar itu lakiĕ pĕrĕmpuan orang Mĕ-
layu bĕrniaga. Mĕreka mĕjual ikan di-gĕraiĕ pasar itu.

Ikan memang sangat murah di-Terengganu.

Ada perkara yang sa-rupa ketika lawatan Abdullah Munshi pada satu abad lebih itu dengan lawatan saya ka-Terengganu itu. Pertama tentang pelat bahasa Melayu di-Terengganu yang di-katakan oleh Abdullah itu maseh tinggal kekal hingga hari ini. Kedua, ketua pemerintahan di-negeri itu maseh memakai sultan. Masa Abdullah sultan-nya bernama Sultan Muhammad ibni Sultan Mansur Shah umur-nya kira-kira lima belas tahun, tetapi masa saya melawat sultan-nya bernama Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin berumur lima puluh delapan tahun.

Pernjanaan keluar dari Kuala Terengganu menuju ka-Kelantan itu belum pernah saya tempoh, jadi pada hari ini-lah kali pertama saya hendak melihat negeri Melayu itu. Sa-telah melalui jambatan indah dan panjang menyebarkan Sungai Terengganu itu ia-itu jambatan yang menamatkan sejarah peri di-Terengganu, saya dapati jalan-nya baik, tetapi tidak lagi melalui tepi laut seperti pernjanaan yang telah saya tempoh ketika datang dari Kuantan. Pemandangan di-kiri kanan jalan itu mula melihat ladang getah dan sedikit kampung orang.

Oleh sebab kawasan yang saya tempoh itu kawasan yang belum saya lalui, sebab itu terpaksa saya berhati-karena saya takut sesat. Saya menyuruh anak saya yang pandai membaca melihat dan membaca tanda yang ada di-tepi jalan, terutama nama tempat atau kampung yang di-lalui. Jalan yang saya tempoh

itu banyak juga yang bĕr-bukit². Sa-lĕpas Kuala Tĕrĕngganu itu kami bĕrtĕmu dĕngan Kampong Sungai Rakit, Chalak, Kampong Buloh. Di-Kampong Buloh ini ada simpang ka-kanan untok mĕnuju ka-tĕpi pantai laut ia-itu Kampong Pĕnarek dudak-nya di-Kuala Sungai Sĕtiu. Saya tidak bĕrbelok ka-kanan, ia-itu jalan tĕrus sĕbab kĕtika itu hujan sĕrta bila saya lihat meter minyak petrol tĕlah mĕnunjokkan tinggal suku sahaja hati saya chĕmas takut kĕhabisan minyak di-tĕngah² pĕrjalanan. Yang mĕnjadikan chĕmas itu sĕbab saya lihat kampong² yang tĕlah saya lalui itu sĕmua-nya kampong kĕchil hanya ada sa-buah dua kĕdai mĕnjual barang², ta' ada langsung tĕmpat mĕnjual minyak petrol. Hujan sa-makin lĕbat bila kami sampai di-Kampong Gong Balai, sĕbab itu tĕrpaksa saya mĕjalankan motokar dĕngan chĕrmat dan pĕrlahan.

Kĕtika saya tiba di-Kampong Batang Gĕrgaji, tiada hujan di-situ, tĕtapi hati saya sa-makin chĕmas sĕbab minyak tĕlah tinggal hanya kira² pĕrjalanan untok sa-puluh lima bĕlas batu. Pĕistiwa minyak motokar hĕndak habis ini tidak saya bĕritahu kapada anak² saya, hanya kĕtika kĕchĕmasan saya sa-makin mĕmunchak, saya bĕrtanya kapada mĕnantu saya bĕropa jauh lagi kita boleh dapat mĕmbĕli minyak motokar. Rupa-nya mĕnantu saya tĕlah pĕrnah mĕlalui kawasan itu masa bĕbĕropa tahun dahulu, ia mĕjawab, "Kalau ta' salah kita sĕkarang hĕndak sampai ka-sĕmpadan Kĕlantan, di-sana ada pĕkan bĕsar, ia-itu bandar bĕrnama Pasir Puteh."

Saya bĕrtanya, "Bĕropa jauh lagi kira² kita akan sampai ka-bandar itu?"

Jawab-nya, "Dalam dua puluh batu lebih atau harus tiga puluh batu. Saya pun ta' ingat, kerana telah lama sangat saya pernah melalui tempat ini." jawab-nya dengan ragu'.

Hati saya yang chëmas itu tërhibor sedikit bila melihat ada bëbërapa buah motokar yang datang dari arah Këlantan itu kata hati saya harus hampir sampai ka-pëkan, mudah'an ada di-pëkan itu tempat mënjual minyak. Saya ta' bërkata opa', hanya saya sabëntar' melihat meter minyak itu yang sa-makin mënunjukkan ka-tanda hëndak kosong. Motokar maseh boleh dilarikan dëngan laju, akhir-nya saya nampak ada kampung orang, këmudian dari jauh lagi saya nampak ada rumah' këdai ia-itu këdai rumah batu sa-dëret, di-situ këlihatan banyak motokar dan këlihatan ada papan tanda kulit kërang bërwarna kuning pinang masak ia-itu mënunjukkan di-situ ada mënjual minyak **Shell**. Bukan main gëmbira hati saya dan baharu-lah saya mëmberi tahu kapada anak' dan istëri kesah këchë-masan yang baharu saya alami tadi.

Istëri saya bërungut di-sakong oleh anak përem-puan saya yang mënjadi guru bërkata, "Lain kali sabëlum bërlepas elok kita përeksa minyak motokar, kalau habis di-tëngah jalan dalam hutan tadi alang-kah susah-nya."

Lakman mënantu saya tërtawa, këmudian bër-kata, "Patut ayah tadi bër tanya bërapa jauh lagi ada tempat dapat mëmbeli minyak motokar."

Jawab saya, "Ini satu pëngajaran kapada kita bër-samo, kamu sëmua jangan hanya mudah tahu naik motokar sahaja tidak bër-tanggung-jawab sama. Dari sëkarang tiap¹ orang mësti mëngambil tahu bër-tanya kalau ada minyak dan ayer motokar kita ini. Ayah mëmang ta' mahu bëri tahu kamu sëmua rasa chëmas tadi, sëbab ayah ta' mahu kamu sëmua bër-sama chëmas pula, jadi përlalanan kita ta' baik. Ini mënjadi shorot kapada këtua, atau kapitan atau pandu dalam satu² kumpulan untok mënjouhkan kë-ragu'an atau këchëmasan kapada pëngikut-nya."

Bandar yang saya singgah mëmbelli minyak petrol itu ia-lah bandar Jërteh. Këdai minyak itu di-usahakan oleh orang Mëlayu, sëbab itu mudah saya bër-tanya² kapada-nya bërapa jauh lagi hëndak sampai ka-Kota Baharu dan kalau ada simpang³ yang mësti di-ingati supaya jangan tërbabas ka-simpang jalan lain dari ka-Kota Baharu.

Orang itu bërkata, "Kita hanya mësti ingat bila sampai di-bandar Pasir Putih, di-situ ada simpang ka-kanan dan ka-kiri. Simpang ka-kanan ia-lah ka-tëpi laut kampong Kuala Bësut, kalau belok ka-kiri kita akan masuk Machang. Kalau kita hëndak ka-Kuala Bësut dari sini boleh juga." kata orang itu sambil ia mënunjukkan ada satu simpang jalan ta' jauh dari kë-dai minyak itu. "Dari situ kita dapat përgi ka-Kampong Raja dan ka-Kampong Kuala Sëtü, atau dari simpang Kampong Raja itu kita belok ka-kiri kita akan përgi ka-Kuala Bësut."

Sa-télah saya mémboyar harga minyak itu dan mémberi térima-kaseh kapada-nya, saya bawa anak² sémua singgah di-kédai kopi di-bandar Jérteh itu untuk bérehat dan minum. Bandar kéchil ini lapang sahaja, kédai kopi yang saya singgah itu kédai kopi China Hai-lam. Sa-télah bérhénti di-situ kira suku jam, lalu kami bérlépas sa-mula ménuju ka-Kota Baharu, hari télah pukul émpat pétang.

Dalam pérjalanan ménuju ka-sémpadan Kélantan itu, saya ménchéritakan kesah kéchémasan yang télah saya alami bébérapa kali, satu daripada-nya saya chéritekan bagaimana kesah kéchémasan yang bé-sar sa-kali kétéka kapal-térbang yang saya tumpang balek dari pérjalanan sa-lépas mélawat Timor Téngah pada Tahun 1960. Kata saya, "Kapal-térbang itu ayah tumpang dari Bangkok, sa-télah tiba di-Kuala Lumpur, kapal-térbang itu bérhénti satu jam di-situ ménurunkan pénumpong²-nya yang héndak ka-Kuala Lumpur dan méngambil pénumpong² baharu. Masa bérlépas dari Kuala Lumpur itu hari télah gélap, kata hati ayah, kira² sa-jam lagi tiba-lah di-Singapura. Té-tapi manakala kapal-térbang itu mélalui di-angkasa négéri Méléka, ayah mérasa kapal-térbang itu térhéntak² macham mélalui di-angkasa yang banyak awan dan kabus saperti yang ayah pérnah rasa masa térbang di-angkasa ményébérang banjaran Gunung Alps di-Eropah. Ta' lama kémutian sémua pénumpong² dalam kapal-térbang di-suruh mémasang ikat pinggang. Ayah ta' mérasa opa² chémas, kapal-térbang térus térbang, hanya rasa-nya tidak begitu laju, akhir-nya sa-lépas kawasan yang gélap gélito dan ayah tahu ia-itu méla-lui di-atas angkasa hutan rimba négéri Johor kapal-

tērbang pun tiba di-atas bandar Johor Baharu, sēbab ayah lihat di-situ tērang bēndērang dan ada jalan kē-reta-api sērta nompak Sēlat Tēbērau, tētapi kapal-tērbang sa-makin rēndah, pada hal bēlum kētika hēndak turun. Ayah lihat pēlayan² yang tērdiri dari wanita² Thai itu sēmua-nya tēlah bērkumpul di-bēlakang dan bila ayah lihat, mēreka sēdang bēr-bisek², kēmudian mēreka bērjalan mēlihat kalau tiap² pēnumpang tēlah mēngikat pinggang dēngan tali pinggang yang ada di-tēmpat dudok pēnumpang², muka mēreka tērsēnyum chēmas. Walau pun tidak di-bēri tahu ada apa² kēro-sakan tērjadi pada kapal-tērbang itu, tētapi ayah tēlah mula mērasa chēmas, bukan sahoja ayah, malahan sēmua pēnumpang² yang pēnah dalam kapal-tērbang itu tērdiri dari orang Amerika, China, India dan lain² bangsa tēlah kēlihatan tidak bēr-chakap² lagi, sēmua-nya dudok diam tērpoku dēngan kēchēmasan. Ta² bērapa lama kēmudian ayah tengok kapal-tērbang tēlah sampai di-kawasan lapangan tērbang Singapura dan turun dēngan sēlamat. Yang ganjil-nya walau pun kapal-tērbang tēlah bērhēnti, pēnumpang² bēlum boleh kēluar sēbab pintu kapal-tērbang bēlum di-buka, ada kira² suku jam pēnumpang² tērkurong dalam kapal-tērbang yang tēlah bērhēnti itu, udara mulai mērasa panas, sa-hingga sēmua pēnumpang² rēsah kēpanasan dan sēmua-nya tēr-jēngok² di-tingkap dan tēr-tanya² mēngapa. Akhir-nya pintu kapal-tērbang baharu tērbuka dan kami sēmua turun. Ayah lihat ada ēmpat lima kēreta bomba tēlah siap ta² jauh dari kapal-tērbang yang ayah tumpang itu. Bila ayah bērjumpa dēngan kawan² di-rumah pērhēntian pēnumpang baharu ayah tahu, kapal-tērbang yang ayah tumpang itu

lambat dua jam tiba di-Singapura. Kemudian boharu ayah tahu mengatakan kapal-tērbang itu tēlah rosak dalam pēnērbangan dari Kuala Lumpur ka-Singapura, nasib baik tidak tērhēmpas. Yang pēnting dalam chērita ini, ayah tahu bagaimana pēnting-nya kapitan kapal-tērbang itu mēnjaga supaya sēmula pēnumpang tidak chēmas, dia tidak mēmbēritahu pēnumpang apa yang sēdang bērlaku kapada pēnumpang kapal-tērbang itu sa-hingga ia mēnchuba mēmbawa kapal-tērbang itu turun dēngan sēlamat-nya."

Sēmula anak² saya itu yang mēndēngar chērita saya itu kēlihatan insaf apa yang di-katakan tanggung-jawab pandu, kapitan atau kētua yang bērtanggung-jawab orang² yang di-jaga, di-pimpin atau di-bawanya.

Pērjalanan saya itu ta' lama kēlihatan sampai di-kawasan pērēnggan nēgēri Tērēngganu dēngan nēgēri Kēlantan, kērana di-situ ada papan kēnyataan dan ada polis ta' jauh dari sēmpadan itu.

TIBA DI-BUMI KĒLANTAN

Kĕtika mula saya masok ka-nĕgĕri Kĕlantan ini yang mula' sa-kali mĕnarek pĕrhatian saya ia-lah jalan-roya-nya yang baik ia-itu tidak kalah dĕngan jalan' di-pantai barat, kĕmudian saya lihat di-kiri kanan jalan' itu sĕmua-nya kĕbun, tĕrutama kĕbun atau dusun buah'an, rumah orang Mĕlayu dalam dusun itu yang bĕrhompiron dĕngan tĕpi jalan, sĕrta ramai orang Mĕlayu sa-panjang' jalan laki' pĕrĕmpuan dan kanak' sibok nampak-nya.

Mĕngapa-keh bagitu pĕrhatian saya? Sa-patut-nya saya tidak mĕnjadikan pĕrhatian istimewa pĕmandangan bagitu, saya tĕlah pĕrnah mĕnjĕlajah ka-sĕluruh Ēropah dan Timor Tĕngah, tĕlah mĕlihat sĕgala yang indah'. Jawapan-nya ia-lah kĕrana sa-panjang yang saya dĕngar dan kadang' mĕmbacha bĕrita' mĕ-

nunjukkan nēgēri Kēlantan itu sa-olah? tidak bagitu lichin pērijalanon pēntadbiron-nya atau kēadaan nēgēri-nya kērona nēgēri itu di-pērentahkan oleh Parti Islam Sa-Malayo atau tērkēnal dēngas PAS. Di-tambah pula dēngan chērita Pēlayaran Abdullah yang mēnchēritakan kesah nēgēri Kēlantan, pada satu abad lēbeh yang lampau itu bagitu kusut, maka sēmua ini mēnjadi gambaran yang saya bawa untuk mēlihat nēgēri Kēlantan hari ini.

Pada fikiran saya mula-nya bila masok ka-kawasan Kēlantan itu tēntu-lah akan tērjumpa dēngan hutan rimba di-kiri kanan jalan-nya, sērta jalan-nya lēkak lēkak ta' di-pēlihara dēngan sēmpurna, tētapi apa yang saya lihat pērmulaan itu sungguh mēmēranjatkan saya, sēgola gambaran yang saya tērfikir atau tēr-pandang? sa-lama ini, sēmua-nya di-kēlirukan oleh chērita? atau bērita? yang ta' bēnar. Dalam hati saya bērkata, "Boleh party Pas mēmērentah, ta' ada apa kurang-nya."

Ta' lama kēmudian saya sampai di-sabuah bandar kēchil bērnama Pasir Putih. Bandar itu ramai juga, ada kēdai? mēnjual bēr-bagai? barang kēpērluan masharakat. Di-situ memang ada satu simpang ka-kanan ia-itu ka-pantai Laut China ia-itu ka-Kuala Bēsut atau ka-Chērang Ruku. Satu simpang lagi ka-kiri ia-itu masok ka-pēdalaman nēgēri Kēlantan ka-Machang, dari situ boleh ka-Kuala Kērai ada sētesen kēreta-?pi untuk jalan ka-Singapura, atau boleh juga dari Machang itu ka-Kota Baharu.

Saya mengikuti jalan terus dari Pasir Putih itu dan berjumpa dengan kampung dan pekan' kecil-nya ia-itu Kampung Padang Pa' Mat, Selinsing, Melor dan Peringat. Bila saya sampai di-pekan Peringat itu saya dapati ada simpang ka-kanan untuk pergi ka-Bachok ia-itu ka-tēpi pantai utara Kelantan, ia-itu sebuah pantai yang indah di-tēpi Laut China dalam kawasan Kelantan. Simpang di-kiri dari Peringat itu ka-Keteroh, Machong, Kuala Kerai atau boleh pergi ka-Kota Bharu juga.

Masa melihat ka-Bachok itu, istēri saya terus berkata kepada saya elok kita singgah di-Bachok, kerana di-sana ada anak saudara-nya bekerja di-pejabat Kerajaan. Anak² saya semua setuju ka-Bachok itu terlebih dahulu. Mengikuti kehendak saya hendak ka-Kota Bharu dahulu bermalam di-hotel atau di-mana² tempat tumpangan di-sana. Pendapat saya itu di-chelah oleh istēri saya berkata, "Kalau Nawi dan Lijah tahu kita datang ka-Kelantan ini tidak terus ka-rumah-nya, tentu mereka kecil hati. Mereka telah memesan dahulu masa datang ka-rumah kita di-Singapura, jangan tidak² kalau kita ka-Kota Bharu hendaklah terus ka-rumah-nya, itu-lah tanda berkeluarga."

Tanya saya, "Kalau di-rumah-nya ta' ada tempat untuk bermalam atau mereka ta' ada di-situ lagi, sebab kita ta' pernah berhubung dengan mereka telah lama, tentu kita kemalaman untuk ka-Kota Bharu."

Anak saya menyompok, "Ta' apa-lah, kita pergi ka-Kota Bharu, tetapi elok kita ka-Bachok ka-rumah Kak Lijah dahulu."

Saya bĕrsĕtuju dĕngan pĕndapat mĕreka, hanya saya bĕrtanya kapada mĕnantu saya, "Sĕnang kita dapat hotel atau tĕmpat tumpangn di-Kota Baharu?"

Jawab mĕnantu saya, "Kalau dahulu sĕnang, tĕtapi sĕkarang ta' tahu-lah."

Dĕngan kĕputusan tĕrbanyak hĕndak ka-Bachok itu lalu saya mĕmbelokkan motokar ka-Bachok. Jalan mĕnuju ka-Bachok itu sama baik-nya dĕngan jalan hĕndak ka-Kota Baharu. Di-sopanjangi jalan itu ialah kampong orang, dusun buah^{an} dan ada kĕbun gĕtah. Ada bĕbĕrapo buah kampong kĕchil dan sa-bĕlum sampai ka-Bachok kita akan bĕrtĕmu dĕngan pĕkan Gunong, pĕkan Jalawat, dan pĕkan Kampong Repek baharu sampai ka-tĕpi laut.

Hari tĕlah pukul ĕnam pĕtang, bandar Bachok yang tidak bĕsar itu ada pĕjabat² Pĕgawai Daerah, Rumah Pasong, Pĕjabat Pos, rumah kĕdai bĕbĕrapa buah dan ada pasar. Kĕlihatan juga bangunan sĕkolah. Oleh sĕbab kawasan tĕmpat tinggal orang² Kĕrajaan di-Bachok itu sa-kumpul ia-itu di-rumah² kĕrajaan, oleh itu dĕngan sa-kali tanya sahaja kapada orang di-kĕdai itu mĕreka mĕnunjukkan arah tĕmpat rumah² kĕrajaan dan rumah Pĕgawai Daerah.

Kĕbĕtulan ada ĕmpat lima orang bĕrkumpul ta' jauh dari Masjid yang dudok-nya di-tĕpi padang bola di-Bachok itu, mĕnantu saya bĕrtanya kalau² mĕreka kĕnal Che' Nawi mĕnjadi kĕroni bĕsar di-pĕjabat Daerah Bachok. Dĕngan chĕpat sa-orang daripada-nya mĕnunjukkan rumah Che' Nawi ia-itu hanya sĕlong

tiga rumah dari tempat saya bertanya itu. Kami semua gembira bila berjumpa dengan rumah yang dicari, Enche' Nawi dengan istëri-nya Lijah menyambut kedatangan kami anak beranak, rumah mereka besar kerana sa-bagai sa-orang kerani besar mendapat rumah yang layak untuk pangkat-nya itu. Ada bilek² besar di-rumah itu dan ada ruang tempat tetamu yang berator dengan kerusi meja, bertangga batu, menghadap ka-padang bola yang ta' jauh dari tepi laut.

Semua anak² dan istëri saya merasa lega sebab ta' payah ka-Kota Baharu. Mereka telah lama ta'



— Tiga orang anak pengarang buku ini ketika berkunjung di-Kota Baharu, Kelantan, mereka bergambar di-seluruh meriam lama zaman Kerajaan Melayu dahulu, menjadi perhiasan di-kawasan bandar Kota Baharu. Dari kiri Akhat Hakim, Siti Hajat dan Siti Hayati.

bĕrjumpa kĕluarga-nya, sĕbab itu mĕreka bĕrgurau jĕnaka dan bĕrbual panjang. Pada hari itu saya mĕrasa diri saya tĕlah mĕnunaikan satu tugas bĕsar dalam hidup saya untuk mĕnyampaikan chita² saya ka-Kĕlantantan yang bĕlum pĕrnah saya tiba itu. Pada hari itu mĕnjadi sĕjarah hidup saya dapat mĕlihat nĕgĕri dalam Malaysia yang bĕlum pĕrnah saya tĕmpoh. Dĕngan tiba saya di-Kĕlantantan itu sĕmua nĕgĕri² dalam Malaysia rĕlah saya jĕlajahi ia-itu, Singapura nĕgĕri tĕmpat tumpah darah saya, Johor, Mĕlaka, Nĕgĕri Sĕmbilan, Sĕlangor, Perak, Kĕdah, Pulau Pinang, Pĕrlis, Pahang, Tĕrĕngganu, Kĕlantantan, Sarawak dan Sabah. Hari dĕlapan Ogos Tahun 1965, kĕbĕtulan dĕngan hari Minggu, kĕtika itu gĕnap umur saya lima puluh dĕlapan tahun, baharu sĕlĕsai-lah saya mĕlihat Tanah-ayer saya sĕluruh-nya.



Pada malam itu saya ta' ka-mona² sĕbab pĕnat, hanya bĕr-bual² dĕngan Che' Nawi. Bandar Bachok itu bĕlum masak kuasa elektrik, tĕtapi tiang² lampu untuk mĕmasokkan lampu² elektrik tĕlah di-dirikan, sĕbab itu radio² di-sini maseh pakai betri. Untuk mĕnĕrangkan jalan² di-kawasan bandar Bachok ini dipasang lampu pam yang dapat mĕnĕrangkan kawasan bandar itu hingga kira² tĕngah-malam.

Mĕngikut chĕrita Che' Nawi, "Pĕgawoi Daerah Bachok tinggal di-kawasan bĕrhampiran dĕngan rumah saya ini, ia orang Mĕlayu. Tĕpi pantai Bachok itu mĕnjadi kawasan bĕrkelah yang baik sa-kali di-Kĕlantantan

hari ini, lebih baik dari Pantai Chinta Běrahi yang telah tēr-kēnal hingga ka-Singapura itu.”

Bila saya mēndēngar nama Pantai Chinta Běrahi itu, sēbab saya pēmah mēndēngar tēmpat itu sangat mashhor di-Kēlantan ini, lalu saya bērtanya “Běrapa jauh dari Kota Baharu Pantai Chinta Běrahi itu?”

Jawab-nya, “Ta’ jauh dari kawasan bandar Kota Baharu, esak boleh-lah Pa’ Chik ka-sana. Tēmpat itu di-panggil oleh orang² di-sini Pantai Sēmud Api, sēkarang ta’ begitu ramai orang ka-sana pada hari² Minggu.”

Saya bērtanya, “Mēngapa?”

Kata-nya, “Kawasan pantai itu telah banyak yang di-rosakkan oleh ayer laut, pantai-nya tidak landai macham pantai Bachok ini lagi.”

Oleh sēbab mata saya sangat mēngantok, sēbab itu saya ta’ dapat bērbual panjang, sēmēntēlahan pula angin laut bērtiup kuat mēnjadikan mata saya kuat mēngantok-nya, tēmpat itu sunyi sēnyap, lalu saya tērtidor chēpat, saya ingin bangun pagi² hēndak pērgi mēlihat pantai Bachok yang di-katakan indah itu.

Memang esok pagi-nya saya bangun pagi² bēnar, kērana udara di-sini sa-lēpas tēngah-malam sangat sējok. Pada pagi² itu anak saya yang kēchil bērnama Akbar Hakim bērumor tiga tahun telah bangun sama, kētika saya hēndak bēr-jalan² ka-tēpi pantai yang tidak jauh dari situ, ia mēngikut saya.

Udara sėjok sėgar itu sangat baik saya rasa. Dėngan mėmakai kain dan kėmeja sėrta bėrsėlipar Jėpun saya bėrjalan dėngan anak saya itu ka-tėpi pantai. Kėadaan di-situ sėnyap sunyi, hanya sakali kėdėngaran bunyi burung mėrbak bėr-sahutan. Rupa-nya di-kawasan itu banyak burung mėrbak, baik yang di-pėlihara atau yang bėrtėrbangan di-tėpi pantai yang banyak pokok kėlapa dan pokok ru. Di-tėpi pantai itu ada rumah pasang ta' jauh dėngan tėpi pantai. Saya lihat polis ada bėrkawal di-situ.

Di-tėpi pantai itu ombak mėn-dėru bunyi-nya mėmukul pantai, ayer sėdang naik pasang. Pantai-nya panjang mėlandai, bėrpasir puteh tėrbėntang. Di-tėpi pantai itu jauh ka-darat ada bangku tėmpat dudok dan bėkas tėmpat orang bėrkelah. Laut-nya luas tėrbėntang tiada apa yang mėlindongi-nya. Saya lihat di-pasir tėpi pantai itu ada bėbėrapa orang pėrėmpuan sėdang dudok mėnanamkan kaki-nya ka-dalam pasir tėpi pantai itu had pinggang. Saya sėgan bėrtanya, sėbab itu saya hanya mėlihat dari jauh, tėtapi kėmudian baharu saya tahu bila saya bėrtanya kopoda sa-orang yang ada bėrdiri di-situ mėngatakan orang pėrėmpuan itu bėrubat di-situ tiap pagi dari pėnyakit lėmah.

Saya lihat di-tėpi pantai mėnghala ka-utara, saya nampak ada kampung nėlayan di-sana, sėbab kėlihatan rumah dan pėrahu pėnangkap ikan tėrsada di-tėpi pantai itu. Kata orang Polis itu, kampung nėlayan yang kita nampak itu ia-lah Kampung Pėrupok.

Ketika saya berdiri di-tèpi pantai itu, pemandangan saya mengembara jauh ka-seluruh kawasan Laut China yang di-hadapan saya itu, matahari mulai terbit memancar, warna laut yang membiru itu kelihatan ber-kelip'kan gemerlapan, pendengaran saya hanya bunyi ombak dan di-selang² oleh bunyi suara burung merbak. Ketika itu saya teringat chërita pëlayaran Abdullah Munshi yang pernah mënëmopoh kawasan laut itu. Beliau mengatakan sa-panjang masa di-kawasan laut berhampiran dengan Kuala Sungai Kelantan itu angin dan ombak kuat sa-panjang hari.

Pantai yang terbuka dan laut lontang di-hadapan itu mënjadi pemandangan indah dan mënimbulkan ilham saya, kalau-lah saya dapat duduk di-kawasan itu dalam masa sa-bulan, harus saya dapat mënchiptakan sa-buah nobel NELAYAN DENGAN LAUT.

Kira² satu jam saya mënë'mati alam indah di-tèpi pantai yang përmai itu anak saya yang mengikut saya itu bising hëndak mandi laut, tètapi bila saya katakan kapada-nya, boleh mandi syarat-nya mësti tëlanjang sëbab ta' ada mëmbawa sëluar mandi, ia ta' jadi mandi kërano malu kata-nya.

Saya këmballi sa-mula ka-rumah sa-tëläh bërjalan më-lihat² kawasan bandar yang këchil itu. Orang sibok ka-pasar sëbab saya lihat ada nëlayan mëmbawa hasil ikan tangkapan-nya dëngan basikal ikan di-jual di-pasar yang ta' jauh dari situ.

Masa saya sampai di-rumah, istëri saya dan anak² saya yang lain rupa-nya këhilangan saya dëngan Akbar Hakim. Bila saya chëritakan përgi ka-tèpi pantai Bochok itu, mërëka mërungut sëbab tidak di-ajak sama.

PERISTIWA 9 OGOS

Pagi ini sembilan haribulan Ogos, hari Ithnin. Sa-telah lepas sarapan pagi, saya dapat ber-chakap dengan sa-orang kampung yang berpelajaran di-situ, berkėnaan perusahaan orang kampung di-sakeliling pantai di-Kelantan. Saya ingin mēngėtahui bagaimana nasib mereka yang telah berkėturunan itu, mungkin telah ber-abad mereka mējadi penghuni kawasan pantai itu, ada-kah mereka telah berubah nasib-nya.

Mēngikut pēndapat orang kampung itu, "Nasib nelayan itu moseh macham dahulu juga, kėrana tiada kėlihatan pėrubahan bėsar. Mėreka moseh mēnangkap ikan mēmakai pėrahu, bėrharap kėtika tėdoh di-laut, mējual kapada orang yang mēnyambut di-darat dengan harga yang telah di-tėntukan oleh taukeh,

kéadaan rumah² dan pénghidupan méreka maseh bé-
rupa rumah² yang tidak mémbéri jaminan hidup.
Orang² kampung dan nélayan mémandang orang ma-
kan gaji lébeh mewah dan sénang daripada méreka.”

Péndapat itu saya sétuju, kérena saya télah mé-
mérhatikan kéadaan nélayan² yang tinggal di-kampung²
nélayan itu, bénar saperti yang di-katakan oleh orang
kampung yang bérpélojaran itu.

Saya bértanya kepada orang kampung itu, “Ta’
ada-kah usaha untuk ménchari jalan supaya chara²
lama itu di-ubah déngan chara² baharu séménjak ta-
nah-ayer kita télah mérdeka.”

Jawab orang itu déngan tér-agak², “Saya déngar
ada, tétapi éntah bagaimana pérubahan-nya saya ta’
tohu, ada saya déngar chërita sharikat dan bantuan,
tétapi bélum nampak mémbéri pérubahan kepada na-
sib² nélayan itu.”

Déngan térsényum saya bérkata sa-télah mén-
déngar kétérangan daripada orang kampung itu, “Saya
télah mélihat nélayan² di-négëri² yang maju saperti di-
Éropah, saya lihat nélayan² itu mémpunyai sharikat
bésar, ada kapal pénangkap ikan banyak, ada kilang²
ikan untuk di-tinkan, ada sékolah périkanan di-tiap²
kawasan kampung nélayan itu. Oleh itu nélayan² itu
hidup-nya térator dan térjamin.”

Orang itu méndéngar kétérangan saya itu hanya
bérkata, “Mudah²on nélayan kita akan dapat pér-
ubahan nasib-nya saperti nélayan² di-Éropah itu.”

Kétika orang itu berjabat tangan hendak meninggalkan saya, saya berkata, "Di-negeri yang maju, penghidupan di-kampung ada lebih mewah daripada orang makan gaji di-pekan atau di-bandar. Di-Eropah peladang itu banyak yang senang hidup-nya, anak mereka banyak yang berpelajaran tinggi, peladang dan petani ta' kenal kesah ta' makan."

Sa-lépas saya ber-chakap dengan orang kampung itu, saya dapati istèri dan anak saya telah siap untuk berangkat ka-Kota Baharu dengan Enche' Nawi dan adek perempuan-nya sa-bagai pandu ber-jalan di-Kota Baharu. Mengikut kemahuan istèri dan anak saya mereka terlebih dahulu hendak melihat tempat orang berténun kain songket dan tempat bertukang perak dan pasar Kèlantan.

Pukul delapan sa-tengah pagi, rombongan saya dengan di-pandu oleh Enche' Nawi dan adek perempuan-nya serta istèri kapada Pegawai Daerah Bachok, berlepas menuju ka-Kota Baharu. Hari panas terik, walau pun maseh pagi tetapi panas-nya terasa benar. Enche' Nawi dengan rombongan-nya yang menjadi pandu saya itu berjanji hanya ka-bandar sahaja dan akan menunjukkan tempat orang berténun kain songket.

Oleh sebab jalan-roya-nya baik menuju ka-Kota Baharu itu, kira' ta' sampai satu jam kami telah masuk ka-kawasan bandar Kota Baharu. Dalam perjalanan itu saya lihat di-kiri kanan hendak masuk ka-bandar semua-nya kampung orang. Bandar Kota Baharu itu dudok-nya di-tèpi Sungai Kèlantan, di-atas

tanah rata, sēbab itu bila saya lihat bandar itu tērasa bēnar lapang dan bangunan² moden dan chantek banyak tērdiri ada yang bērtingkat ia-itu lēbeh bēsar dari bandar Kuantan atau Kuala Tērēngganu mungkin lēbeh bēsar dari bandar Johor Baharu.

Kata hati saya, "Wah bandar Kota Baharu bēsar dan lapang, jalan²-nya tēratar baik dan bērseh. Banyak kēndēraan dalam bandar itu. Kērana saya hanya mēngikut di-bēlakang motokar Enche' Nawi, sēbab itu saya ta' sēmpat mēmērhatikan jalan apa yang saya tēmpoh itu, tētapi kēmudian saya lihat mēlalui di-satu kawasan jalan tidak jauh dari tēpi sungai dan ada padang bola. Di-hadapan padang itu ada bangunan bēsar, kami mēnuju ka-bangunan itu. Rupa-nya bangunan itu ia-lah bank, sēbab itu padang yang bērhadapan dēngan bank itu di-panggil **Padang Bank**.

Saya bērhēnti di-situ sēbab Che' Nawi hēndak mēnyēlēsai kan urusan-nya di-bank itu. Kētika bērhēnti itu anak² saya tēlah pērgi ka-satu kawasan di-sabēlah bangunan bank itu, nampak-nya bangunan lama, ada mēriam lama mēnjadi pērhiasan di-halaman kēchil itu. Anak² saya bērgambar di-tēpi mēriam itu, ada yang bērdiri di-atas mēriam lama itu.

Enche' Nawi kēmudian datang mēndapatkan saya mēngatakan kērja-nya harus mēmakan masa kira² sa-tēngah jam lagi, sēbab itu ia mēnchodangkan supayc saya dēngan di-pandu oleh adek pērēmpuan-nya mēnēruskan lawatan ka-tēmpat mēmbuat kain songket. Saya bērsētuju, sēbab itu kami bērgērak mēnuju ka kampong tēmpat mēnēnun kain songket.

Saya tidak mēmērhatikan nama jalan² yang dilalui, ada kala-nya saya di-bawa jalan dalam bandar itu yang lebar dan tērdiri rumah² kēdai ia-itu rumah batu bērtingkat, ada kala-nya di-bawa ka-jalan sēmpit ia-itu jalan dan bangunan² lamo, tēringat saya macham jalan di-Mēlaka Tua. Akhir-nya saya mēngikut jalan ka-kawasan kampong, tidak jauh dari tēpi Sungai Kēlantan itu, ia-itu kawasan yang pēnoh tērdiri rumah² Mēlayu. Kēmudian bērhēnti di-sabuah bangunan rumah yang bēpagar, jalan-nya sēmpit dan bangunan itu ia-lah satu daripada tēmpat mēnjual dan mēngusahakan tēnun kain songket di-bandar Kota Baharu. Rumah itu ia-lah bangunan rumah banglo saperti yang di-dapati banyak tērdiri di-tēpi² laut di-Singapura.

Saya ingin mēlihat pērusahaan kain songket itu. Saya turun sama dari motokar bērsama anak² dan istēri Pēgawai Daerah Bachok yang tēlah mahir dēngan kawasan itu. Di-bawah rumah itu ada orang pērēmpuan sēdang mēnēnun kain songket. Saya lihat pērēmpuan itu bēkērja dēngan chērmat dan sabar sērtā bērazam hēndak mēnyudahkan kērja-nya yang halus dan rumit itu dēngan chēpat.

Saya bērtanya kopada pērēmpuan yang sēdang mēnēnun itu, "Bērapa lama dapat di-sudahkan sahēlai kain tēnun itu?"

Jawab-nya, "Kalau di-kērjakan ta' bērhēnti² mēngikut waktu yang patut, ta' sampai sa-minggu sahēlai, tētapi kalau kain songket itu banyak bunga-nya halus² lambat sadikit."

Saya lihat orang itu bĕkerja dĕngan pĕrkakas tĕnunan-nya sa-chara lama ia-itu pĕrkakas tĕnun yang di-buat daripada kayu, kĕrĕtak-kĕrĕtuk bunyi pĕrkakas tĕnun yang di-buat daripada kayu, kĕrĕtak-kĕrĕtuk bunyi pĕrkakas itu bĕjalan tĕrus sambil orang yang bĕrtĕnun itu mĕnyusun dan mĕnyulam bunga² dan warna dĕngan kĕdua bĕlah tangan-nya, mĕngikut gĕlĕndong² bĕnang yang bĕr-warna² itu tĕrlĕtak di-kiri kanan pĕmidong pĕrkakas tĕnun itu. Kĕlĕbahan tukang tĕnun ini, ia ingat jarak² warna dan bunga² itu dĕngan ta' ada chontoh-nya. Tukang tĕnun ini juga kata hati saya, "Ahli sĕni yang mĕndalam dan bĕr-pĕngalaman bĕrtĕras sĕni kĕbangsaan Alam Mĕlayu."

Sa-tĕlah puas saya mĕlihat tukang tĕnun itu bĕkerja dĕngan tunak, anak dan istĕri saya tĕlah naik ka-atas mĕlihat kain² yang sudah siap dan di-juol.

Saya kĕmudian naik ka-atas juga, oleh sĕbab tĕmpat itu rumah tĕmpat tinggal, sĕbab itu mĕsti mĕmbuka kasut untok naik ka-atas rumah itu. Di-atas lantai rumah itu di-bĕntang hamparan, siap dĕngan alat² pĕrabut kĕrusi meja tĕmpat dudok dan almari² chĕrmin yang pĕnah dĕngan kain² songket, kain² sutĕra dan kain batek chap. Ada almari untok mĕmpomirkan barang² perak. Rambang mata mĕlihat chorak kain² songket dan kain² sutĕra yang bĕroneka warna itu, sa-hingga kĕtika saya hĕndak mĕmbĕli kain sutĕra untok sampeng, saya bĕrtanya kapada pĕnjual-nya ia-itu sa-orang pĕmuda Mĕlayu, chorak yang mana elok untok saya.

Bagitu juga anak² saya yang mĕmbawa pĕsonan daripada kawan²-nya untok mĕmbĕli kain songket,

ia' dapat mēmoleh chorak dan warna yang mana elok kērana sēmua-nya nampok elok. Yang mēnjaga dan mēnjuai kain² itu ia-lah kēluarga tuan punya pērusahaan itu sēndiri. Laki² pērēmpuan anak² pēngusaha itu bēkērja. Saya bērtanya kapada sa-orang pēnjuai kain itu, "Kain² batek yang chantek ini ada-kah yang bukan di-chap ia-itu yang di-lukis sēndiri saperti pērusahaan batek di-Tanah Jawa di-chanteng ia-itu di-lukis sēndiri?"

Jawab-nya "Kami ta' ada mēmbuat kain chanteng, kērana kērja-nya lambat sēbab itu mējadi mahal, susah untok di-juai dan orang yang mahir untok mēchanteng itu ta' ada di-sini."

Saya tēringat masa mēlawat Indonesia pada Tahun 1954 di-Jogjakarta tēmpat orang mēchanteng kain batek, memang kērja-nya rumit dan mēmakan masa, sēbab itu kain batek chanteng ada yang bērharga sampai sa-ratus dua ratus ringgit sa-hēlai.

Kain batek chap di-Kēlantan itu boleh dapat yang bērharga dari dua ringgit sa-murah²-nya. Kain² yang murah ini banyak laku dan dapat di-juai dēngan luas hingga ka-mērata pēlosok Malaysia. Rupa kain batek chap Kēlantan ini ta' koloh dēngan kain² batek dari Indonesia kalau di-pandang sa-kali imbas.

Kain songket kēluaran Kēlantan itu memang chantek² dan mēnarek sērta harga-nya bērpatutan, lēbeh murah kalau kita bēli di-nēgēri itu sēndiri dari kita bēli yang ada tērjuai di-bandar² di-Malaysia. Umpamanya harga sa-pasang kain songket, ia-itu baju dan kain

harga-nya kita boleh beli dengan tiga puluh ringgit lebih sahaja, kain-nya chantek dan baik. Sa-helai kain ta' sampai dua puluh ringgit, kalau kita perhitungkan modal, dan tenaga untuk menyiapkan sa-helai kain, saya ta' tahu bagaimana agak-nya pendapatan sa-orang tukang tenun itu pada sa-hari, kerana sa-helai kain itu mesti di-siapkan dalam masa sa-minggu. Di-negeri yang tahu menilai harga seni pertukongan tangan dari seni sendiri bukan di-buat oleh tenaga mesen, biasa-nya barang itu berlipat ganda harga-nya dan ahli seni itu mendapat bayaran yang menggalakkan untuk bantuan hidup.

Menjadi tanda-tanya saya pula, "Ta' ada-kah rancangan pihak pengusaha kain songket, kain sutera, kain mastuli yang telah berketurunan itu mengubah dengan tenaga mesen sa-lain daripada tenaga tenun sa-chara asli yang hanya menggunakan tenaga manusia sahaja, supaya dapat meluaskan pengusahaan yang lebih moden. Dengan chara ada-nya pengusahaan sa-chara moden, ahli seni tukang tenun yang menggunakan tenaga sendiri itu akan mendapat kedudukan istimewa dan orang ramai akan dapat menghargakan tenaga asli dengan membayar sa-timpal dengan kebolehan ahli tukang tenun yang pandai itu.

Sa-telah saya puas melihat perusahaan itu saya turun ka-bawah kerana saya tertarek hati hendak singgah di-sabuah kedai Melayu yang tidak jauh ada di-situ. Ada beberapa orang muda sedang duduk berchakap di-hadapan kedai itu, saya dapati sa-orang muda berupo peramah. Lalu saya menyapa bertanya apa khabar dan ada-kah ia penduduk di-situ.

Dengan ramah ia menjawab, "Saya tinggal di-sini dari sēmēnjak dato' nenek saya."

Oleh sēbab gaya-nya yang ramah mēsra itu, saya dapat-lah bēr-bual² bērtanyakan apa kērja-nya dan apa nama-nya kampung itu.

Jawab-nya, "Ia sēkarang bēkērja sēndiri kadang² ka-laut mēngikut orang tua-nya. Pada masa sa-bēlum ada jēmbatan yang baharu di-siapkan mēnyēbērang Sungai Kēlantan itu, ia dan orang tua-nya mēnjalkan kērja mēngambil tambang mēnyēbērang orang dēngan pērahu, tētapi sēmēnjak jēmbatan ini siap, kērja-nya itu ta' jalan lagi." Kēmudian ia mēnyambong chakap-nya dēngan tēnang, "Oleh sēbab kēbanyakan kērja orang² yang tinggal di-sini dahulu mēngambil tambang dan di-kawasan ini juga dahulu tēmpat orang mēnunggu untok mēnyēbērang sungai Kēlantan, itu-lah sēbab-nya kampung ini bērnama Kampung Pē-nambang."

Manakala saya mēndēngar nama Kampung Pē-nambang itu, tērus saya tēringat chērita Pēlayaran Abdullah ada mēnyēbutkan nama tēmpat mula ia singgah di-tēpi Kuala Sungai Kēlantan itu bērnama Pangkalan Tambang. Harus itu-lah kawasan-nya tēmpat Abdullah Munshi singgah.

Kampung orang di-situ rumah-nya rapat², ia-itu mēnunjukkan kawasan lama, rumah Mēlayu di-situ ia-lah rumah limas. Oleh sēbab di-tēmpat saya bērchokop² itu pēnghuni-nya sudah biasa mēlihat kēda-

tangan orang luar untuk membeli kain songket, sebab itu mereka tidak hiraukan pelawat² yang datang ka-situ. Tidak-lah seperti chērita Abdullah Munshi pada mula ia tiba di-Pangkalan Tambang itu kata-nya, **"Maka ada-lah saya lihat ka-darat pēnoh-lah orang di-tēpi pantai bērsesak bē-ribu² banyak-nya, sērta dēngan sēnjata...."**

Dalam masa saya mēngēlamun tērkenangkan kisah yang di-chēritakan oleh Abdullah Munshi itu, saya lihat anak² saya sēma-nya tēlah turun dari rumah pērusahaan kain songket itu mēndapatkan saya, mēreka mēngērumuni saya mēngatakan hēndak minum. Ada sa-bēntar istēri saya turun mēngēpit bungkusan kain yang di-bēli-nya bērsama dēngan pandu yang mēm-bawa saya ka-situ.

Kata pandu itu kapada istēri saya, "Elok kita lihat di-tēmpat yang lain pula ada ēmpat lima tēmpat lagi, mungkin dapat harga murah."

Saya bērtanya kapada istēri saya, "Hēndak mēm-borong kain songket di-Kēlantan ini?"

Jawab-nya, "Maseh ada pēsanan orang, yang bēlum dapat di-bēlikan, duit-nya ta' chukup."

Saya mēngikut sahaja ka-tēmpat lain. Memang ada bēbērapa buah tēmpat pērusahaan kain songket yang di-lalui, akhir-nya singgah di-tēmpat pērusahaan kain songket yang dudok-nya di-tēpi jalan-roya. Mēngikut chērita orang di-situ, baharu sa-bēntar Sultan Tērēngganu singgah mēlawat mēlihat pērusahaan song-

ket di-rumah itu. Saya masak sa-bēntar ka-tēmpat itu, chara-nya sa-rupa ia-itu ada orang sēdang bērtēnun duduk-nya di-kawasan rumah itu dan tēmpat mēnjual kain songket itu di-atas rumah itu. Saya turun sa-mula, tinggal istēri dan anak² saya di-situ mē-mileh² kain dan bēr-tanya² harga, saya dēngar sama juga harga-nya.

Bērhadapan dēngan tēmpat itu ada sa-buah lagi pērusahaan kain songket tētapi tidak bēsar. Saya chu-ba bēr-jalan² di-situ sēbab saya lihat ta' jauh dari situ ada sa-buah kēdai bēsar di-usahakan oleh orang Mē-layu, ia-itu kēdai mēnjual kēpērluan hari². Pēnjaga kēdai itu sa-orang yang bērumor kiro² ēmpat puluh ta-hun lēbeh, mēmakai songkok haji. Saya mēmberī sa-lam di-sambut-nya dēngan hormat dan bērtanya saya hēndak bēli apa. Saya katakan hanya hēndak mē-lihat² sēbab saya datang dari Singapura. Ia gēmbira bēr-bual² dēngan saya.

Saya lihat kēdai-nya ada mēnjual bēr-bagai² gula², chokēiat, biskut, rokok, kasut gētah dan lain² pērkakas pērgunaan sa-hari², di-samping mēnjual barang² kēpērluan dapur dan barang² makan. Elok susunan barang² dalam kēdai itu dan dalam kēdai itu chukup bērseh. Tuan Haji pēnjaga kēdai itu mēngatakan kapada saya, dalam bulan ini ramai orang² dari pantai barat bērkunjong ka-Kota Baharu, kērana hampir pada tiap² hari ada sahaja pēlawot yang datang ka-tēmpat pērusahaan mēmbuat kain songket yang bērhampiran dēngan kēdai-nya itu.

Saya bĕrtanya kapada-nya sĕmĕnjak nĕgara kita tĕlah mĕrdeka bagaimana pĕrubahan nasib orang² kampung. Ia tĕrdiam lama untuk mĕnjawab-nya, tĕtapi kĕmudian ia bĕrkata, "Memang ada pĕrubahan, ia-itu bangsa kita yang mĕmĕrentah, mudah^{an} saya bĕrharap akan dapat mĕngĕchap^{ne} mat hidup yang lĕbeh baik dari zaman pĕnjajahan dahulu."

Dalam hati saya bĕrkata, "Tuan Haji ini orang politik nampak-nya." Oleh itu saya tĕrus bĕrtanya, "Siapa yang mĕnjadi wakil ra'ayat di-kawasan Tuan Haji ini?"

Jawab-nya, "Orang China."

Tanya saya dĕngan chĕpat. "Bagaimana boleh jadi orang China?"

Dĕngan tĕrsĕnyum Tuan Haji itu mĕnjawab, "Wakil ra'ayat itu walau pun orang China, tĕtapi dia tĕlah bĕnar² ta' kalah dĕngan orang Mĕlayu. Baik tĕntang budi bahasa, sangat faseh dĕngan bahasa Mĕlayu, bĕrhati sapĕrti orang kita, tĕlah bĕbĕropa kĕturunannya mĕndiami nĕgĕri ini. Dĕngan kĕadaan dan kĕbolehan-nya ini-lah kami mĕmandang wakil ra'ayat itu sĕsuai dĕngan pĕndapat kami, sĕbab itu-lah kami pilih dia. Pendek-nya dia bukan-lah China nĕgĕri China, tĕtapi dia ada-lah ra'ayat nĕgĕri ini kĕturunan China."

Sampok saya, "Kalau begitu patut-lah dia tĕrpileh."

Satu kēlēbahan orang² lain bangsa yang bukan Mēlayu yang mēndiami di-kawasan nēgēri² pantai timor ini kēbanyakan-nya sangat faseh bērbahasa Mēlayu dan mēngikut pelat daerah nēgēri itu. Kita boleh kēnal kalau orang yang bukan Mēlayu itu orang baharu tiba atau baharu tinggal di-situ.

Ada kira² sa-tēngah jam, saya lihat anak² dan istēri saya kēluar dari rumah pērusahaan mēmbuat kain songket itu. Istēri saya mēmbēri tahu saya yang pandu kami itu hēndak minta boleak ka-Bachok, jadi bolehlah kita tēruskan mēlawat ka-tēmpat³ lain dan mēlihat² bandar Kota Baharu dēngan tidak payah bērpandu. Saya bērsētuju, kērana mēnantu saya mēngatakan ia ada kawan di-pējabat surat khabar di-bandar Kota Baharu yang sanggup mēmandu ka-tēmpat² lain.

Sa-tēlah saya mēnguchapkan tērima-kaseh kapada pandu kami itu lalu kami pun bērtolak mēnuju ka-arrah masing². Saya mēnuju ka-bandar Kota Baharu, sēbab anak saya tēlah bisīng hēndak minum. Sēmēntēlahon pula kētika itu hari panas dan waktu hampir pukul dua bēlas tēngah-hari.

* * * *

Walau pun bandar Kota Baharu itu tidak bēsar, tētapi dēngan sa-kali lalu kētika saya masok ka-bandar itu di-pandu oleh Enche' Nawi, moseh kēliru masa saya masok ka-bandar itu kali kēdua. Saya mēnchari kēdai makan, akhir-nya bērjumpa sa-buah kēdai makan

Mēlayu mēnumpang di-sabuah kēdai kopi China yang bēsar dan bērseh.

Saya bawa anak² ka-kēdai itu, jalan-roya di-situ ramai dēngan manusia dan kēndēraan. Di-hadapan kēdai itu ada bangunan bēbērapa tingkat sēdang di-bina. Anak² saya dan istēri saya mēngotakan elok makan tērus di-kēdai itu. Saya tētuju, lalu mēminta kapada pēnjual nasi itu mēnyēdiakan makanan untuk kami sēmua sērta minuman juga.

Mēnantu saya pērgi ka-pējabat surat khabar Straits Times bērjumpa sahabat-nya di-sana yang tēlah lama ta' bērjumpa. Ada kira² sa-puluh minit, makanan tēlah tērhidang, saya dan anak² tēlah dudok mēnghadap makanan hanya mēnantu saya sahaja yang bēlum balek dari bērjumpa kawan²-nya, tiba² kēlihatan mēnantu saya balek dēngan tēr-mēngah², muka-nya bērubah muram, lalu bērkata kapada saya, "Ada-kah ayah tēlah dēngar bērita baharu?"

Dēngan chēpat saya bērtanya hēndak tahu, "Bērita apa?"

Mēnantu saya mēnjawab dēngan suara gopah, "Singapura tēlah pēchah dēngan Malaysia hari ini."

China kēdai kopi yang mēnjaga di-tēmpat mēnērima duit pēmbayaran minuman di-kēdai itu tērpōranjat dan dēngan bahasa Inggēris tērus ia bērtanya, "Singapore separated from Malaysia?"

Mēnantu saya mēnjawab pendek, "Yes, to-day."

Saya lihat China itu tērmēnong, ěntah kērana apa, kēlihatan ia rēsah kēmudian kawan¹-nya yang mēndēngar bērita itu bērtanya kapada-nya, dēngan bahasa China bechak mēreka bērchakap¹ mēmpērkatakan bērita pendek yang bēsar itu.

Mēnantu saya datang dudok di-meja makan bērsama, kēadaan-nya rēsah juga. Saya mēnērima bērita itu mentang sunggoh² tērkējut, kērana pada masa saya mēninggalkan Singapura pada lima haribulan hingga pagi tadi ta¹ sadikit pun tērbayang boleh tērjadi bagitu. Pēnah tanda-tanya dalam kēpala saya, mēngapa, mēngapa, pērkara pēpisahahan ini yang saya ta¹ pēnah mēndēngar mēnjadi pēbinchangan langsung, tiba² mēlētup bagitu pada tēnggah-hari ini.

Sa-tēlah tērmēnong bēbērapa minit, bukan sahaja saya, tētapi anak² saya yang tēlah mēngērti juga sama kēlihatan sapērti ta¹ pērchaya bērita itu, sibok bērtanya. Anak saya yang mēnjadi guru bērtanya kapada mēnantu saya, "Dari mana bērita ini timbul?"

Istēri saya yang tērdiam mēndēngar bērita itu lalu mēnyampok sama, "Baik¹ bērsatu, mēngapa bērpēchah pula?"

"Ta¹ patut bērpēchah, baharu bēnar bērsatu." kata anak pērēmpuan saya yang baharu pindah ka-Kuantan.

Orang¹ dalam kēdai yang mēndēngar bērita pendek dari mēnantu saya itu sēmua-nya sa-bagai ta¹ puas

hati dan dengan cepat mereka menumpu ka-peti radio hendak mendengar warta berita tengah-hari.

Sa-telah fikiran saya tenang mendengar berita pendek itu, baharu saya bertanya kepada menantu saya di-mana ia dengar berita itu dan bagaimana sa-benar-nya.

Menantu saya menjawab dengan suara ta' tetap, "Di-pejabat Straits Times ramai kawan yang sedang membincangkan berita yang di-terima-nya dari Kuala Lumpur. Pukul sa-puluh pagi tadi persidangan Dewan Ra'ayat telah bersidang, tiba-tiba keluar berita yang di-hantar oleh pembereita dari Dewan Ra'ayat kepada pejabat surat khabar mereka mengatakan satu keputusan persidangan meluluskan Singapura keluar dari Perskutuan Malaysia dan merdeka serta berdaulat."

Kemudian dengan cepat saya teringat kepada empat orang anak saya yang ta' ikut melawat ka-Kelantan itu, mereka tinggal di-Singapura. Saya bertanya kepada menantu saya kalau ada berita perkembangan yang ta' di-sukai berlaku di-Singapura.

Menantu saya menjawab, "Ta' ada pula berita lain, ta' tahu-lah kalau sekarang ada berita baharu. Mengapa ayah takut kalau berlaku kachau di-antara China Melayu seperti yang telah berlaku beberapa kali di-Singapura?"

Saya ta' menjawab cepat, fikiran saya melayang jauh, ber-bagai ingatan menggoda fikiran saya, hati saya tidak tentram. Kemudian saya menjawab dengan

gālisah, "Entah-lah, tētapi saya harap ta' ada bērlaku apa', kērana ta' ada sēbab yang mēsti bērlaku."

Untuk mēntēnangkan pikiran saya, mēnantu saya bārkata, "Lēpas makan nanti ayah elok bērhubung tērus dēngan talipon ka-Singapura, elok ayah ka-pējabat surat khobar supaya dapat bērita jēlas."

Saya sētuju, anak' saya yang bēsar tēlah siap makan, sa-olah' mēreka ta' lalu makan. Tētapi anak' saya yang kēchil' yang bēlum mēngērti pērgolakan dunia, mēreka sibak mēngunggis dan mēngunyah ayam goreng, sadikit pun mēreka ta' pēduli bērita yang heboh sēdang di-binchangkan oleh tiap' orang di-kēdai makan itu. Maka sēmēntara itu siaran warta bērita dari Singapura kēdēngaran, ia-itu warta bērita dalam bahasa Kēbangsaan. Saya mēndēngar dēngan jēlas dalam warta bērita itu mēnyatakan Singapura tēlah mērdēka, bērchērai dari Malaysia. Pērdana Mēntēri Singapura Saudara Lee Kuan Yew tēlah mēngishtiharkan kē-mērdēkaan Singapura mēnjadi nēgara mērdēka dan bērdaulat pada pagi tadi bērsama dēngan kētika pērsidangan Dewan Ra'ayat yang di-jalankan di-Kuala Lumpur.

Bērita khusus dari radio itu bēnar' mēngganggu pikiran saya dan anak istēri saya. Kesah lawatan saya ka-Kota Baharu itu tēlah tidak sēronok lagi, ingatan saya dan anak istēri saya bērubah hēndak lēkas balek ka-Singapura. Saya sēndiri mērasa kējadian bēsor pēpēchahan Singapura dēngan Malaysia itu tēntu-lah mēmbēri akibah yang tidak mēnyēnangkan kepada pēnduduk kēdua buah nēgēri itu. Kato anak saya yang

pernah melihat kejadian di-Singapura pada masa² yang lalu, "Elok kita lēkas balek, ēntah apa² pula bērlaku, kita ta' dapat lēpas balek pula."

Dēngan tēnang saya mēnjawab chakap anak saya itu, "Mocham mana pun kita ta' dapat sampai ka-Singapura hari ini, elok kita habiskan hari ini mēlihat bandar dan sa-kitar bandar Kota Baharu ini, elok kita mēlihat Tumpat ia-itu pēlabohan pantai timor bagi Tanah Mēloyu yang tērutara sa-kali. Nanti ayah ka-pējabat surat khabar sa-bēntar mēndēngar kalau ada apa² pērkembangan baharu bērlaku, kalau ta' ada apa² kita bērmalam di-Bachak, pagi² esok kita bērlēpas balek ka-Kuantan dan kalau tērpaksa di-sēbabkan sesuatu hal kita tērus bērtolak ka-Singapura."

Anak² dan istēri saya sētuju dēngan chadangan saya itu. Mēnantu saya mēnchēlah, "Harus ta' ada apa² hal."

Saya ta' mēnjawab, hanya hati saya bērkata, "Mudah²an di-jouhkan Allah kējadian² yang burok bērlaku di-atas nēgēri saya."

Sēmēntara saya ka-pējabat surat khabar, anak dan istēri saya bēr-jalan² dalam bandar Kota Baharu mēlihat kēdai² sērta kata-nya hēndak mēlihat kalau ada kēdai mēnjual kain songket dan mēnjual barang perak. Saya dēngan mēnantu saya pērgi ka-pējabat surat khabar Straits Times yang dudok-nya di-tēngat bandar itu di-sabuah bangunan bēsar.

Di-dalam bilek tempat pejabat wakil² surat khabar itu ada beberapa orang, termasuk sa-orang wakil surat khabar harian Warta Negara yang terbit di-Pulau Pinang. Wakil surat khabar Warta Negara itu kenal saya, terus menyambut saya berkata, "Lai pun orang Singapura, bagaimana fikiran Che'gu berkēnaan pērpisahan Singapura dari Malaysia?"

Saya sambut pertanyaan itu dengan tērsenyum pahit. Sēmēntara itu orang⁷ yang ada dudok dalam bilek itu mēngēluarkan pēndapat-nya bēr-bagai², saya mēndēngar dēngan ta' bērnafsu hēndak mējawab-nya, tētapi kēmudian saya berkata, "Rupa-nya kēsān la-watan saya ka-Kota Baharu ini pada kali pērtama, mēngakibahkan saya kēhilangan kēra'ayatan sa-bagai sa-orang ra'ayat Malaysia pada hari ini."

Sēmua-nya tērtawa, kēmudian saya dapat bērtanya² kalau² ada pērkēmbangan baharu yang di-tērima dari Kuala Lumpur atau Singapura. Sēmua-nya mēngatakan mēreka maseh gēlap dēngan kējadian itu. Tētapi kēsimpulan pēndapat mēreka, ta' patut bērlaku pērpisahan dēngan sa-kēlip mata, kērana pērkara ini pērkara bēsar. Kalau bērtahun atau bērbulan di-usahakan untuk bērchantum dahulu masa mēndirikan Malaysia, tēntu-lah ta' patut hanya dalam bēbēropa minit sahaja dapat di-putuskan pērchantuman yang tēlah di-ikat sa-lama dua tahun itu.

Wartawan Straits Times yang ada di-situ ia-lah sa-orang muda Mēlayu dari Kuala Lumpur, sahabat ka-pada mēnantu saya nama-nya Enche' Ramli. Ia chēpat mēngēshorkan supaya dapat saya bērhubong terus ko-

rumah saya atau ka-pējabat Pustaka Mēlayu di-Singapura. Saya memang ingin hēndak mēndēngar bērita kējadian itu dari Singapura kētika itu juga, saya sētuju dēngan shar-nya itu. Dēngan jasa baik-nya saya dapat bērhubong ka-pējabat Pustaka Mēlayu di-Singapura, dapat bērchakap dēngan Tuan Haji Abdullah Ally yang mēnjadi sa-orang daripada pēngusaha sharikat itu. Haji Abdullah tērkējut mēnērima panggilan talipon dari Kota Baharu tērutama dari saya, kērana pada sangka-nya saya sēkarang tēlah bērlēpas balek ka-Singapura.

Haji Abdullah mēnērangkan dēngan ringkas mēngatakan ta' ada apa? pērkaranya yang bērlaku, di-Singapura tēnang. Ia tēlah bērhubong dēngan anak² saya yang tinggal di-Singapura mēngatakan sēmua-nya ada dalam sēlamat ta' ada apa yang mēngkhuatirkan. Tētapi Haji Abdullah dēngan suara mēndēsak bērtanya, "Bila che'gu hēndak bērlēpas balek ka-Singapura?"

Saya bērtanya balek, "Apa fikir, mustahak saya balek chēpat?"

Jawab-nya, "Elok sangat."

Kata saya dēngan ringkas, "Insha-Allah saya akan bērlēpas esok."

Dēngan pērchakapan pendek hanya bēbērapa minit itu chukup pada saya, fikiran saya tēnang dan kēmudian bērkata kapada mēnantu saya, "Esok saya hēndak bērlēpas balek ka-Singapura kalau sēmpat."

Kawan² yang ada di-bilek itu sĕmua-nya mĕmbĕnarkan pĕndapat saya elok chĕpat balek. Sa-tĕlah mĕmbĕri tĕrima-kaseh kapada Enche¹ Ramli dan mĕmbĕri sĕlamat tinggal kapada kawan² yang ada di-situ, saya turun dari pĕjabat itu mĕndapatkan anak istĕri saya di-kĕdai tĕmpat saya mĕnumpangkan motokar.

Enche¹ Ramli tĕlah bĕrmurah hati mĕngikut kami untok mĕmandu kami mĕlawat bandar Kota Baharu dan mĕmbawa ka-Tumpang, ka-Pantai Chinta Bĕrahi dan ka-tĕmpat² yang patut di-lawati. Dĕngan motokar-nya di-hodapan saya mĕngikut dari bĕlakang. Saya chuba mĕlupakan kĕjadian pada hari itu, walau pun kadang kali tĕr-ingat¹ dan hĕndak chĕpat balek ka-Singapura.

Kami di-bawa bĕr-pusing² mĕlihat kawasan bandar itu, sayang kami hanya mĕlihat bangunan² dan rumah² kĕdai sĕrta jalan² itu ada yang bĕsar ada yang sĕmpit, saya ta¹ tahu nama jalan² itu dan tĕmpat² itu sĕbab yang mĕnjadi pandu kami itu di-motokar lain di-hodapan, sĕbab itu hanya kami mĕlihat sahaja dĕngan ta¹ ada apa² pĕnĕrangan. Bandar Kota Baharu itu ramai, yang ganjil pĕmandangan lawatan saya ka-kawasan Kota Baharu itu ia-lah kita akan dapat mĕlihat orang Mĕlayu sahaja di-sana - sini, tĕtapi kĕdai² atau pĕrusahaan pĕrniagaan di-kĕdai² bĕsar itu sama juga sapĕrti bandar² bĕsar di-Tanah Mĕloyu yang

lain ia-itu orang² China dan India yang mēmēgang pē-
ranan utama mēngusahakan-nya.

Ada satu kēlēbahan tēntang kēndēraan bas untuk
ka-Kota Baharu, ada di-usahakan oleh sa-buah shari-
kat Mēlayu yang bēsar bērnama Sharikat Kēndēraan
Nets Bērhad, sharikat kēndēraan ini tēlah lama tēr-
tuboh dan mēnjadi banggaan kapoda nēgēri Kēlantan
sa-buah sharikat yang di-kēlolakan oleh Bumiputēra
sēndiri dēngan maju. Pērniogaan kēndēraan ini sēka-
rang memong mēnjadi satu pērniogaan yang utama
dan pēnting di-Tanah Mēlayu. Banyak sharikat kēn-
dēraan ini di-sēluruh pēlosok Tanah Mēlayu yang sa-
ngat maju dan bēsar², tētapi hampir sēmua-nya di-
usahakan oleh orang bukan Mēlayu. Pērniogaan kēn-
dēraan ini tērutama pērniogaan kērdēraan bas, satu
pērusahaan yang sudah tēntu tidak mēmpunyai pēlang-
gan yang bērhutang, sēbab tiap² orang bila naik bas,
mēsti mēmbayar tikit kētika itu juga. Hanya yang pēn-
ting, urusan pērniogaan-nya mēsti bēnar² di-kawal dē-
ngan baik tērutama kalau jalan² bas itu di-kawasan
yang rami pēnduduk-nya, hēndak-lah mēmbēri layan-
an yang mēmuaskan dan sēlamat.

Sa-tēloh habis jalan² di-bandar Kota Baharu itu
di-jēlajahi, lalu saya di-bawa mēnuju ka-Tumpat, ia-
itu satu²-nya pēlabohan nēgēri Kēlantan yang tērbēsar.
Duduk-nya kira² dua bēlas batu dari bandar Kota
Baharu. Kata Enche' Ramli kētika ia bērhēnti mēnga-
takan kita sēkarang hēndak mēnuju ka-Tumpat,
"Kita akan dapat mēnyēbērang Sungai Kēlantan mē-
lalui jēmbatan yang baharu di-buka mēmakan bēlanja
dua juta ringgit yang di-dirikan oleh Kērojaan PAS.

Jembatan ini di-bëri nama Yahya Putëra, di-katakan jembatan yang panjang sa-kali di-tanah-ayer kita sëkarang kalau tidak di-sëluruh Tënggara Asia. Untuk menyëbërang jembatan itu tiap² këndëraan di-kënakakan bayaran lima puluh sen. Orang dan basikal tidak di-kënakakan bayaran. Kapada kërajaan PAS ini-lah satu²-nya jasa pëmbangunan-nya yang sangat di-banggakan kërana dëngan ada-nya jembatan ini, kësulitan ro'ayat yang hëndak mënyëbërang sungai Këlanton tëläh tërhapus."

Sa-bëlum masok hëndak ka-Jëmbatan Yahya Putëra itu, kita mëlalui satu bulatan bësar. Di-tëngah² kawasan bulatan itu ada di-buatkan binaan lima ekor patang tëmbaga gambar binatang kijang di-ator di-sama tëngah bulatan itu mënjadi përhiasan yang mënarek. Dari mulut kijang yang mëndongak itu këluar ayer panchut. Memang sungguh indah përhiasan yang mënjadi lambang mëngandongi ërti itu. Mëngikut chërita² dongeng sëjarah Këlanton, binatang kijang itu tërmasok satu dari alat lambang Kërajaan Këlanton. Di-sini saya pëtek chërita kijang itu dari buku Sëjarah Këlanton yang di-susun oleh As'ad Shukri Haji Muda:

"Tatkala usia Wan Këmbang hampir baligh, baginda Sultan Husain pun mangkat dan Che' Wan Këmbang (Che' Siti) di-tabal mënjadi Raja Përëmpuan Këlanton Yang Për-tama pada Tahun 1610 Maschi bërsamaan 1018 Hijrah, bërsëmoyam di-Gunong Chinta Wangsa Ulu Këlanton.

“Manakala baginda mēnjadi raja banyak-lah dagang santēri dari luar masuk bēri niaga mēmbawa dagangan bēri jual-bēli sehingga mashhor-lah nama Che' Wan Kēmbang dan banyak-lah mēncrima pērsēm-bahan². Satu daripada-nya ia-lah anak kijang yang amat di-sukai-nya. Siang dan malam ashek bērmāin dēngan-nya, hingga kijang itu di-mulioi dan di-jodikan ingotan sampai sēkarang mēnjadi lambang kēbēsaran Kēlantān.”

Sa-tēlah mēngēlilingi bulatan kijang itu, lolu saya tērus mēnuju ka-jēmbatan Yahya Putēra dan sa-bēlum dapat jalan tērus di-atas jēmbatan indah dan panjang itu kita mēsti mēmbēli tiket untok mēlalui jēmbatan itu. Ada pandok kēchil pēnjual tiket di-pērmukaan jalan masuk ka-jēmbatan itu. Sa-tēlah mēmbayar harga tiket lalu saya mēnēruskan pējalanan mēnyēbērang jēmbatan panjang itu. Pēmandangan dari atas jēmbatan itu kita dapat mēlihat kiri kanan tēbing Sungai Kēlantān dēngan jēlas, sērta nampak kampung dan dusun di-kiri kanan tēbing itu. Jēmbatan itu di-buat tinggi, sēbab itu kalau oyer sungai itu bah, tidak-lah achap ka-jēmbatan itu.

Sa-tēlah sēlēsai mēnyēbērang jēmbatan itu, jalan mēnuju ka-Tumpat itu jalan-nya baik, hanya sunyi kērana mēlalui ladang gētah dan kadang² baharu kita mēlihat kampung kēchil dan dusun buah'an. Ada satu simpang ēmpat, sa-bēlum bērbelok ka-kanan mēnuju ka-Tumpat, ada polis dan tēntēra bērkowal, tiap² kēn-

déran mēsti bērhēnti mēlalui pēmēreksaan, saya ta' tahu apa yang hēndak di-pēreksa-nya. Tētapi kēmudian baharu saya faham di-tērangkan oleh Énche' Ramli, jalan tērus atau belok ka-kiri itu ia-lah jalan mēnuju ka-sēmpadan Siam atau ka-sēmpadan nēgēri Patani.

Hēndak sampai ka-Tumpang itu ada saya mēlihat sawah padi dan dusun, sērta ada juga saya tēlihat tēmpat sēmbahyang Budha, ia-itu bangunan Chandi Budha. Masa itu tēringat saya nēgēri Kēlantan itu pada masa sa-bēlum Tahun Masehi 1909 tērta'alok ka-Siam, begitu juga masa kēdatangan tēntēra Jēpun mēndarat di-Tanah Mēlayu pada Tahun 1941 nēgēri Kēlantan di-masokkan oleh tēntēra Jēpun ka-bawah pēmērentahan Kērajaan Siam atau Thai. Tētapi sa-tēlah Jēpun kalah pada Tahun 1945, nēgēri Kēlantan kēmbali sa-mula di-bawah naungan Inggēris dan bila Tanah Mēlayu Mērdēka pada Tahun 1957, nēgēri Kēlantan mērdēka sama.

Sa-bēlum sampai ka-Tumpang, kita bērtēmu satu simpang tiga, kalau kita belok ka-kanan kita akan ka-Palekbang ia-itu ka-sētesen kēreta-api Tanah Mēlayu, kalau kita hēndak ka-Singapura boleh-lah naik kēreta-api dari Palekbang itu atau tērkēnal dēngan nama Sētesen Tumpang. Untuk ka-Tumpang dari simpang tiga tadi itu mēsti belok kiri. Ta' lama kēmudian dari simpang tiga itu saya pun sampai ka-pēkan Tumpang yang tērdiri dari sa-baris rumah² kēdai lama dan nampak Kuala Sungai Kēlantan.

Anak² saya sĕmua-nya tĕlah bising hĕndak minum sĕbab kĕtika itu sangat panas. Kami sĕmua-nya tĕrus ka-Rest House Tumpat yang dudok-nya bĕrsabĕlahan dĕngan pĕjabat kastam dan imigĕresen mĕnghodop ka-Kuala Sungai Kĕlantan yang luas itu di-lindungi oleh sa-buah pulau. Kami sĕmua bĕrhĕnti di-rumah kĕrehatan itu ia-itu sa-buah bangunan lama bĕntok rumah banglo. Pĕnjoga rest house itu China tua suami istĕri, dia mĕnyĕdiakan minuman yang di-minta oleh anak² dan istĕri saya. Oleh sĕbab dalam rumah itu tĕrasa sĕjok saya tĕrsandar di-kĕrusi yang ada di-siapkan di-ruangan dewan rest house yang tidak bĕsar itu. Anak² saya yang kĕchil sa-tĕlah minum, mĕreka bĕrlari turun pĕrgi ka-tĕpi sungai di-hadapan banglo itu. Di-situ saya lihat ada satu kumpulan polis bĕrkawal.

Saya tĕrlayang sa-bĕntar di-kĕrusi sĕbab mĕrasa sĕdap di-tiup oleh angin laut. Bila saya tĕrsĕdar saya lihat sĕmua anak² saya bĕr-siar² di-tĕpi tĕbing sungai dan yang ada bĕrjalan di-pĕngkalan mĕnganjor ka-sungai. Mĕreka sĕmua-nya sangat sĕronok di-pĕngkalan Tumpat itu. Saya bĕrdiri di-tĕpi tĕbing itu mĕne'-mati alam Kuala Sungai Kĕlantan itu. Saya lihat di-arah ka-kiri kuola sungai itu mĕnuju ka-Laut China, sayang tanah pulau panjang mĕlindungi kanan kuola sungai yang kĕlihatan tidak dalam.

Masa itu saya tĕringat pada dua puluh tahun lĕbeh dahulu tĕntĕra Jĕpun kĕtika mĕnchĕrobok mĕndarati Tanah Mĕlayu ia-loh di-Tumpat itu, ia-itu Jĕpur mĕnamakan pĕrang itu Pĕrang Asia Timor Raya. Jĕpur

masuk champar dalam Pěrang Dunia Kědua (T.M. 1939 — 1945) yang baharu lalu itu měnyěbėləh pihak Jěrman dan Italy. Dari Tumpat dan Kota Baharu itu těntěra Jěpun běrtapak měngalahkan Inggěris yang měngawal Tanah Mělayu masa itu. Tumpat di-darati oleh Jěpun pada 8 haribulan Disember 1941, Singapura jatuh ka-tangan Jěpun pada 15 Februari 1942. Sa-lama tiga tahun lěbeh Jěpun měnguasai Alam Mělayu, akhirnya kalah oleh pihak Běrikat pada 10 Ogos 1945, ia-itu sa-tělah dua biji bom atom di-gugorkan di-bumi Jěpun dalam masa ta' sampai sa-minggu dalam bulan Ogos itu.

Sa-kira' sa-jam saya měne'mati kawasan Tumpat yang měngandongi sějarah Pěrang Dunia Kědua itu, anak' saya sěmua-nya sapěrti ta' ingat hěndak měninggalkan těmpat itu, lalu saya měmanggil anak' saya supaya běrlėpas sa-mula měněruskan lawatan, ia-itu ka-Pantai Chinta Běrahi dan ingin mělihat lapangan těrbang-nya juga.

Masa pěrjalanan balek ka-Kota Baharu itu anak pěrěmpuan saya yang měnjadi guru itu měngatakan sa-bělum pulang ka-Bachok ia ingin mělihat pasar Kělantan yang těrmarshor těmpat pěrəeh' dan pėdagang' Mělayu běrniaga. Enche' Ramli měmbawa kami ka-lapangan těrbang di-Pěngkalan Chěpa, ia-itu sa-tělah mėlalui bandar Kota Baharu nampak-nya lapangan těrbang ini dudok-nya tidak jauh dari těpi pantai laut, ta' ada apa yang měnarek pěrhatian saya di-lapangan těrbang itu, sěbab itu kami ta' singgah di-situ lalu těrur měnuju ka-Pantai Chinta Běrahi. Dari Pěngkalan

Chēpa itu masok sa-mula ka-bandar Kota Baharu mē-lalui jalan² Kēbun Sultan, Jalan Mērbau, Jalan Atas Banggol, Jalan Wakaf Mek Zainab dan sa-lēpas mē-nyēbērang satu jēmbatan, tērus sampai ka-Jalan Pan-tai Chinta Bērahi yang dudok-nya di-tēpi pantai.

Tēmpat pēranginan Pantai Chinta Bērahi yang pērnah saya dēngar tērmashhor sangat itu, nampak-nya indah khabar dari rupa. Pantai-nya tidak sa-indah di-Bachok atau di-Patai Tēlok Chēmpēdak di-Pahang. Ada rumah tēmpat mēnjual minuman yang sudah ti-dok bērbēla dēngan baik, ada pēnjual minuman di-situ yang bērupa pērniagaan yang tēlah malap, mungkin tēmpat itu tēlah tidak mēnarek logi, sēbab pantai-nya tēlah tidak bagitu landai, ada tēmpat yang tēlah chu-ram di-makan ombak. Ada bangku tēmpat dudok² dan ada tēmpat mandi. Nampak-nya pantai itu bēkos kē-bun kēlapa.

Anak² saya gēmbira bēr-main² di-kawasan itu sē-bab angin laut kēnchang. Hari sangat panas, ada sa-rombangan pērēmpuan orang puteh datang mandi² di-tēmpat yang tidak dalam. Ta' lama saya di-situ, hari pun tēlah bēransor pētang, lalu kami bērtolak sa-mula mēnuju ka-bandar ia-itu ke-pasar.

MƏNDƏNGAR PƏNDAPAT ORANG RAMAI

Saya tiba di-pasar Kəlantan yang dudak-nya di-rəngah² bandar Kota Baharu itu. Sa-buah bangunan baħaru untok mənggantikan pasar lama itu sėdang di-siapkan. Saya pərchaya kalau siap pasar yang dua tingkat itu nəgəri Kəlantan məmpunyai sa-buah pasar yang moden chantek məngatasi pasar³ di-sėluroh pantai timor.

Pasar lama itu tərdiri dari gėrai² kayu dan bėratap rumbia. Gėrai² itu rėndah bėnar dan tidak tərator dėngan baik. Dalam pasar itu ada mənjual bėr-bagai² jėnis sayur²an, buah²an, ikan kėring dan ikan basah, sėrta mənjual kėropok, ěmping, barang² kėpėrluan dapur dan bėr-bagai² lagi. Yang istimewa pənjual²-nya hampir sėmua tərdiri dari kaum pėrėmpuan Mėlayu. Kėtika itu

saya tēringat chērita Abdullah Munshi masa tiba di-Kēlantān mēngatakan orang pērēmpuan bērniaga di-pasar. Tēradisi ini walau pun tēlah sa-ratus tahun lē-beh dari zaman Abdullah Munshi maseh bērjalan dēngan baik hingga hari ini. Itu mēnunjukkan orang¹ Mēlayu di-Kēlantān laki² pērēmpuan bērusaha dēngan bēr-sungguh² untok mēnchari pēnghidupan tidak kalah dēngan bangsa² yang bukan Mēlayu, sērta mēnunjukkan yang orang Mēlayu bukan ta¹ pandai bērniaga atau pērēmpuan¹-nya hanya nganggor sahaja di-rumah sapērti yang kita dāpati di-nēgēri² lain tērutoma di-bandar² di-barat Tanah Mēlayu.

Istēri dan anak² saya mēmbēli kēropok ikan dan kēropok udang yang tēlah di-bungkus² dēngan pēm-bungkus pēlastik dēngan baik, tiap² sa-bungkus di-katakan sa-ribu kēping banyak-nya bērharga hanya tiga ringgit sa-tēngah dan kēropok udang mahal sa-dikit.

Kētika saya bēr-jalan¹ di-pasar itu saya lihat tēm-pat² yang ada radio ramai orang bērkumpul mēndēngar bērita tēntang kējadian Singapura mērdeka, kērano kēbētulan kētika itu radio mēnyiarkan warta bērita. Ada gērai² itu yang ta¹ di-pēdulikan oleh mēreka dan orang yang datang hēndak mēmbēli tidak di-layan sē-bab ashek mēndēngar bērita yang sangat mēngējutkan mēreka. Sa-lēpas mēreka mēndēngar bērita itu, kē-lihatan mēreka bērbahath dan bēr-tukar² pēndapat. Tētapi kēsēmua-nya bērtanya mēngapo tērjadi bagitu. Ta¹ ada-kah jalan lain untok mēngelakkan dari bēr-chē:ai.

Saya sēnghaja bērdiri dēkat dēngan tēmpat mēreka bēr-tukar² fikiran itu. Mēreka ta' tahu saya datang dari Singapura, kalau mēreka tahu saya orang Singapura, harus mēreka akan bērtanya saya apa pēndapat saya pula. Nampak-nya bērita Singapura tēr-putus dari Malaysia itu bēnar² mēmēranjatkan mēreka dan mēreka tēr-tanya² mēngapa. Ada satu pērtanyaan saya dēngar dari sa-orang tua yang dudok ta' bērboju dan di-kēpala-nya mēmokai sēmutar warna pinang masak, "Mēngapa tiba² sahaja boleh putus, apa sēbab bēsar mēntēri kēdua buah nēgēri itu boleh bērsētuju mēnērima kēputusan itu dēngan chēpat?"

Jawab sa-orang yang bērdiri ta' jauh dari tēmpat saya bērdiri itu, "Entah-lah!"

Kētika itu saya lihat orang tua itu mēmandang ka-arrah saya, hati saya bērdēbar, lalu dēngan chēpat saya mēninggalkan tēmpat itu, saya takut orang tua itu tēntu bērtanya kopada saya pula.

Sibok orang² dalam pasar itu mēmbinchangkan hal kējadian hari itu, tētapi yang saya lihat muka tiap² orang yang bērbinchang itu mēmbayangkan ta' puas hati tērjadi hal pēnchēraian Singapura dari Malaysia. Pada pēndapat saya mungkin kērona mēreka ta' mērasa puas mēngētahui dēngan jēlas yang patut bērlaku pēnchēraian dēngan tiba² sahaja.

Bagitu juga orang² yang bērdiri di-tēpi jalan di-tēpi pasar itu sama juga sibok mēmperkatakan kējadian yang mēngējutkan itu. Sa-tēlah anak²

saya mēmbēli kēropok dan bēbērapa biji nanas kē-chil', mēreka sēmuanya balek ka-motokar dan saya pun mēngajak mēreka bērtolak balek ka-Bachok, hari tēlah hampir pukul ēnam pētang. Kētika saya hēndak bērlēpas balek, mēnantu saya mēngatakan ia malam ini mēnumpang di-rumah sahabat sa-jawatan-nya ia-itu Enche' Ramli di-bandar Kota Baharu, esok pagi akan mēnunggu saya di-pēkan Pēringat untok bērsama balek ka-Kuantan. Saya bērpēsan kapada-nya supaya dapat bērhubong dēngan anak saya di-Singapura mē-lalui talipon malam nanti dan bērtanyakan kalau ada apo² hal.

Pērjalanan balek ka-Bachok hari tēdoh sēbab mēnjēlang maghrib, saya lihat jalan² yang saya lalui itu ramai dēngan kanak² balek dari sēkolah dan orang² kampong sibok laki² pērēmpuan, mungkin mēreka balek dari kērja atau lēpas mēnjalankan tugas. Satu pē-mandangan yang mēnarek hati, saya lihat orang² laki² ia-itu orang kampong banyak yang mēmakai kain batek dan ta' lēpas dēngan kain sēmutar-nya. Begitu juga pērēmpuan-nya ta' lēpas dēngan kain kēlubong atau kēlumbong yang di-jadikan sēmutar oleh laki². Warna kain yang panjang-nya dua ela itu di-jadikan sēmutar atau sēputar atau kēlubong itu kēbanyakan-nya warna merah, ungu, pinang masak dan ada juga warna hijau. Ini satu pakaian istimewa kapada orang² di-Kēlantan dan Tērēngganu.

Saya sampai di-Bachok kētika waktu moghrib, masjid yang ta' jauh dari rumah Enche' Nawi itu saya nampak orang banyak pērgi sēmbahyang laki² pērēm-

puan, ta' ramai. Sayang di-masjid itu ta' ada lampu elektrik, sēbab itu kēlihatan masjid itu ta' bērchahaya.

Sa-tēlah makan, sa-bēlah malam saya ta' ka-mana², tambahan pula kēlihatan di-sakitar kawasan itu gēlap, hanya bunyi angin dan ombak laut sahaja yang kēdēngaran. Anak pērēmpuan saya ingin mēlihat wayang gambar yang ada di-pēkan kēchil itu, ia pērgi bērsama dēngan adek Enche' Nawi, masa balek ia bērsungut kata-nya, dalam panggong kēchil itu pēnoh sēsak dēngan sēmua pēringkat manusia ia-itu dari kanak² kēchil yang bēlum mēngērti apa² hingga-lah kapada orang² tua tērpaksa bērkipas kērana kēpanasan hawa manusia, di-tambah dēngan tangis anak² kēchil yang hēndak tidar dan hēndak mēnyusu. Saya tērtawa mēndēngar rungutan itu, kēmudian bērkata. "Engkau ta' puas² mēlihat wayang, pada hal di-Singapura tiop² malam mēlihat talivishen dan sēlalu mēlihat wayang gambar di-panggong² bēsar yang bērhawa dīngin, tē-tapi sampai di-sini juga bila mēndēngar ada panggong wayang engkau hēndak juga pērgi mēnonton."

Jawab-nya dēngan ringkas, "Saya hēndak mēlihat suasana dan mēnchori pēngalaman."

Pada malam itu saya di-rumah hanya mēndēngar warta bērita. Dari warta bērita itu-lah yang mēnjadikan hati saya tēnang pērchaya tidak ada tērjadi apa² yang tidak di-ingini di-Singapura, sēbab itu saya bērkata kapada istēri saya, "Kita boleh-lah bērmalam sa-malam di-Kuantan, kita balek ka-Singapura esok atau luas. Dalam pada itu kita lihat pēr-kēmbangan-nya."

Siaran khas dari Rodio Malaysia di-Kuala Lumpur, menyiarkan peristiwa dan ucapan Perdana Menteri Malaysia Tēngku Abdul Rahman Putera Al-Haj, siaran khas kepada ra'ayat menyatakan mengapa Singapura bērpēchah dari Pērsēkutuan Malaysia dan saya mēndēngar sēndiri pērishtiharan kēmērdakaan Singapura yang di-ishtiharkan oleh Tēngku Abdul Rahman dēngan suara sēdeh, saya juga yang mēndēngar tērikut mērasa sēdeh, mengapa saya sēdehkan juga saya ta' tahu, mungkin tērpēngarah mēndēngar suara sēdeh dari Perdana Mēntēri Malaysia itu.

Sa-lēpas mēndēngar warta bērita dan siaran khas dari Perdana Mēntēri Malaysia itu, saya bērchakap² dēngan Enche' Nowi, mēmpērinchi bērita yang mēngējut itu. Kata Enche' Nowi,, "Bērchērai-loh kita sachara undang², Pa' Chik ra'ayat Singapura yang mērdēka dan bērdaulat, saya mēnjadi ra'ayat Malaysia."

Saya hanya mēnjawab, "Undang² boleh mēnchēraikan kita, tētapi pērsaudaraan sa-darah, sa-kēturunan, sa-kēbudayaan, sa-tanah-ayer ta' dapat di-chēraikan. Singapura mēnjadi kēluarga Alam Mēlayu ta' dapat di-katakan tidak dari sēgi ilmu alam, ilmu bumi dan sējarah. Bumi Singapura ta' dapat di-pindahkan atau di-nyahkan dari kawasan Alam Mēlayu. Nama-nya boleh bērtukar², pērnah bērnama Tēmasek atau Tumasek di-zaman Kērajaan Mēlayu dahulu, pērnah di-tukar nama-nya kepada Syonan To yang ērti-nya Pulau Cahaya Sēlatan pada masa pēndudukan Jēpun dahulu. Bagitu juga, pēmērentahan-nya boleh bērtukar² dari bērkērajaan Mēlayu,

bĕrpindah kapada Kĕrajaan Palembang, kĕmudian kapada Kĕrajaan Majapahit, lĕpas itu kapada Kĕrajaan Mĕlaka dan Lingga. Akhir-nya mĕrdeka bĕraja dipĕrentah oleh Sultan Husain Shah, kĕmudian mĕnjadi Tanah Jajahan Inggris, lĕpas itu masuk mĕnjadi sabagian Malaysia, akhir-nya mĕrdeka sĕndiri sapĕrti hari ini."

Encĕh' Nawi dan orang' yang mĕndĕngar chakap saya itu tĕrmĕnong mĕndĕngar jawapan saya itu, diantara-nya kĕmudian mĕnyampok, "Singapura nĕgĕri tua yang banyak mĕngandongi sĕjarah."

Dĕngan tĕrsĕnyum saya mĕnjawab lagi, "Tĕtapi tĕrus akan mĕmbuat sĕjarah yang tĕrkĕnal kasĕluruh dunia."

Sa-bĕlum saya mĕninggalkan nĕgĕri Kĕlantan pada pagi' hari Thalatha 10 Ogos Tahun 1965 bĕrsamaan dĕngan Hijrah 13 Rabiul Akhir 1385, saya tĕringat kĕtiboaan Abdullah Munshi pada bulan Muharrom Hijrah 1253 ia-itu sa-ratus tiga puluh dua tahun dahulu. Abdullah mĕnchĕritakan ia pĕnah tidor dilaut Kuala Sungai Kĕlantan ia-itu di-Sobak. Saya sĕndiri sa-lama dua malam tidor di-bumi Kĕlantan juga tĕlah bĕrmalam di-Bachok ia-itu tidak jauh dari tĕmpat kawasan laut tĕmpat Abdullah Munshi bĕrmalam, ia tidor di-atas sĕkochi-nya yang bĕrnama

Maggie Lauder yang bĕrlaboh di-Sabak, saya tidor di-rumah kĕrajoan di-pantai Bachok itu. Apa yang di-lihat oleh Abdullah pada sa-ratus tahun lĕbeh itu bĕrlainan dĕngan apa yang saya lihat nĕgĕri Kĕlantan sĕkarang. Hanya yang sa-rupa ia-lah nama Kĕlantan tĕtap Kĕlantan, pĕmĕrintahan-nya tĕtap raja yang kĕturunan-nya pĕrnah di-jumpai oleh Abdullah Munshi dahulu. Pada masa Abdullah tiba di-Kĕlantan, masa itu sĕdang tĕjadi pĕrang saudara mĕrĕbut kĕkuasaan di-antara Bĕndahara dan pĕngikut²-nya tidak mĕngakui kĕkuasaan Yang Di-Pĕrtuan Kĕlantan atau Sultan Muhammad Pĕrtama. Masa saya tiba di-nĕgĕri Kĕlantan di-pĕrintah oleh Sultan Yahya Putra ibni Almarhum Sultan Ibrahim, nĕgĕri dalam aman damai sĕrta dalam pĕmbangunan yang mĕnuju kĕmajuan hebat di-bawah pĕntadbiran Mĕntĕri Bĕsar-nya Dato' Asri bin Haji Muda dari Parti Islam Sa-Malaya.

Masa Abdullah tiba di-nĕgĕri Kĕlantan ini, kĕadaan bandar Kota Baharu tĕmpat sĕmayam sultan maseh bĕrupa kampung raja, tĕtapi masa saya tiba bandar Kota Baharu itu tĕlah bĕnar² mĕrupakan sa-buah bandar yang bĕsar di-pantai timor Tanah Mĕlayu, banyak rumah bĕsar², jalan-roya-nya panjang bĕrbatu² dĕngan bagus bĕrsambang dĕngan jalan-roya boleh pĕrgi ka-sĕluruh Tanah Mĕ'ayu dĕngan kĕndĕran motokar, sĕrta ada jalan kĕreta-api dari Tumpat ka-Singapura.

Masa Abdullah tiba di-nĕgĕri Kĕlantan ini, nĕgĕri ini di-bawah ta'alok nĕgĕri Siam, tĕtapi masa saya tiba nĕgĕri ini ia tĕlah mĕnjadi sa-buah nĕgĕri Mĕrdeka di-dalam Pĕrsĕkutuan Malaysia. Pendek-nya sĕgala

kēburokan yang di-lihat Abdullah mēngikut chēritanya dalam buku Pēlayaran Abdullah tiada lagi kēsannya masa kētibaan saya. Hanya nama² tēmpat yang disebut oleh Abdullah itu sēkarang maseh ada saperti Kota Baharu, Sabak, Pēngkalan Tambang atau sēkarang Kampong Pēnambang.

Nēgēri Kēlantan itu luas-nya 5,713 batu pērsēgi, sēmpadan-nya di-utara ia-lah nēgēri Potani dalam pērentah Thai, di-barat-nya nēgēri Perak di-sēlatan-nya nēgēri Pahang dan di-timor-nya Laut China. Sabahagian bēsar nēgēri ini di-sēlatan-nya maseh hutan tēbal, ini mēnjadi harapan kēkayaan nēgēri ini kalau di-buka nanti. Gunong Tahan yang tērķēnal sa-buah gunong yang tinggi sa-kali dalam Tanah Mēlayu, dudok-nya di-nēgēri ini bērsēmpadan dēngan nēgēri Pahang, tinggi-nya 7,186 kaki. Ramai pēnduduk nēgēri Kēlantan ia-lah 604,630 orang mēngikut banchi pada Tahun 1963. Di-antara kēramaian itu di-dapati pēnduduk Mēlayu sa-ramai 553,799 orang. Sēbab itu masa saya bērjalan di-nēgēri Kēlantan ini saya mēlihat di-sana sini ia-lah orang Mēlayu sahoja.

Kira² suku jam lagi hēndak pukul dēlapan pagi saya dan anak istēri bērlēpas dari Bachok sa-tēlah mēnguchapkan tērima-kaseh sa-tinggi²-nya kapada Enche² Nawi dan istēri-nya yang tēlah mēmbēri layanan yang mēmuaskan sa-lama saya mēnumpang bērmalam di-rumah-nya itu. Kētika saya hēndak mēninggalkan Bachok itu Enche² Nawi bērtanya saya bila agak-nya akan sampai lagi di-bumi Kēlantan. Dēngan tērtawa saya mējawab, "Insha-Allah bila di-izinkan Allah dan

kětika itu saya tiba bukan sa-bagai ra'ayat Malaysia lagi, tětapi ada-lah sa-bagai ra'ayat nēgēri asing ia-itu ra'ayat Singapura."

Chēlah Enche' Nawi, "Sēkarang juga Pa' Chik bukan ra'ayat Malaysia tětapi masa Pa' Chik tiba kēlmarin bēnar ra'ayat Malaysia."

Kami sēmua tērtawa dēngan bērsēloroh yang mē-mang bēnar² tēlah bēriaku itu. Saya tiba di-jalan bēsar mēnuju ka-Tērēngganu di-pēkan Pēringat kira² pukul dēlapan suku, saya dopati mēnantu saya tēlah mēnunggu di-situ bērsama dēngan kawan²-nya ia-itu Enche' Ramli dan Enche' Kadir Ahmad.

Mēnantu saya bērkata, "Sēmalam ia tēlah bērhubong dēngan talipon kepada anak² saya di-Singapura. Anak² saya di-Singapura ada dalam aman sēlamat, tiada apa² kējadian yang mēmbimbangkan, kēadaan Singapura ada-lah sapērti biasa." Mēndēngar bērita itu saya dan istēri saya mērasa lēga dan saya bērkata, "Kalau bagitu boleh-lah kita bērhēnti di-Kuantan sa-hari dua lagi."

Siti Habibah istēri Lokman gēmbira mēndēngar chakap saya itu, kērana kalau saya bērlēpas tērus ka-Singapura tidak singgah di-Kuantan, ia akan mērasa lēngang, sēbab baharu bēnar ia bērjumpa dēngan ēmak dan odek bērodek-nya sēmēnjak ia bērpindah di-Kuantan pada tiga bulan lēpas.

Enche' Kadir Ahmad saya kenal lama, ia sekarang menjadi pembërita harian Utusan Mëlayu di-Kota Baharu. Saya kenal Enche' Kadir masa ia bëkërja di-surat khabar Mëloyu Raya yang tërbit di-Singapura pada Tahun 1950 — 1953, masa itu saya menjadi Pëngurus-Pëngarang surat khabar itu, ia menjadi sa-orang wartawan-nya. Enche' Kadir dëngan suara ta' puas hati bërkata, "Che'gu mëlawat Kota Baharu ta' mahu singgah ka-rumah saya, agak-nya Che'gu ta' sudi."

Jawab saya dëngan suara dukachita, "Memang niat tiba di-Kota Baharu ini ingin bërjumpa kawan² tërmasuk awak sëndiri, tëtapi tiba² tëläh bër laku përistiwa yang ta' di-sangka², istëri saya dan anak² saya sëmua-nya ingin lëkas balek, sëbab itu apakan daya, saya tër paksa mëninggalikan tëm pat ini bënar² mërasa bëlum puas, nanti-lah kalau ada umur panjang saya ingin mëlawat bandar Kota Baharu sa-kali lagi."

Ia memang mëngërti dan bërkata, "Lain kali bila datang ka-sini sudi-lah ka-rumah saya."

Sa-tëläh bër-chakap² sa-bëntar dëngan Enche' Ramli dan mënguchapkan tërima-kaseh di-atas budi baik-nya sëmalam mëmandu kami bër-jalan² di-Kota Baharu, saya pun bërlepas mënuru balek ka-Kuantan.

Sampai di-Kuala Tërëngganu pada kira² hampir pukul sa-bëlas, istëri dan anak² saya ingin singgah di-Kuala Tërëngganu kërana hëndak mëm bëliti tanda kënëng'an ia-itu përtukangan tangan orang² Tërëngganu yang tër meshhor ia-itu barang² perak dan tëm boga,

barang¹ pērhiasan. Sa-bēlum mēmbēli opa², kami singgah minum sēbab hari panas tērek. Istēri dan anak² saya di-bawa oleh mēnantu saya ka-kēdai mēnjual barang² perak dan ka-kēdai mēnjual kain batek chap dan mēnjual kain songket. Di-Tērēngganu juga ada orang bērtēnun kain songket, tētopi tidak-lah sa-mashhar songket di-Kēlantan.

Saya dudok di-kēdai kopi mēlihat suasana, tērutama saya mēndēngar chērita² pērbualan kējadian pērasingan Singapura dari Malaysia. Saya dapat mēmbēli sa-naskhah Utusan Mēlayu di-kēdai mēnjual surat² khabar, sambil saya mēmbacha bērita² kējadian sēmalam, saya dēngar pērbinchangan orang² di-kēdai kopi. Masing² mēngēluarkan pēndapat-nya, mēreka ta¹ pēdulikan siapa pun ada dudok di-sakēliling mēreka. Pērbinchangan mēreka sapērti¹ satu dewan ra¹-ayat kēchil di-sabuah meja bulat, sambil chawan² kopi tērhidang di-hadapan mēreka. Kodang² saya dēngar chawan¹ kopi itu sapērti bērlaga sama sēndiri, rupa-nya ada yang mēng-hēntok² meja mēndirikan kēbēnaran-nya. Kēsimpulan pērbinchangan mēreka kērana ta¹ puas hati mēndēngar bērita yang mēngējut itu dan sa-olah² mēngambil kēputusan, "Mēngapa jodi bagitu!"

Sēdang mēreka bērbinchang itu, tiba² datang sa-orang tua Mēlayu tēr-bongkok² dēngan tongkat-nya. Mula-nya saya fikir dia datang hēndak masak sa-kaki dalam pērbinchangan itu, rupa-nya ia datang hēndak minta rokok sa-batang kapada orang yang biasa di-minta-nya. Malang-nya, kētika orang tua yang bēnar²

tělah tua mungkin umur-nya tělah dělan puloh tahun lěbeh itu hěndak měnyambut sa-batang rokok děngan tangan-nya těr-kětar², tiba² tongkat-nya těrjatoh dan tangan-nya těrlepas ka-meja lalu těrtepis sa-buah gėlas yang maseh bėrisi pėnah děngan ayer kopi ice, gėlas itu jatoh ka-bawah hanchor bėrdėrai. Sěmua yang oda di-situ těrperanjat sapėrti měndėngar lėtupan bom. Saya juga sama těrkejut měndėngar gėlas itu pėchah.

Orang tua yang těr-kětar² itu di-marahi oleh India yang punya kėdai itu. Tėtapi děngan chėpat orang Mělayu yang punya kopi itu bėrkata, "Sudah, jangan di-marahkan orang tua ini, kasehan dia ta' kuat."

Orang tua itu mula-nya měmungut kocha² gėlas itu, tėtapi orang India itu kěmudian bėrkata, "Sudahlah, pėrgi-loh orang tua dari sini. Memang sėlalu ka-chau' orang minum di-sini."

Saya ikut bėrsėdeh mėlihat kėjadian itu. Orang tua itu pėrgi ta' sėmpat mėngambil rokok yang di-pinta-nya.

* * * *

Saya bėrdiri di-tėpi kaki lima mėlihat kėsibokan jalan-roya di-situ, hujung jalan arah ka-sėbėlah kiri ia-lah oda jam bėsar měnjadi tugu di-tėngah satu bulatan kėchil, arah ka-kanon měnuju ka-tėpi laut atau

ka-Kuala Sungai Tērēngganu. Jalan itu sama dēngan jalan di-bandar Mēlaka di-kawasan lama. Jalan tēm-pat saya bērdiri itu ia-lah jalan lama dalam bandar Kuala Tērēngganu, satu daripada kawasan kēdai yang sibok.

Sūdang saya mēmērhatakan kēadaan bandar itu, tiba² sa-orang datang mēndapatkan saya dan mēmāndang ka-muka saya lama di-rēnong-nya, kēmudian bērtanya, "Ini Che'gu Harun Aminurrashid?"

Dēngan tēr-kējut saya mēnjawab, "Ya, awak siapa?"

Jawab-nya chēpat, "Che'gu ta' kēnal lagi? Saya Muhammed bin Ali murid Che'gu masa bēlajar di-Kolej Tanjong Malim dahulu."

Saya mēnjabat tangan-nya dan bēr-bual². Ia mēngatakan sēkerang mēnjadi guru-bēsar sēkolah kēbangsaan di-satu tēmpat lima batu dari bandar. Ia māngajak saya singgah dan makan tēngah-hari di-rumah-nya.

Bila saya kata saya hēndak lēkas bērlēpos balek ka-Singapura, ia mēningkah, "Sakali² datang ka-Tērēngganu ini hēndak lēkas balek pulo, mēngapa?"

Dēngan chēpat saya mēnjawab, "Saya hēndak mēlihat tanah-ayer saya yang tēlah mērdeka sē-malam."

Ia tertawa dan kami pun tanya bertanya kesah³ lama, ia mēnchēritakan nasib-nya ta' baik, bintang-nya ta' tērang, kawan²-nya banyak yang tēlah bērpangkat tinggi, ada yang mēnjadi orang Yang Bērhormat, tētapi ia tinggal dēngan kērja-nya hanya mēnjadi guru biasa dan tētap tinggal dēngan pangkat che'gu. Kēmudian dēngan mēngējut ia bērkata kapada saya, "Che'gu bērnasib baik boleh di-panggil Tuan Haji."

Dēngan tertawa bēsar saya mēmandang ka-mukanya, kēmudian saya mējawab, "Pada saya panggilan CHE'GU itu lēbih sēsuai kapada tēlinga saya. Bukan sēmua orang boleh dapat gēlaran che'gu. Panggilan che'gu itu ada-lah saya pandang satu kēhormatan dan bēsar ma'ana-nya."

Ia ta' bērkata apa¹, sambil mēmandang jauh ka-arah jam bēsar, saya bērtanya, "Bērapa orang anak awak sēkarang?"

Jawab-nya dēngan sēgan², "Dēlapan orang sēbab itu saya mērasa susah. Che'gu ada bērapa orang anak?"

Dēngan gēmbira saya mējawab, "Empat bēlas yang ada sēkarang."

"Sudah ada chuchu?" tanya-nya dēngan chēpat.

"Saya tēlah di-panggil dato' sēkarang." jawab saya.

la tertawa dan berkata, "Che'gu bėrnasib baik."

"Awak juga bėrnasib baik, sudah ada dėlapan orang kėturunan yang akan mėnggantikan awak." kata saya.

Tiba² ia bėrtanya, "Che'gu ta' ingin mėnjadi orang bėsar, pada hal murid² Che'gu banyak yang bėrpangkat tinggi dan ada bėbėrapa orang pula yang tėlah bėrpangkat mėntėri."

Saya hanya tertawa. Kėtika itu istėri dan anak¹ saya tėlah sėlėσαι mėmbėli bėlah datang mėndapatkan saya lalu saya pėrkėnalkan kapada che'gu itu. Ia gėmbira mėlihat anak² saya, "Che'gu Harun ini guru saya." kata-nya.

Masa itu mėnantu saya sapėrti ta' pėrchaya dėngan pėngakuan guru itu, tėtapi kėmudian masa dalam pėrjalanan balek ka-Kuantan saya tėrangkan memang che'gu itu pėrnah bėlajar di-Tanjong Malim di-masa saya mėnjadi guru di-situ.

Kata mėnantu saya, "Tėtapi che'gu itu kėlihatan jauh lėbeh tua daripada ayah."

Dėngan panduan che'gu itu saya dapat mėlihat pėjabat pėnėrangan nėgėri Tėrėngganu tėtapi sayang waktu kėtika itu tėlah pukul satu lėbeh, saya ta' dapat bėrtėmu dėngan pėgowai-nya, hanya saya dapat bėrjumpa dėngan pėnjaga pėjabat itu sa-orang pėmuda Mėlayu yang sangat ramah dan baik budi bahasa-nya.

Saya di-bëri buku² këmajuan Tërëngganu dan risalah² lain bërkënanan këchërgasan pëmbangunan nëgëri itu bahagian luar bandar-nya.

Sëdang saya bër-chakap² di-halaman pëjabat itu, che'gu itu mënunjokkan sa-buah motokar mëlintasi jalan di-hodapan pëjabat itu dan bërkata, "Yang ba-haru lalu dëngan motokar itu sa-orang Dato' bagi në-gëri ini harus che'gu kënal ia-itu dahulu-nya bëliou ha-nya bërnama Enche' Aziz."

Jawab saya, "Memang saya chukup kënal, sa-orang sahabat karib saya masa di-Tanjong Malim da-hulu. Bagus-lah sëkarang tëläh bërgëlar Dato'."

Kata che'gu itu, "Kalau che'gu ada masa elok kita mëlawat ka-rumah-nya."

"Sëkarang juga saya hëndak bërlëpas balek, saya ingin sampai di-Kuantan sa-bëlum pëtang bënar." ja-wab saya. Këmudian saya mënguchapkan tërima-kaseh di-atas ingatan dan budi baik-nya mëlayan saya dalam waktu singkat itu. Ia mërasa sëdeh mëlënyapkan saya bërtolak balek ka-Kuantan.

Dalam pëjalanan balek itu saya hanya singgah sa-bëntar di-Dungun, itu pun bahagian bandar-nya sa-bëlah luar, tidak masok ka-kawasan tëpi pantai-nya, sëbab anak¹ saya hëndak minum. Hari sangat panas. Saya singgah di-këdai makan yang di-usahakan oleh orang India Islam. Këdai makan itu bërseh dan pëla-yan-nya përëmpuan² muda Mëlayu. Sa-tëläh minum,

kami bĕrlĕpas ka-Kuantan, tĕtopi manakala sampoi di-Kĕmaman Mortel, anak² saya sĕmua-nya hĕndak singgah di-mortel itu, mĕreka ingin mĕlihat rumah tumpangan indah yang dudok-nya di-tĕpi laut itu yang di-sĕlĕnggarakan oleh pĕmuda² Mĕlayu.

Di-Mortel ini ada bĕbĕropa orang puteh laki² pĕrĕmpuan mĕnumpang di-situ. Nampak-nya mĕreka ialah pĕlanchong² dari Barat. Memang sĕdap tinggal di-situ dalam tiga ĕmpat hari untok bĕrehat. Pĕrsiapan mortel itu sama dĕngan hotel² atau rest house yang dudok-nya di-tĕpi laut. Ada tĕmpat mandi, tĕmpat bĕrsiar², tĕmpat dudok bĕrehat mĕnghadap ka-laut. Anak² saya yang kĕchi² bĕrlari ka-taman kanak²-nya yang ada di-sĕdiakan pĕrmainan mĕnggĕlangsor, papan ĕnjut², buaian. Saya dudok bĕrehat di-bĕranda-nya, kĕbĕtulan waktu itu tĕlah sampoi kĕtika minum teh, kami anak bĕranak minum teh di-situ dĕngan gĕmbira.

Kawasan lĕngang lapang dan jauh dari kampung orang itu, memang baik untok mĕnchari ilham. Sakali² kĕdĕngaran suara burung di-hutan di-bĕlakang kawasan mortel itu di-bawa oleh angin, di-sĕlang oleh suara bunyi ombak sa-tiap masa tidak bĕr-hĕnti² itu. Dalam kĕtika saya tĕrmĕnong sa-tĕlah mĕlihat di-sakĕliling kawasan dan bangunan mortel bĕntak Barat itu, salah² kĕtika itu saya bĕroda di-pantai² laut di-Eropah yang pĕrnah saya lawati. Mĕnjadi tanda-tanya kopoda hati saya, "Mĕngapa tidak di-buat bangunan bĕrunsar kĕtimoran. Pĕlawat² yang datang ka-situ dari luar nĕgĕri tĕrutama dari Barat tidak akan dapat mĕne'mati apa² yang ganjil, sa-lain dari pokok kĕlapa dan pĕlayan²

Melayu yang ada di-situ, kerana dengan pemandangan seperti itu banyak di-kawasan Sepanyol, Portugal dan di-selatan Amerika Sharikat."

Saya teringat ketika melawat pantai Beirut di-Lebanun, ada kawasan tempat mandi dan tempat berehat-nya bangunan yang merupakan seperti Brazil dengan segala persiapan dan kebudayaan-nya, ada yang merupakan seperti di-Afrika dan ada yang merupakan seperti di-Alam Melayu. Alang-kah baik-nya kalau bentuk bangunan tempat peranginan di-pantai tanah-ayer kita ini di-bina mengikut unsur kebudayaan di-negeri kita. Umpama-nya bangunan rumah Melayu berbumbong bertingkat lentek macam rumah Minangkabau berserambi atau bentuk istana raja Melayu zaman dahulu. Rasa saya dengan rupa bangunan berpribadi kebudayaan asal di-tanah-ayer kita, tentu lebih menarik kepada pelancong dan mereka akan dapat menikmati keindahan timor terutama keindahan Tanah Melayu yang aman damai ini.

Sa-telah kira hampir satu jam kami berhenti di-mortel yang indah berbentuk Barat itu, saya berlepas ka-Kuantan dengan penuh kenangan yang pertama berkenaan negeri Terengganu dan Kelantan, negeri yang ada harapan masa depan-nya akan menghadapi zaman gemilang, kerana jalan-roya untuk ke-kawasan ini dari pantai barat telah mula di-usahakan yang akan menjadi jalan-roya yang tidak kalah dengan jalan-roya di-pantai barat Tanah Melayu. Saya percaya orang ramai yang hendak melepaskan penat atau melihat keindahan alam Tanah Melayu pada masa akan da-

tang, akan datang ka-pantai timor ini. Saya tiba di-
Kuanton pada kira² pukul enam pētang dēngan sē-
lamot.

PĒRMASHHORAN SINGAPURA

Pada malam sa-tiba balek dari pĕrjalanan ka-nĕgĕri Kĕlantān dan Tĕrĕngganu, saya ta' ka-mana² sĕbab mĕrasa lĕteh dan pĕnat. Lĕbeh² lagi saya ingin mĕmbacha bĕrita² dalam surat² khabar harian yang tĕlah di-bĕli pada siang tadi dan mĕndĕngar bĕrita dari Radio Malaysia dan Singapura bĕrkĕnaan pĕrkĕmbangan sa-lĕpas Singapura kĕluar dari Malaysia. Tiga buah surat khabar harian saya bacha dĕngan chĕrmat sa-itu Utusan Mĕlayu, Bĕrita Harian dan Straits Times. Saya tĕrtarek hati dan mĕnĕliti dĕngan chĕrmat pĕrmashhoran Singapura kĕluar dari Malaysia yang di-ishtiharkan oleh Tĕngku Abdul Rahman Putra, Pĕrdana Mĕntĕri Malaysia, dĕmikian bunyi-nya:

Dēngan nama Allah Yang Maha Pēmu-
rah dan Maha Mēngasehani. Sēgala Pujian
bagi Allah, Tuhan sēru-sakalion 'alam, dan
Sēlawat dan Salam kapada Nabi Muhammad
dan kapada sakalion zuriat-nya dan sa-
habat²-nya.

BAHAWASA-NYA Malaysia tēlah di-
tubuhkan pada 16hb. September, 1963, sa-
bagai suatu pērsēkutuan yang tērdiri dari-
pada nēgēri² dalam Pērsēkutuan Tanah Mē-
layu dan nēgēri² Sabah, Sarawak dan nēgara
Singapura mēnjadi satu bangsa yang mēr-
deka dan bērdaulat;

DAN BAHAWASA-NYA dēngan satu
Pērjanjian yang tēlah di-buat pada 7hb. Ogos
dalam tahun sēribu sēmbilan ratus ēnam pu-
loh lima di-antara Kērajaan Malaysia dari
satu pihak dan Kērajaan Singapura bagi satu
pihak lagi, maka tēlah di-pērsētujui bahawa
Singapura tidak lagi mērupakan sa-bagai sa-
buah nēgēri dalam Malaysia dan dēngan
yang dēmikian hēndak-lah mēnjadi sa-buah
nēgara dan bangsa yang mērdeka dan bēr-
daulat bērasingan dan mērdeka dari Malay-
sia;

DAN BAHAWASA-NYA tēlah juga di-
pērsētujui oleh pihak² dalam pērjanjian itu
bahawa, dēngan pērasingan Singapura dari
Malaysia, Kērajaan Malaysia hēndak-lah

mëluchutkan kēdaulatan dan kēkuasaan-nya mēngēnai Singapura supaya kēdaulatan dan kēkuasaan itu apabila tēlah di-luchutkan tērsērah kopada Kērajoan Singapura;

SEKARANG dēngan nama Allah Yang Maha Pēmurah dan Maha mēngaschani, saya **TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ IBNI ALMARHUM SULTAN ABDUL HAMID HALIM SHAH**, Pērdana Mēntēri Malaysia, dēngan pērsētujuan dan di-pērkēnankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sēri Paduka Baginda Yang di-Pērtuan Agong Malaysia, **DENGAN INI MENGISHTIHARKAN DAN MEMASH-HORKAN** bahawa, mulai dari 9 haribulan Ogos dalam tahun sēribu sēmbilan ratus ēnam puluh limo, Singapura tidak lagi mēnjadi sa-buah Nēgēri dalam Malaysia, dan hēndaklah sa-lama²-nya mēnjadi sa-buah nēgara dan bangsa yang mērdēka dan bērdaulat bērasingan dan mērdēka dari Malaysia dan bahawa Kērajoan Malaysia mēngakui Kērajoan Singapura yang mērdēka dan bērdaulat dan akan sēntiosa bēkērja dalam pērsahabatan dan bēkērjasoma dēngan-nya.

Tanda tangan

TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA,
Pērdana Mēntēri Malaysia.

Bērtarikh 9hb. Ogos, 1965.

Saya mēmbacha bērulang kali pērishtiharan ini, bukan kērana saya ta' pērchaya Singapura tēlah mērdēka, tētapi saya hēndak jap di-hati bunyi surat pērishtiharan Singapura tēlah mērdēka dari sēmalam, sēgala apa yang saya dēngar itu bēnar² tēlah dzahir, bēnar² tēlah tējadi tērutama sa-bahagian ayat pērishtiharan itu mēnēgaskan, **"hēndak-lah sa-lamo²-nya mēnjadi sa-buah nēgara dan bangsa yang mērdēka dan bērdaulat bērasingan dan mērdēka dari Malaysia...."**

Kētika saya bērulang kali mēmbacha pērishtiharan itu istēri saya bērtanya, "Bēnar-kah Singapura tēlah mērdēka?"

"Memang tēlah mērdēka, kita sēkarang mēnjadi bangsa Singapura yang mērdēka dan bērdaulat sama sapērti bangsa³ lain yang mērdēka sapērti bangsa Inggris, Amerika, Pēranchis, Rusia, Jēpun, Indonesia, Burma, Thailand dan lain² nēgēri yang mērdēka." jawab saya dēngan tēnang.

Saya tēruskan mēmbacha dēngan chērmat sēmua isi surat² khabar itu yang bērsangkutan dēngan pēristiwa Singapura bērasing dari Malaysia. Satu repot yang panjang tērsiar pada muka dua di-surat khabar Utusan Mēlayu yang bērtarikh 10 Ogos 1965 dēmikian kandungan-nya, saya rasa boleh jadi chērita pēninggalan sējarah apa yang tējadi di-zaman kita ini untuk anak chuchu kita akan datang mēngētahui-nya:

Përmashhoran Längkap Përdana Mëntëri

Pëngasingan Singapura dari Malaysia sa-boik⁷ langkah walau pun mënyëdehkan.

Apa yang hëndak saya umumkan ini sudah pasti akan mëmëranjatkan, dan memang-lah kapada saya dan kapada banyak ahli² yang bërhormat, ini-lah bërito yang paling sëdeh dan mënyakitkan yang mësti saya sampaikan.

Saya mënggangap satu përistiwa malang bagi saya kërana mërasa tërpaksa mëmbuat pëngumuman ini. Sa-lama sa-puluh tahun saya mënjadi këtua dalam dewan ini, bëlum përnah saya mëmëgang tugas yang bagitu tidak mënyënangkan untuk di-sëlënggarakan. Pëngumuman yang saya buat ini ia-lah bërkënoan dëngan pëngasingan Singapura dari Përsëkutuan Malaysia.

Sëbab¹-nya tërlalu banyak. Sëjak Malaysia di-bëntok, tërutama sa-kali tahun ini, tëlah tërdapat bagitu banyak përsëlisehan¹ dëngan Singapura dan sëgala përsëlisehan¹ tërsëbut mëmpunyai bërbagai rupa bëntok sa-hingga yang rëtak itu sudah bëlah.

Saya tidak dapat mënchari jalan këluar yang lain, mëlainkan tindakan yang tërpaksa saya ambil ini.

Saya tëlah banyak sungguh bërfikir, bërmënonng dan mërënonngkan këadaan sa-waktu saya bërbaring di-tëmpat tidor di-London dan juga sa-waktu saya bë-

rehat sa-belum balek ka-tanah-ayer saya telah bĕrhubong dan mĕnyampaikan fikiran itu kepada tĕman dan rakan saya, Tun Abdul Razak, yang telah mĕnchuba mĕndapatkan pĕrsafahaman dĕngan pĕmimpin² Singapura, tĕtapi gagal bĕlaka.

Nampak-nya bila satu soal di-sĕlĕsaikan, timbul pula masa'alah yang lain, dan bila satu tĕmpat koyak dapat di-tampal, telah koyak pula di-tĕmpat lain, dan bila satu lubang dapat di-kambus telah munchul pula lubang yang lain. Jadi kĕrana itu nampak-nya mustahil akan dapat mĕmbolehkan kita sĕmua bĕkĕrjasama dĕmi faedah dan kĕbaikan Malaysia pada ka-sĕluruhannya.

Kita telah mĕngusahakan sa-gala²-nya untuk mĕngelakkan pĕngasingan Singapura dari wilayah² Malaysia yang lain, dan akhir-nya kami dopati hanya dua sahaja lagi jalan yang tĕrbuka untuk di-tĕmpoh.

Pĕrtama ia-lah mĕngambil langkah² kĕras tĕrhadap kĕrajaan Singapura kĕrana tindak tandok sa-bahagian pĕmimpin¹ mĕreka, dan kĕdua mĕmutuskan sĕgala hubungan dĕngan kĕrajaan nĕgĕri Singapura yang telah pun mĕmbĕrhĕntikan pĕmbĕrian ta'at sĕtiannya, walau sa-kumin sa-kali pun, kepada Kĕrajaan Pusat, bukan-nya sahaja dalam nĕgĕri bahkan lĕbeh hebat lagi di-luar nĕgĕri telah di-pĕr-olok²kan banyak kali.

Jĕlas-lah sudah bahawa sa-suatu tindakan mĕsti di-ambil.

Ada-lah satu pērbuatan kēji bagi kita untok mēngambil langkah² kēras tērhadap kērajaan Singapura, kērena tindakan sapērti itu mēmualkan (mēmualkan² — P.) kapada konsep demokēraasi bērparliman kita.

Walau pun sa-kira-nya di-ambil langkah¹ kēras tērsēbut, itu bēlum-lah dapat mēnyēlēsaikan masa'alāh yang kita hadapi kērena sapērti yang saya katakan tadi masa'alāh-nya sangat banyak, bukan-nya hanya satu sahaja, dan satu masa'alāh yang sangat mēmbimbangkan kita ia-lah masa'alāh pērkauman. Ini-lah pērkarā yang paling mēmbimbangkan bagi saya, kērena kēamanan dan kēbahagiaan ra'ayat nēgēri ini bērgantung kapada bēr-baik² sangka dan pērsēfahaman dikalangan sēmua kaum. Tanpa bēr-baik² sangka dan pērsafahaman itu, nēgara ini akan pēchah, dēngan akibah¹ dalam bēntok mēlopētaka yang tēlah kita lihat dan bacha bērlaku di-nēgēri² lain.

Kami mērasa bahawa langkah² kēras tērhadap bēbēberapa orang sahaja tidak akan dapat mēnyēlēsaikan pērsoalan kērena bēneh rasa bimbang, takut dan bēnchi ini tēlah di-sēmaikan di-Singapura, walau pun kita chuba mēnghalang pērtumbuhan-nya, namun saya mērasa bahawa bēneh itu pasti akan tumbuh dalam bēbēberapa rasā bahawa bēneh itu pasti akan tumbuh dalam bēbēbēbahaya.

Bē-ribu² orang pēlajar¹ kita di-luar nēgēri tēlah di-suapkan dēngan bērbagai rupa propoganda mēnēntang

dan memburokkan Kerajaan Pusat. Těrutama sa-kali istilah **Malaysian Malaysia** itu sa-olah² mēmbawa pē-mikiran bahawa Malaysia kita yang sėkarang ini mēm-bėri sėgala faedah yang ada kopada satu suku bangsa sēmėntara mēnidakkan tēmpat² mėreka yang hak da-lam masharakat kita kopada suku² bangsa yang lain.

Wartawan² luar nėgėri bėrtanyakan saya pėrkara ini sa-waktu saya bėrada di-England dan Pėranchis mēmpunyai pėngėrtian yang salah bahawa Kerajaan Pusat yang di-kuasai oleh orang² Mėlayu itu tėləh bėr-laku tidak adil ke-atas orang² lain, bahawa pėrbedzaan layanan di-lakukan tėrhadao orang² China dalam sė-gala lapangan dan pėrkara. Malah sa-orang di-antara mėreka itu mėngiyakan bahawa tindakan mēnutup Bank China itu di-Singapura, mėrupakan satu langkah tėrhadao orang² China. Pėkėdai² kėchil yang miskin sė-karang tėrpaksa mēnutup kėdai² masing² kėrana tidak lagi mēndapat barang² makan yang mėreka pėrlukan dari nėgėri China.

Ada juga di-katakan bahawa pėrtėngkaran kita dėngan **Pėtir** ia-lah di-sėbabkan kita takut kopada Kė-rajaan Sosialis di-Singapura yang lėbeh bijak. Mėreka nampak-nya sa-akan² tidak pėrchaya bila saya bėri tahu bahawa di-Tanah Bėsar Malaysia pun ada juga **Party Sosialis** dan party² lain yang mēnėntang party kita bahawa **Pėtir** bėrtanding dalam pilihan-roya tanpa kėjayaan dan bahawa party yang kita haramkan hanya-**Party Kominis** sahaja. Saya juga tėləh mēmbėri tahu mėreka itu bahawa kėbanyakan party² tadi itu di-ang-gotai oleh orang² China yang jumlah-nya jauh lėbeh

banyak dari anggota² Party Lee Kuan Yew, dan kerana itu untuk mengatakan bahawa Lee Kuan Yew mewakili orang² China dan mewakili satu²-nya party kiri di-Malaysia ada-lah sama sa-kali.

Dari sa-masa ka-samasa telah keluar juga dalam akhbar² luar negeri berita² dan rencana² karut mengenai negeri ini. Tulisan² itu sa-olah² hendak menunjukkan bahawa sa-tiap langkah kita ambil untuk menghentikan kegiatan! sabesib musuh dan pengkhianat², sa-bagai pencheroboh hendak menindas orang² China. Di-samping penutupan bank negeri China, penempatan sa-mula orang² China di-Sarawak ia-lah salah satu contoh yang dapat saya beri kechaman² yang di-tunjukkan kepada kita.

Pendek kata, sementara mereka menchuba hendak memperbesar dan memperluas bayangan kepribadian Lee Kuan Yew, serentak dengan itu mereka juga telah memper-kalahkan kita.

Sa-waktu di-London saya terpaksa menemui beberapa orang wartawan yang mewakili akhbar² dan majallah² terbesar serta memberi penjelasan kepada mereka mengenai kedudukan yang sa-benar, tetapi tentu-lah kita tidak akan dapat berbuat begitu sa-lama²-nya.

Kita ingin di-biarkan dan menerima sokongan moral yang patut kita peroleh untuk memperkukuhkan lagi semangat kita melawan anchaman Komunis dan Koprantasi Indonesia.

Kita mēnganggap diri kita sa-bagai salah satu nēgara Asia Tēnggara ini yang tēlah bēryaya, bukan-nya sahaja mēlawan musuh bahkan juga mēmbēri sēgala kēpērluan² ra'ayat. Malahan kita ada-lah salah satu dari nēgērī yang tēlah bēnar² bērhasil mēnjayakan kēmērdēkaan-nya.

Sēmēntara kita mēsti mēmbēlanjakan bagitu banyak wang untok mēnēgohkan pērtahanan kita, kita juga tēlah dapat mēmbēri sara hidup, pēlajaran dan pērkhadematān² lain ra'ayat yang mēnyēbobkan nēgērī ini bahagia sērta mewah dan ra'ayat-nya pada kē-sēlu-rohan-nya mērasa sēnang dan gēmbira.

Ada pula nēgērī tērtēntu yang bērusaha hēndak mēmandang Pērdana Mēntēri Singapura itu sa-bagai sa-orang yang sama taraf-nya dēngan saya dalam Kē-rajaan Malaysia dan sa-chora tidak langsung mēmbēri dorongan dan galakan untok mēnēkankan kēkuasaannya, dan pērbuatan ini mēnyēbobkan kēdudukan kita tambah sērba-salah.

Di-dalam satu nēgara sa-mēsti-nya honya sa-orang sahaja kētua.

Gambar yang pērnah saya lihat dalam salah satu akhbar² British yang mēnunjokkan gambar Lee Kuan Yew dan gambar saya sēndiri pada pēta Malaysia, dēngan kētērangannya, "Tērlampau banyak tukang masak". Memang tēpat bēnar.

Ini-lah kēadaan yang mēsti kita elakkan.

Sa-harus-nya hanya sa-orang sahaja Përdana Mëntëri untok saluroh nēgara, jadi kërana itu jalan yang sa-baik²-nya kita ambil ia-lah mēmbënarkan Lee Kuan Yew mēnjadi Përdana Mëntëri Singapura yang mërdeka dalam értikata yang sa-bënar²-nya.

Sa-lama ini saya bërharap hëndok mēnjadikan Singapura sa-bagai New York Malaysia dan tēlah mēmohon kapada pēmimpin² politik Singapura supaya mēmikirkan pëlaksanaan chita² ini, untok mēnjayakan përkara ini, maka përiu-lah mēndahulukan kēpëntingan Singapura mēngatasi sēgala faedah dan kēpëntingan diri sëndiri. Malang-nya përsaingan dalam politik dan kēgiatan² politik ahli² politik Singapura tidak mēmungkinkan-nya. Mëreka tēlah lupa kapada pënting-nya Singapura sa-bagai salah satu pëlabuhan tērpënting di-Asia Tēnggara. Impian saya tēlah bërkhëchai dan sëkarang sampai-lah kita di-simpong pëpisahahan.

Dalam përkara kēwangan pun sangat-lah susah untok mēndapat sokongan dari Singapura. Këchaman² yang di-tujukan kapada Kërajaan Pusat oleh wakil² Singapura dalam sidang bëlanjawan yang lalu maseh tētap tērukir dalam ingatan para ahli² sakalian. Sëkarang kita mēndapati diri kita pada suatu përingkat dimana sangat sulit untok mēndapat sa-suatu përsëtujuan, walau bagaimana kēchil sa-kali pun përsöalannya. Tidak tērdapat përsëtujuan mēngënai përkara jumlah sumbangan kēwangan dari Singapura kapada Kërajaan Pusat.

Ahli² Yang Bērhormat mēnyēdari bahawa bēlanja² pērtahanan kita sa-makin naik dēmikian juga bēlanja² kēsēlamatan dan Kērajaan Pusat mērasa tērpaksa mē-minta bantuan Singapura, kērang memang sudah pada tēmpat-nya kalau Singapura ikut sērta mēmikul bahagian²-nya yang hak dari bēban bērsama ini, tētapi Singapura tidak mahu mēmembereskan sumbangan ini kē-chuali sa-banyak yang bērkēnaan dēngan pērtahanan Singapura sahaja.

Mēngikut pērjanjian Malaysia, Singapura wajib mēmbēri sumbangan sa-lama lima tahun sa-bagai pinjaman, sa-banyak 150 juta ringgit kepada Kērajaan Pusat untuk pēmbangunan ekonomi di-Sabah dan Sarawak.

Sa-bahagian dari pinjaman ini bebas dari faedah, tētapi pinjaman ini tidak pērnah di-bēri. Tēlah bērlaku pērtēngkaran mēngēnai pēmbayaran faedah dan Singapura tidak pērchaya kepada Bank Nēgara untuk mē-nukarkan harga² pasaran yang ada untuk pinjaman² jangka panjang di-Pērsēkutuan, tētapi mēngusulkan supaya di-ambil orang tēngah dari Bank Dunia.

Jalan ini tēntu akan mēmakan masa yang lama untuk mēndapat sa-suatu kēputusan sēdang pēmbangunan di-Sabah dan Sarawak sangat² mēmērlukan tindakan² nēgara.

Ini ia-lah sa-bahagian daripada kēsulitan² antara kita dēngan Singapura, yang jika di-biarkan bērpanjangan. Maka Kēkachauan politik yang sēdang tumbuh

sēkarang ini mungkin mēlētup mēnjadi satu pērkarā yang sangat gēnting.

Sa-balek-nya hubungan² kita dēngan Sabah dan Sarawak ada-lah sangat baik. Kita bērhasrat hēndak mēnjalankan kērja² pēmbangunan yang mēluas di-kēdua² nēgēri tērsēbut kērana kita sēdar bahawa di-zaman pēnjajah pēmbangunan dalam kēdua² nēgēri itu tidak di-pērdulikan.

Kita tahu bahawa mēreka mēnyertai kita dēngan kēmahuan mēreka sēndiri supaya dapat mēne'mati bukan-nya saheja kēmērdakaan dan kēhormatan yang di-bawa oleh kēmērdakaan itu, malah juga dapat mē-ne'mati hasil² kēmērdakaan yang lain.

Ra'ayat Sabah dan Sarawak tinggal di-daerah² di-mana pēnchērobohan Indonesia paling kuat dan kēn-chang. Sējak Indonesia mēmulakan konpērantasi-nya tērhadap Malaysia, ra'ayat Sabah dan Sarawak tēlah mēndērita kēhilangan yang lēbeh banyak dari ra'ayat di-bahagian² lain nēgēri ini. Namun dēmikian mēreka tidak mērasa gēntar atau mērasa hampa tētapi mēnē-ruskan pēranan mēreka sa-bogai ra'ayat² Malaysia yang tulin, sētia dan kaseh kopada nēgara.

Ra'ayat di-Tanah Bēsar di-Malaysia ini mērasa kagum tērhadap kēbēranian mēreka itu dan tidak ada kata² yang akan dapat mēlukiskan tanda tērima-kaseh dan pēnghargoan kita kopada mēreka.

Saya bĕrharap sa-muga pĕrpĕchahan dĕngan Singapura ini tidak akan mĕnimbulkan rasa bimbang kapada ra'ayat Sabah dan Sarawak, dan bahawa mĕmandang kapada kĕadaan mĕreka akan bĕrsĕtuju bahawa jalan yang kita ambil ini ia-lah satu²-nya tindakan yang ada untuk mĕmĕlihara kĕamanan dan rasa harmoni di-Malaysia, dan dalam pada itu mĕndapatkan kĕrjasama yang sa-rapat²-nya dĕngan Singapura.

Ra'ayat Singapura yang begitu kuat mĕnyokong Malaysia saya harap supaya jangan mĕrasa bahawa mĕreka tĕlah di-biarkan begitu sahaja. Saya dapat mĕmbĕri jaminan pada mĕreka bahawa dalam pĕrbincangan saya dĕngan Pĕrdana Mĕntĕri Singapura kami tĕlah sa-fakat bahawa mĕreka akan di-bĕri kawalan sapĕnah-nya dan kĕmudahan² sapĕrti yang di-bĕri kapada ra'ayat Singapura yang lain.

Sa-balek-nya pula kalau mĕreka mĕrasa kkuatir bĕnar hĕndak mĕninggalkan Singapura dan datang kapada Pĕrsĕkutuan saya tĕlah mĕmbĕri tahu Mĕntĕri Bĕsar Jahor supaya mĕnyĕdiakan kawasan yang amat luas di-nĕgĕri itu untuk mĕmbĕri kĕsanggupan kapada mĕreka tinggal di-Pĕrsĕkutuan, dan kita akan bĕrusaha sa-daya upaya kita supaya mĕreka dapat tinggal sĕnang dan tidak mĕrasa sapĕrti orang² asing.

Saya bĕrdo'a sa-muga mĕreka jangan hĕndak-nya hilang pĕmikiran yang waras dan jangan bĕrbuat sa-suatu yang hanya akan mĕndatangkan kĕmĕlaratan kapada mĕreka, kĕluarga mĕreka dan kita sĕndiri.

Kita tidak mahu peristiwa seperti ini berlaku dan kerana menimbangkan keamanan Malaysia pada keseluruh-nya maka kita merasa yakin bahawa tidak ada lagi jalan keluar yang lain kecuali berbuat apa yang kita fikirkan sa-baik²-nya. Keadaan sa-makin buruk sa-tiap hari, kata² yang tidak bertanggung-jawab telah di-suarakan oleh kedua belah pihak, yang jika di-baca apa yang tersirat bererti bahawa chabaran² telah di-keluarkan.

Andaikata kekacauan berlaku maka mereka yang tidak bersalah yang akan menjadi korban.

Jadi kerana itu-lah saya percaya bahawa jalan yang sa-baik²-nya walau pun sangat mengharukan.

Kita telah berkali-kali membentok Malaysia dengan Singapura ikut serta di-dalam-nya, tetapi sa-telah di-beri masa perubahan kita dapati kalau kita teruskan juga seperti yang sekarang ini, akhir-nya Malaysia akan mengalami lebih banyak lagi huruhara daripada nilai Singapura kepada kita. Pemisahan ini akan dijalankan atas pengertian bahawa kita masih akan bekerjasama lagi sa-rapat²-nya dalam perkara² pertahanan, perniagaan dan perdagangan.

Perkara ini telah pun di-bincangkan dengan kerajaan Singapura. Dan sa-bagai akibat-nya kami telah membuat satu perjanjian yang telah menentukan syarat² yang di-persetujui bersama dan mengandungi perkara² yang baharu sahaja saya sebutkan tadi. Perjanjian ini telah pun di-tanda-tangani oleh anggota² Ke-

rajaan Pusat yang di-pilih dan wakil² Kerajaan Singapura.

Perjanjian tersebut ia-lah memberi Singapura kemerdekaan dan membentok-nya sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat. Untuk faedah ahli² yang terhormat, saya suka menyebut beberapa fasal dalam perjanjian itu.

Fasal 5 berbunyi:—

Kedua belah pihak akan membuat satu perjanjian mengenai pertahanan luar negeri dan bantuan² bersama dengan syarat:—

1. Kedua pihak akan membentok satu majlis pertahanan bersama untuk tujuan² pertahanan luar negeri dan bantuan² bersama.
2. Kerajaan Malaysia akan memberi kepada Kerajaan Singapura bantuan yang di-anggap patut dan menchukupi untuk pertahanan luar-nya. Dan kerana itu Kerajaan Singapura akan menyumbang dari angkatan bersenjata-nya sendiri pasok²an yang di-anggap patut dan menchukupi untuk pertahanan so-demi-kian.
3. Kerajaan Singapura akan memberi kepada Kerajaan Malaysia hak memelihara pangkalan² dan lain² kemudahan yang di-gunakan

oleh angkatan bersenjata-nya di-dalam Singapura dan akan membenarkan Kerajaan Malaysia menggunakan pangkalan² dan kemudahan² demikian mengikut yang perlu dianggap oleh Kerajaan Malaysia untuk maksud² pertahanan luar.

4. Tiap² pihak tidak akan memasuki sa-barang teriti atau perjanjian dengan sa-buah negeri asing yang mungkin merugikan kepada kemerdekaan dan pertahanan wilayah yang lagi satu.

Fasal 6 mengenai susunan² ekonomi antara kedua² negeri:—

Kē-dua² negeri ini mesti-lah saling bergantung, lebih² lagi bagi Singapura. Rundingan² akan berjalan untuk memberi kemudahan² bagi perniagaan dan perdagangan antara kedua²-nya. Tidak-lah mungkin bagi saya dapat berkata lebih banyak lagi dari ini pada waktu ini. Ahli² perniagaan kedua negeri mesti-lah bergantung kepada mereka untuk memberi bantuan kepada mereka untuk memelihara hubungan perniagaan dan perdagangan antara kē-dua² negeri.

Fasal 7 menentukan:—

Mulai dari 9 Ogos pembatalan pembentokan pasaran bersama dan perkara² mengenai penyiaran dan talivishen.

Fasal 8 yang agak penting juga:—

Mēnyatakan pērsētujan kita bahawa sēgala tanggungan² Kērajaan Pusat tērhadap sēgala hutang² atau tanggungan² yang di-buat oleh Singapura sējak Hari Malaysia, mulai dari 9 Ogos akan mēmbebaskan kita dari sēgala tanggungan.

Untuk mēmbēri kēsān kapada pērjanjian dan pēmashhoran kēmērdekaān Nēgēri Singapura, maka pērlu di-pinda pērlēmbagaan Pērsēkutuan dan pērjanjian Malaysia supaya pērlēmbagaan dan pērjanjian tērsēbut tidak lagi bērlaku untok Singapura, kēchuali mēngēnai pērkarā² yang di-tētukan dalam fasal 8 dan 13 Rang Undang² ini.

Satu lagi fasal yang banyak mēngēnai ra'ayat yang tinggal di-Singapura dan Malaysia ia-lah pērjalanān ulang-alek antara kēdua nēgēri ini:

Sudah-lah jēlas, kērana bērlainān kērajaan, pērlu di-jalanān sa-suatū rupa kawalan untok mēnyēkat langkāh² ra'ayat kē-dua² nēgēri.


Sa-hingga pēratoran-nya di-kuat-kuasakan, adalāh sama di-pērsētujui supaya ra'ayat kē-dua² nēgēri bebas bērgērak. Barangkali akan pērlu juga mēmbēri mēreka surat² pērjalanān sapērti **pass** sēmpadān untok kunjongān singkat dan **passport** untok kunjongān lama.

Tetapi sa-hingga keadaan ini dapat di-laksanakan sa-penoh-nya. Maka ada-lah adil dan patut bagi ra'ayat ke-dua² negeri meneruskan keadaan seperti yang ada hari ini.

Saya berdoa sa-muga Singapura dengan ra'ayat-nya akan mene'mati keamanan di-pulau ini.

Barang apa sahaja akan dapat kita buat untuk membantu mereka, saya dapat memberi jaminan bahwa kita akan bersukachita benar berbuat demikian.

Di-dalam perpechahan, saya yakin kita akan dapat menchapai persatuan atau pun seperti kata orang, sa-hari² perpisahan akan merapatkan lagi rasa kasih sayang.



Demikian-lah bunyi repot dalam surat khabar itu ucapan Perdana Menteri Malaysia Tengku Abdul Rahman dalam sidang Dewan Ra'ayat di-Kuala Lumpur semalam tentang sebab musabab-nya Singapura bercherei dari Malaysia. Saya perchaya ucapan itu menjadi peninggalan sejarah pergolakan politik Tanah-ayer kita hari ini. Anak chuchu kita akan datang yang mungkin hendak mengetahui tarikh 9 Ogos 1965 apa yang telah berlaku di-bumi Melayu ini, akan dapat mengkaji dari salinan ucapan Perdana Menteri Malaysia di-atas itu.

Dari kenyataan Perdana Menteri Malaysia di-atas itu banyak yang dapat menjadi pengetahuan dan pertimbangan serta menjadi pemikiran yang jauh. Kemudian saya ingin melihat bagaimana pula pendapat dan sambutan dari pihak Perdana Menteri Singapura. Kebetulan dalam penerbitan di-surat² khabar yang sedang saya tatap itu ada berita berkenaan kenyataan Perdana Menteri Singapura tentang kejadian Singapura merdeka itu.

Saya dapati berita di-surat khabar Berita Harian jelas melaporkan perjumpaan Perdana Menteri Singapura dengan wakil surat khabar luar dan dalam negeri, dengan tajok besar di-muka hadapan surat khabar itu demikian:

LEE SERU RA'AYAT: TEGAS DAN TENANG

Tuan Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura petang ini menyeru ra'ayat Singapura supaya sentiasa tegas dan tenang — tiga jam sa-telah Singapura keluar dari Malaysia.

Dengan ayer mata ber-linang³, Tuan Lee berkata, "Apa yang telah berlaku. Kita hendak-lah tegas dan tenang.

"Kita akan mempunyai sa-buah negara berbilang bangsa di-Singapura. Bukan negara Melayu, bukan negara China atau negara India.

“Sa-tiap ra’ayat mēmpunyai tēmpat di-Singapura dan kita akan tērus mēnolong orang² Mēlayu dēngan bēr-lumba² dēngan UMNO.

“Kita bērsatu tanpa pērbedaan kaum, bahasa, ugama atau kēbudayaan.”

Dan dēngan pēnoh kēazaman, Tuan Lee bērkata, “Kērajaan-nya akan bērjuang untok hidup mēnurut dasar yang tēlah di-istiharkan ia-itu **demokratik sosialism** yang bukan kominis.

“Kita sanggup bērniaga dēngan sa-siapa pun, tērmasuk Rusia, China dan walau pun dēngan Indonesia, jika mēreka mahu bērniaga dēngan kita hanya untok bērniaga sahaja.” kata-nya.

Sēsuai dēngan dasar itu, Tuan Lee sēgēra mēngumumkan bahawa Bank of China, yang di-ambil oleh Bank Nēgara pada minggu lalu, akan di-bēnarkan mēnēruskan pērniagaan, sa-mata² untok pērniagaan sahaja.

Sēmua kaki-tangan bank itu mēsti-lah ra’ayat tēmpatan yang tidak mērbahaya kapada kēsēlamatan.

Sa-rēntak dēngan itu, bēliau juga mēngumumkan bahawa chukai pēroleh — yang tēlah lama di-tēntang oleh Singapura sa-bagai mēmbēri kēsān burak kapada pērdagangan, ekonomi dan bēlanja sara hidup akan di-hapuskan dēngan sēgēra.

Chukai gaji akan di-hopuskan akan di-gantikan dengan Rancangan Insuran Pënganggoran yang di-sërtai oleh majikan dan pëkërja.

Dalam përsidangan akhbar yang pënoh dëngan pë-rasaan sëdeh itu dëngan mënghodapi kamera talivi-syen. Tuan Lee tëlàh di-tanya tëntang sikap Singa-pura tërhadap Indonesia.

Tuan Lee bërkata: "Kita hëndak bërsahabat dë-ngan Indonesia. Kami sëntiosa hëndak bërsahabat dë-ngan Indonesia, dan kita ingin mënyëlësaikan apa juga kësulitan dëngan Indonesia.

"Tëtapi kita mësti hidup. Kita bërhak untok hi-dup, dan untok hidup kita mësti përchaya bahwa kita tidak akan di-langgar atau di-lëborkan oleh roket?

"Tëtapi përkara yang pënting ia-lah, walau pun tëlàh tërjadi sëmuanya ini tërutama-nya mëngënai përsëlisehan idioloji antara Kërajaan Përikatan dëngan kita, kita mahu bëkërjasama dëngan mëreka dëngan cara yang adil dan sama rata. Apa yang di-utama-kan ia-lah kërjasama.

"Dalam batas këdudukan kita, kita suka hëndak mënchapai satu pënyëlësaian antara kita dëngan Indo-nesia, dan antara Indonesia dëngan Malaysia. Itu sa-haja asas untok mënchapai satu pënyëlësaian."

Tuan Lee bërkata sikap ini lahir dari pëngukuran yang rialistik mëngënai këdudukan Singapura.

Bila di-desak supaya memberikan jawapan yang tegas, Tuan Lee berkata bahawa Indonesia mesti-lah lebih dahulu mengakui Singapura sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat yang "berkemampuan dan mempunyai azam yang kuat."

Mengenai kedudukan ekonomi Singapura di-masa depan. Tuan Lee berkata, "Pada tahun² yang akan datang kedua² Kerajaan — Singapura dan Malaysia — akan bekerjasama lebih rapat bukan sahaja di-bidang pertahanan dan keselamatan, tetapi juga di-lapangan perdagangan dan perusahaan.

"Saya berkata bahawa saya sangat berasa lapang hati apabila Tengku memberi tahu saya dalam perbincangan kami yang kedua dengan-nya semalam, bahawa dia sangat menyedari perkara ini.

"Dan dia telah memberi jaminan kepada saya bahawa kerjasama ekonomi antara kedua negara sangat perlu jika kedua negara mahu terus hidup dalam menghadapi tekanan² dari musuh bersama."

Tuan Lee berpendapat bahawa mungkin ada **quid pro quo** — tindakan balas — terhadap barang² tertentu seperti tayar².

Tayar² Dunlop telah di-sebut sa-bagai suatu contoh. Tayar² itu, kata Tuan Lee di-hantar dengan bebas ka-Singapura dari Kuala Lumpur, sementara tayar² Bridgestone buatan Singapura di-larang di-hantar ka-sana.

Ini, kata-nya, tidak-loh sēsuai dēngan kēadaan kērana Singapura mēmpunyai 40 pēratus pēmbēli², dan di-lain bahagian Malaysia mēmpunyai 60 pēratus.

“Saya tidak mahu tēr-buru² dalam pērkarā ini..... tētapi mēsti-loh ada **quid pro quo**,” kata Tuan Lee.

Bēliou mēngingatkan bahawa pēkērja Singapura mēmpunyai tēnaga pēmbēli dua atau tiga ganda dari pēkērja² di-Malaya.

Sa-kali lagi Tuan Lee bērkata, dia bērosa lapang hati dēngan pērchokapan Tēngku.

“Tēngku mēmbēri tahu saya, sa-waktu saya akan pulang ka-sini sēmalam...kērana tuan tidak lagi dalam Malaysia, kita tidak akan bērgodoh lagi dalam Parlemen atau dalam kawasan² pilihan-roya. Kita akan bērsahabat sa-mula. Dan kita akan bēkērjasama.....”

Tuan Lee mēnambah, “Ada-loh mēnjadi kēinginan saya ogar bogitu-loh hēndak-nyo kēlak.”

Antara Singapura dan Malaysia, ada satu pērtalian antara pērdagangan dan pērusahaan dan kētēgohan dan kēsēlamatan, kata-nya.

Andai-nya jika bēkērjasama ekonomi tidak sa-jajar dēngan kērjasama pērtahanan, maka apa juga Kērojaan.... biar ia sa-buah Kērojaan Kapitalis atau Sosialis.... maka kērojaan itu mēsti-loh mēmbuat sa-

suatu untuk kehidupan ra'ayat-nya dengan berniaga dengan shaitan, kata Tuan Lee.

"Ini-lah kenyataan hidup... itu-lah perasaan saya tentang hal itu. Saya mungkin tidak betul.

"Sa-buah kerajaan anti-Kominis mungkin tertubuh di-sini yang sanggup melihat pekerja menganggor, tidak puas hati dan menindas kaum yang gelisah itu. Tetapi awak tahu dasar Pëtir. Kami tidak boleh buat begitu. Kami tidak percaya itu penyelesaian akhir.

"Kalau Singapura boleh di-kuasai oleh muncung senapang terus menerus, saya rasa itu tentu telah di-chuba oleh British dahulu atau saya rasa oleh kita atau oleh bekas Kerajaan Pusat.

"Tetapi ra'ayat tidak boleh di-tindas. Kerjasama itu-lah sahaja jalan-nya." kata Tuan Lee.

Dia menambahkan, "Dan kita boleh menolong pembangunan Malaysia atas dasar yang saksama.

"Kita tidak mahu semua perusahaan di-dirikan di-sini. Itu tidak adil...Pada tahun lalu... terjadi perubahan dalam **kad pengenalan**. Hasil-nya kepada Singapura pukul rata ia-lah 10,000 orang kebanyakannya berumur antara 20 tahun hingga 30 tahun.

"Kira 25 peratus dari jumlah penduduk kita dari lengkungan umur itu."

Ada-kah kĕrajaan akan mĕnimbangkan untuk mĕngodakan pĕrubahan² imigĕresen bagi mĕnahan ra'-ayat dari Malaya datang ka-Singapura? (Pĕrtanyoan wartawan? — P.)

Tuan Lee mĕnjawab, "Kita bĕrjalan sapĕrti biasa. Mĕngapa harus mĕngubah-nya? Orang datang dari Pĕrsĕkutuan. Mĕreka bĕkĕrja di-sini.... Tĕtapi mĕreka tidak akan mĕndapat apo² faedah dari Kĕrajaan.

"Dalam batas² tĕrtĕntu, ini tidak mĕnjadi hal. Sĕmĕntara kita tidak mĕrasa gĕmbira mĕndapat 10,000 orang itu namun dari antara 10,000 orang itu barangkali ada 100 atau 150 orang jurutĕra, doktor dan guru yang tĕrlateh, orang² yang chĕkap yang kĕrana bĕbĕropa sĕbab ingin hidup di-Singapura. Tĕtapi tĕntu-lah kita tidak boleh mĕnĕrima banjir."

Tuan Lee kĕmudian di-minta mĕnĕrangkan kĕjadi-an² yang mĕmbawa kapada pĕmisahan itu.

Kata-nya pada pĕtang Sabtu, dia maseh bĕlum pĕrchaya lagi, sa-kali pun Dr. Goh Keng Swee tĕlah mĕmbĕri tahu-nya bahawa tidak ada jalan lain mĕlainkan bĕrasingan.

Dr. Goh, kata-nya, tĕlah pĕrgi ka-Kuala Lumpur sa-lama bĕbĕrapa hari untuk bĕrunding dĕngan Mĕntĕri² Kĕrajaan Pusat.

"Saya tidak pĕrchaya tidak ada jalan lain. Saya pĕrchaya kĕtika itu bahawa saya maseh boleh mĕya-

kinkan Těngku bahawa ada bėbėrapa jalan lain untuk mėngurangi kėtėgangan kaum, sapėrti di-adakan satu Pėrsėkutuan yang longgar.

“Sa-tėlah apa yang di-katakan-nya kapada saya bila kamu bėrsėndirian, saya sėdar tidak ada jalan lain, dan saya bėrtanya kalau² itu jalan pėnyėlėsaian.

“Saya tahu daripada apa yang di-katakan-nya dan dia dapat mėrasakan hal² sapėrti ini — bahawa kita sėmua akan tėrchėbor dalam satu kėkachouan antara kaum yang bėsar kalau Singapura atau kalau saya dan tėman² saya tėrus bėrkėras hėndakkan sapėrti kėadaan sėkarang ini.

“Sa-barang jėnis Malaysia sa-lain daripada satu nėgara Malaysia tidak dapat di-tėrimo. Boleh jadi dėngan Singapura tidak ada lagi sėkarang, mungkin akan wujud sa-buah nėgara Malaysia untuk orang² Malaysia kėrana tėkanan akan lėbeh lambat lagi.”

“Mėreka mungkin mėnyangka sa-buah bandar yang tėrlalu maju sapėrti Singapura dėngan dua juta ra'ayat-nya tidak dapat di-kėjar oleh mėreka,” katanya lagi.

“Tėtapi dėngan sėgala churahan yang di-muntahkan oleh surat khabar Jawi, satu sikap yang tėgas harus di-ambil. Kalau tidak sė-gala²-nya akan hilang.

Tėtapi Těngku mėmbėritahu-nya, bahawa dia tidak dapat mėngawal kėadaan itu lėbeh lama lagi dan

dia melihat kekacauan akan berlaku di-Malaysia jika sa-kira-nya Singapura terus berada dalam Malaysia.

“Saya menemui Tengku sa-kali lagi pagi semalam kerana beberapa orang teman saya merasa terharu sekali dalam hal ini dan saya memberi tahu Tengku.....

“Beberapa orang teman saya merasa terharu terhadap apa yang mereka rasakan sa-bagai Tanah-ayer mereka. Mereka di-lahirkan dan di-besarkan di-sana.....”

Dr. Toh Chin Chye, kata Tuan Lee, tidak akan menanda-tangani perjanjian itu kalau Tengku tidak meyakinkan-nya bahawa jalan lain tidak ada.

Tuan S. Rajaratnam dan Tuan Ong Pang Boon mempunyai ikatan² yang erat juga dengan Persekutuan dan mereka pun menentang langkah ini.

“Tiap² kali kita menoleh ka-belakang kepada sa’at kami menanda-tangani surat dokument ini, kami merasa sedih dan terharu.

“Untuk saya, ini merupakan sa’at yang sedih. Seluruh hidup saya..... seluruh hidup saya sa-lama saya dewasa, saya memperchayai perchantuman dan perpa-duan kedua wilayah ini.”

Dengan suara ter-agak² Tuan Lee menambah, “Kita terjalin oleh geography, oleh ekonomi dan oleh persaudaraan. Perasingan ini melebarkan segala apa yang menjadi keyakinan kami.”

Tuan Lee mēnitiskan ayer mata. Dia mēnutup muka-nya dēngan tangan-nya.

Dia mēminta ma'af. Kata-nya dia tērlalu marah untok mēnēruskan pērchakapan-nya.

Sa-tēlah bērehat sa-lama dua puluh minit, dia di-minta mēnērangkan tēntang ranchangan² diplomat di-luar nēgēri.

Tuan Lee bērkata, Tuan Rajaratnam akan lēbeh layak mējawab pērtanyaan itu.

Tētapi mēnurut hemat-nya, pērwakilan³ akan di-dirikan mula² sēkali di-Kaherah, Addis Ababa, Delhi, Rangoon, Phnom Penh, Jēpun dan nēgara² Commonwealth.

Kērana kēkurangan tēnaga mungkin pērlu untok satu pērwakilan diplomat bērtugas untok bēbērapa nēgēri sapērti India dan Pakistan, Kēmbaja, Laos, Australia dan New Zealand.

Singapura tēntu pula akan bērusaha mēnjadi anggota Bangsa⁴ Bērsatu dan untok di-tērima dalam pērsidangan kēmunchak Afro-Asia di-Aljeria.

Saya tidak tahu apa-kah sikap nēgara³ Kominis. Kalau mēreka sēdia mēngakui kēnyataan sa-bagai kēnyataan, bahawa Singapura bērhak mēminta pērtolongan daripada sa-siapa sahaja untok ia tidak di-tēlan dan kērana itu boleh mēmpunyai pēngkalan, saya tidak

mēlihat mēngapa kita tidak boleh bērdagang dēngan bēbērapa nēgara Eropah Timor bahkan dēngan China.

“Tētapi kita tidak akan bērbuat satu apa pun atau mēngikat pērjanjian yang akan mēngancham Pērsēkutuan.”

Tēntang kēmasokan dalam pērsidangan Aljeria, kata Tuan Lee tērdapat pērsētujuan antara Kērajaan Singapura dan banyak nēgara Afro-Asia yang lain.

“Pada pokok-nya tidak ada pērbedzaan dalam sikap saya dan Prince Sihanouk dia juga harus hidup, ra’ayat-nya harus hidup.... Ra’ayat saya pun harus hidup.”

* * * *

Sēmua chērita bērkēnaan pērpisahan Singapura Malaysia tēlah habis saya bacho dan kēmudian saya dēngar radio dari Singapura juga tēlah mēnggunakan nama “Ini-lah Radio Singapura” bukan Radio Malaysia lagi. Yang saya inginkan ia-lah hēndak mēndēngar bagaimana pula bunyi pērishtiharan Singapura mērdaka dari pihak Singapura yang di-ishtiharkn oleh Pērdana Mēntēri Singapura Saudara Lee Kuan Yew. Saya pērchayo pēristiharan ini akan dapat saya bacho mesa boleh di-Singapura nanti.

Pada malam-nya saya telah dapat bērchakap talipan dari rumah mēnantu saya itu kapada anak² saya di-Singapura. Jawab Siti Haida anak saya yang tua tinggal di-sana bila saya tanya bagaimana kēadaan mēreka sēkarang, "Kami sēmua sēkarang sēdang dudak mēlihat T.V. Jangan-lah fikirkan apa², kami rasa saperti biasa, hanya bilo malam kami kunchi pintu tingkap siang² lagi."

Saya tertawa mēndēngar jawapan-nya itu, lalu kata saya, "Jaga-lah rumah baik¹, kami akan sampai balek lusa."

Sungguh pun badan pēnat masa siang, sa-hari suntok dalam pējalanan dari Kēlantan boleak ka-Kuantan, tētapi mata saya tidak mēngantok. Pintu tingkap maseh tērbuka, anak² saya sēmua tēlah tidor kērona kēpēnatan. Saya bērdiri di-tingkap mēlihat ka-luar yang kētika itu kēbētulan 14 haribulan Rabiul-Akhir, bulan tērang bēndērang. Jalan-roya Bēsērah di-hadapan kawasan rumah anak saya itu tēlah lēngang, hanya sakali² kēlihatan motokar lari dēngan laju, ada yang mēnuju hēndak ka-Tērēngganu dan ada yang hēndak ka-Kuala Lumpur. Bunyi jēngkērek mēnjadi pēnghibaran di-malam sunyi itu, di-sēlang sakali² bunyi burung punggok dan angin bērtiup kuat. Dēseran bunyi daun kēlapa di-tiup angin jēlas ka-tēlinga saya, sambil saya mēmērhatikan daun² kēlapa itu mē-lambai².

Fikiran saya mēlayang jauh, kadang² mēnjadi tanda-tanya kapada otak saya, bērapa ramai agak-nya

manusia yang ta' dapat tidur macham saya di-ganggu oleh pikiran di-sebabkan 9 Ogos itu? Saya lihat jam tangan saya telah pukul satu malam, embun mula turun tebal menyelaputi kawasan kampung Galing Besar tempat saya bermalam itu. Sedang saya mengelamun menemati alam malam di-Kuantan itu, tiba-tiba saya terkejut mendengar bunyi berdekok tidak jauh dari tempat saya berdiri di-tepi tingkap itu. Saya memerhatikan di-chelah-ti pokok kelapa itu kalau ada orang berjalan dan jatuh. Kemudian saya mendengar di-atas pokok kelapa itu seperti dahan-ti di-gegarkan. Rupa-nya tupai yang melompat. Benda yang berdekok itu juga rupa-nya mumbang kelapa gugor bekas di-makan tupai.

Kata hati saya, "Rupa-nya ada juga kawan yang ta' tidur, tetapi sayang tupai itu ta' dapat di-ajak berbual atau ber-tukar-ti pikiran."

Kabus yang semakin tebal itu akhir-nya menghilangkan keindahan terang cahaya bulan dan mengkaborkan kilauan lambayan daun kelapa. Semua pemandangan yang mula-nya kelihatan indah bermandi cahaya bulan itu telah bertukar kabar. Semua rumah-ti yang telah gelap gelita tiada kelihatan lampu-ti dari chelah-ti dinding rumah-ti kampung itu, telah bertukar dengan bangunan rumah itu mula kelihatan kabar-ti disebabkan kabus tebal itu. Cahaya lampu Jalan Besar menghala ka-bandar Kuantan itu juga telah mula terbatas terang-nya disebabkan oleh kabus yang mula menyeliputi kawasan itu. Diri saya sendiri juga telah mula di-serang oleh rasa sejok kabus tebal yang

mēngganas di-kawasan luar rumah itu. Kētika saya hēndak mēnutup pintu tingkap itu, tiba' saya tēr-dēngar bēnda jatuh dari hujung dahan daun kēlapa, kēmudian saya dēngar dēseran bunyi bēnda bērlari dari tēmpat jatuh itu dēngan bunyi chak, chik, chik, ia-itu bunyi tupai jatuh. Kata hati saya kapada tupai yang jatuh, "Sa-pandai' tupai mēlompat, ta' sa-kali' jatuh juga!" Saya pun mēnutup tingkap lalu mērēbah-kan badan di-tēmpat tidur.

KEMBALI KA-SINGAPURA

Saya bangun pagi² bēnar, sa-tēlah sēmbahyang suboh, saya turun bēr-jalan² ka-bawah rumah. Udara sējak pagi itu mēnyēgarkan badan saya dan saya pērgi ka-tēpi jalan-roya Bēsērah itu untok mē-lihat² kēodoan di-waktu pagi. Ada lori² mēnuju ka-aroh bandar Kuantan bērlari dēngan laju sapērti ta' jējak roda-nya. Mēndēram bunyi lori itu mēlintas di-hadapan saya yang bērdiri di-tēpi jalan itu. Saya lihat di-bēlakang lori itu ada tulisan mēnētapkan lori itu boleh lari ta' lēbeh dari 30 batu sa-jam. Saya tēringot kētika hēndak datang ka-Kuantan sa-minggu sudah bērjumpa dēngan lori² bēsar yang mēmbawa balak² atau barang² lain tēlah bērjalan mēngikut laju sa-kēhēndak hati-nya. Masa itu anak saya yang bēsar mēngulas kēlajuan lori yang

běrsěliseh dēngan motokar saya, “Lori itu laju bēnar, kalau bėrlanggar dēngan-nya rėmak kita, ta’ ada harapan hidup.”

Sahut anak saya yang mēnjadi guru, “Dalam bulan ini dan bulan lėpas banyak bėrita motokar kėchil bėrlanggar dēngan lori dan pėnumpang di-motokar kėchil ada yang tėrus mati dan yang ta’ mati tėlāh chėdėra tėrok. Itu pun mėreka ta’ sėrek.”

Sa-bėlum saya mėninggalkan tėpi jalan itu saya lihat ada tiga orang sėdang mėnonggang basikal. Rupa-nya kėtiga orang itu ia-lah pėrėmpuan China hėndak pėrgi mėmotong gėtah. Pėrėmpuan itu muda², bėrpa-kaian baju lėngan panjang dan bėrsarong tangan. Mėreka mėngayoh basikal-nya dēngan laju, bunyi baldi kosang yang tėrikat di-bėlakang basikal itu lėntung-lėntang bunyi-nya bila basikal itu tėrhėntak ka-tanah lėkok. Kata hati saya mėlihat mėreka, “Sungguh chėrgas pėrėmpuan² ini mėnchari pėnghidupan-nya.”

Saya bėr-siar² di-kawasan rumah mėnantu saya itu, saya lihat pokok kėlapa di-kawasan itu tėlāh tinggi² bėnar, mungkin kėlapa itu di-tanam pada masa saya bėlum dzahir ka-dunia, tėtapi pokok² itu maseh subur, buah-nya maseh lėbat, sėbab tanah tėmpat ia bėrtumbuh memang sėsuai dēngan tanaman kėlapa, ia-itu di-kawasan ta’ jauh dēngan laut dan bėrtanah pasir pula. Kata hati saya mėlihat pokok² kėlapa itu. “Ia mėmpunyai kėmahuan sama sapėrti manusia juga, kalau sėsuai dan sėtuju boleh hidup subur dan lama,

hingga hari ini manusia maseh dapat mēne'mati hasilnya, ia-itu manusia angkatan baharu mēnērima ne'mat-nya sa-tēlah manusia yang mēnanam-nya dahulu hilang di-tēlan zaman."

Saya balek sa-mula ka-rumah kērana saya lihat sēmua anak saya tēlah bangun. Anak saya yang bērumor sama dēngan umor Malaya mērdēka, bērlari turun ka-bawah mēndapatkan saya bērtanya, "Jadi kita pērgi bērkelah ka-Tēlok Chēmpēdak hari ini, yah?"

Dēngan tērsēnyum saya mēnjawab, "Jadi, pērgilah mandi lēkas, kita hēndak pērgi ka-bandar Kuantan mēnchari barang makan untok di-bawa bērkelah."

Bila mēndēngar jawapan saya itu, ia bērlari ka-atas rumah bērsorak mēmbēritahu kapada adek bēradek-nya, "Kita hēndak pērgi ka-pantai Tēlok Chēmpēdak. Intan hēndak mandi di-sana."

Sa-tēlah lēpas sarapan, saya bawa istēri dan anak² saya bērjalan ka-pasar Kuantan dan ka-Pasar Mēlayu untok mēmbēli sadikit barang² mēnjadi buah tangan balek ka-Singapura.

Istēri saya tērtarek hati mēmbēli ikan kēring yang di-jual oleh pērēmpuan Mēlayu di-tēpi pasar itu. Kata istēri saya ikan² itu chantek² nampak-nya dan tidak bagitu masin. Saya lihat ikan kēring yang di-bēli-nya ia-lah ikan gēlama, bēlanak dan sēlar. Harga-nya memang murah, kalau di-Singapura harga-nya dua kali ganda.

Kētika istèri saya mēmbēli bēlah di-pasar itu saya bēr-jalan² dēngan anak² saya mēlihat orang-ramai di-tēpi padang di-hodapan pasar itu. Ada orang Mēlayu bēr-longgok² mēmbacha surat khabar, mēreka sēmua-nya tērtorek hati bērkēnaan kējadian 9 Ogos, ada yang saya dēngar sa-lēpas mēmbacha, bērtanya kapada kawan²-nya apa fikiran mēreka dēngan kējadian itu. Ada yang mēmbēri fikiran, Singapura ta' boleh hidup lama tidak bērchantum dēngan Malaysia, tētapi ada yang bērkata, "Di-Singapura itu bukan-kah pēnoh dēngan pakar² pērniagaan dari bērbagai bangsa, tēntulah mēreka akan bērikhtiar untok hidup dan bērhubong dēngan nēgēri² asing dēngan bebas. Tahu-lah mēreka untok hidup."

Saya hanya mēndēngar dari jauh pērbualan mēreka. Ada kumpulan orang² China juga mēmbacha surat khabar China, tētapi apa-kah yang di-bualkan-nya saya ta' tahu, tētapi kērap mēreka mēnyēbut Malaysia dan Singapura.

Bagitu juga kētika saya bēr-jalan² di-Pasar Mēlayu yang dudok-nya tidak jauh dari tēpi Sungai Kuantan itu, ramai orang² Mēlayu di-pasar itu ashek mēmbacha surat khabar, kadang² mēreka ta' pēdulikan ada orang yang datang hēndak mēmbēli pērdagangan-nya itu. Orang² Mēlayu di-sini hampir rata² nompak-nya mēmbacha surat khabar Utusan Mēloyu, ini satu tanda yang tulisan Jawi itu maseh subur di-kampong².

Saya dapat mēmbēli tiga biji buah chēmpēdak dan sa-ratus biji buah jēring sērta ulam moman untok di-

jėrok. Saya ingin hėndak mėmbėli budu yang tėlah di-
batalkan dėngan bėrseh nampak-nya, tėtapi istėri saya
ta' sėtuju sėbab ia ta' tahu macham mana untok di-
makan. Saya tėrtarek hati mėndėngar pėnjual-nya
mėngatakan budu ini sėdap, mėmbuka sėlera untok di-
makan dėngan ikan bakar. Budu bėrseh kata-nya, ia-
itu di-buat dari ikan yang di-pėram dan di-masamkan,
ayer pėkasam itu-lah di-namakan budu sama sapėrti
kichap. Kata pėnjual itu dėngan mėgah, "Budu ini ia-
lah kichap Mėloyu, siapa ta' tahu budu, dia bėlum mės-
ra dėngan pantai timar Tanah Mėloyu."

Dėngan tėrsėnyum saya mėnyampak, "Sama juga
sapėrti di-Mėlaka, kalau ta' pandai makan chėnchalok
bėlum mėsra dėngan orang Mėlaka."

Orang² yang mėndėngar di-situ sėmua-nya tėr-
tawa dan mėngatakan, "Bėnar bagitu!"

Pada masa jalan boleak mėnantu saya singgah di-
pėjabat pėnėrangan nėgėri Pahang, kėmudion ia da-
tang mėmbawakan saya bėbėrapa kėping majallah kė-
luaran di-Pėjabat Pėnėrangan itu yang tėrbaharu, ia-
itu majallah Kėmajuan Pahang bagi Tahun 1965. Kata
mėnantu saya, "Elok mėnjadi tatapan ayah untok
pėngėtahuan."

Pada kira² pukul tiga pētang, saya bawa sēmua anak istēri saya pērgi bērkelah ka-pantai Tēlok Chēm-pēdak. Kētika itu ayer sēdang naik pasang. Ada juga orang di-situ tērmasok tēntēra Inggēris dēngan anak istēri-nya datang mandi² di-pantai itu. Pantai indah itu sangat mēnggēmbirakan kapada anak² saya. Sē-mua-nya bērsalin pakaian mandi bēr-larīan ka-sona sini sapērti kumbang putus tali. Mēreka bērmain pasir dan ada yang tērus bērānang di-tēpi pantai itu. Ombak bēsar, mēreka suka main ombak. Jauh di-tēngah laut yang luas tērbēntang itu kēlihatan tiga buah kapal sēdang bēlayar mēnuju ka-utara, ēntah ka-mana tujuan-nya tidak-lah di-kētahui.

Saya dudok di-tēpi pantai itu mēlihat anak² saya yang sangat riang gēmbira itu, sambil saya dēngar suara istēri saya mēngingatkan anak² saya yang sē-dang main ombak itu jangan jauh ka-tēngah. Memang pantai itu dapat mēnimbulkan bēr-bagai² ilham. Saya pērchaya kalau pēnya'er atau pēlukis datang ka-situ dudok sa-hari dua, pēnya'er dan pēlukis itu dapat mēnghasilkan chiptaan-nya yang gēmilang. Laut tērbēntang, pantai pasir puteh mēlandai, batu² bēsi bērtongkol² bēr-jajar² di-hujung tanjong sa-hingga ka-dalam laut, ombak mēngalun dan mēnghēmpas sa-panjang kētika, bunyi dēru pakok ru bērsahutan dēngan sakali² bunyi burung di-hutan yang tidak jauh dari pantai itu, kēmudian kēlihatan kēriangan orang² yang datang, mēne'mati angin laut yang bērtiup kēnchang jēlas kēlihatan rambut dan pakaian orang² itu mē-lambai² mēngikut haluan angin.

Anak saya yang kēchil sēkali kēlihatan dēngan mēlēngeng hanya bērsēluar dalam ashek bērmāin pasir pantai itu sa-hingga lupa ia mēminta susu. Sunggoh, itu-lah kētika yang saya rasa ne'mat aman damai yang sa-bēnar yang di-anugērahi oleh Tuhan kapada saya, saya lupa sēmua hal dūnia yang tēlah saya lalui dan alami yang kadang kali mērisoukan fikiran saya, pada kētika itu-lah sa-olah² saya mēnchuchi otak saya yang tēlah pēnoh dēngan bēr-bagai² sampah sarap yang tēlah bērsarang di-fikiran saya sa-lama hidup dalam bandar raya yang ta' mēngēnal sēnang susah itu.

Sēdang saya mēngēlamun itu datang mēnantu saya dan bērtanya, "Ayah ta' ingin mandi sama? Di-sini kalau hari chuti atau hari Minggu pēnoh dēngan orang datang bērkelah dan mandi² dari pagi hingga kapētang."

Saya mēndēngar pēlawaan mēnantu saya itu, hanya saya mējawab, "Ayah hanya ingin mēne'mati kēindahan alam di-sini sahaja, ta' payah-lah mandi."

Anak² saya yang tēlah puas mandi, lalu datang ka-tēmpat saya mēnchari minum dan makan. Istēri saya ada mēmbawa ayer kopi dan teh sērta kueh² dan kēropok. Ada juga di-buat mi goreng, tētapi kata istēri saya kapada anak² saya yang hēndak makan, "Nanti sa-lēpas sēmua-nya mandi, boharu kita makan bērsama."

Sa-tēlah kira² satu jam lēbeh anak saya mandi dan bēr-main² di-pantai itu, lalu mēreka bērhēnti dan bēr-

salin kain kering kerana mereka telah lapar dan haus. Semua-nya makan dan minum dengan riang. Ketika itu saya lihat ada sa-kumpulan perempuan baharu tiba, semua-nya berpakaian chara India ia-itu **sari**, hanya sa-orang sahaja yang memakai seluar chara sekarang yang mereka namakan **jean**.

Anak¹ saya memandang mereka, sebab mereka lalu ta' jauh dengan tempat kami duduk makan di-tēpi rumpun pokok kemunting. Sa-orang anak saya yang lanchang mulut-nya berkata kepada emak-nya, "Perempuan yang memakai **jean** itu perempuan Melayu mak, yang lain itu semua-nya perempuan India."

Anak saya yang menjadi guru cepat menegur kelanchangan adek-nya berkata, "Jangan jadi orang hutan, bukan-kah di-Singapura banyak pandangan bagitu masa hari Minggu di-tēpi pantai Changi dan Tanjung Katong."

Sahut anak saya yang lain, "Dia hairan mengapa perempuan Melayu itu berpakaian bagitu, pada hal yang lain berpakaian kebangsaan India yang chantek itu, bukan-kah pakaian kebaya dan baju kurung yang di-pakai oleh emak dan kakak ini lebih kemas dan chantek?"

Menantu saya tertawa mendengar perbincangan yang tiba² itu. Anak saya yang lanchang mulut-nya tadi menyampok lagi, "Di-Singapura perempuan muda China yang banyak berpakaian jean itu, orang kita ja-

rang kita lihat berpakaian **jean** di-tempat ramai. Chuba kakak tengok perempuan itu gemok, seluar-nya ketat benar, lawa pada fikiran-nya?"

Saya cepat mencheleh, "Sudah-lah jangan diperkatakan hal orang, lekas makan, hari pun telah hampir maghrib, elok kita bergerak balek."

Pada petang itu memang semua anak² saya sangat gembira dan saya sendiri pun merasa sangat segar dan sihat.

Pada malam ini saya tidak ka-mana². Istri dan anak saya juga ta' mahu ka-mana² sebab mereka kata hanya malam ini sahaja mereka dapat bergaul dengan Siti Habibah anak saya yang tinggal di-Kuantan. Hanya pada malam ini saya telah di-jemput ka-rumah sebelah jiran anak saya ia-itu rumah Che'gu Abdul Ghani. Che'gu ini saya kenal lama, ia belajar di-Kolej Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim bersama saya (T.M. 1924 — 1927). Ia sekarang telah bersara dan menetap di-Kampung Galing Besar itu. Saya dapati kawan saya Che'gu Abdul Ghani yang berbadan rendah dan gemok itu masih kuat dan tegap, hanya rambut-nya sahaja yang telah putih. Kata menantu saya, "Che'gu Abdul Ghani itu sa-panjang masa bila berjalan keluar dari rumah tetap memakai baju Melayu dan bersamping."

Saya ber-bual² kesah² lama hingga hampir jauh malam, sebab sa-lama kami berpisah dari Kolej Perguruan itu pada Tahun 1927 ta' jumpa³, baharu-lah

pada malam ini saya bĕrjumpa. Anak-nya tĕlah bĕsar². Saya mĕrasa sĕnang hati sĕbab anak saya yang tinggal di-Kuantan itu tĕlah ada kĕnolan saya yang dapat saya bĕrpĕson untok mĕ-nengok³kan-nya, ma'lum-lah bĕr-jauhan.

Dalam pĕrbualan kami pada malam itu tĕlah mĕ-larat juga kapada kĕjadian 9 Ogas, sa-bagai mĕlawak saya bĕrkata kepada-nya, "Kita bĕrjumpa ini ada-lah sa-bagai ra'ayat dua buah kĕrajaan yang mĕrdeka. Saya sa-bagai orang asing di-nĕgĕri ini, sama sapĕrti orang² China, India, Thai, Burma dan orang² Eropah atau Amerika yang bukan ra'ayat nĕgĕri ini."

Che'gu itu tĕrtawa bĕsar mĕndĕngar lawak saya itu. Sa-orang lain yang ada bĕrsama dalam majlis itu mĕnyampok, "Chuma pĕmĕrentahan-nya sahaja yang bĕrlainan, tĕtapi kita sa-bagai satu bangsa sampai bila pun ta' dapat di-pisahkan. Hanya saya di-katakan bangsa Mĕlayu, Che'gu bangsa Mĕlayu Singapura."

"Kalau dari sĕgi itu, atau sĕgi kĕturunan memang bĕtui-lah," kata saya, "President Macapagal bangsa Mĕlayu Philipina, President Soekarno bangsa Mĕlayu Indonesia. Kĕrana sĕmua bumiputĕra asal Alam Mĕ-layu ini sa-rumpun dan sa-kĕturunan." tambah saya lagi.

Sĕmua-nya sama tĕrtawa gĕmbira dan tĕrlupa-lah kesah pĕrbedzaan yang di-sĕbabkan oleh undang² pĕr-asingan nĕgara yang di-buat oleh kĕkuasaan nafsu manusia.

Pagi ini 12 haribulan Ogos, hari Khamis. Gēnap dēlapan hari saya tēlah mēninggalkan Singapura. Pada pagi ini juga pukul lapan sa-puluh minit kami anak bēr-anak mēninggalkan Kuantan mēnuju balek ka-Singapura.

Kātika hēndak bērlēpas balek, saya lihat anak dan mēnantu saya bērupa hiba, sēbab sa-lama dēlapan hari mēreka mērasa riang gēmbira bērsama kami. Untok mēnghiborkan mēreka bērdua saya bērkata, "Insha-Allah ayah akan datang lagi, kērana pērjalanan pantai timor ini tēlah bagus, hanya dalam limo ēnam jam kita dapat bērjumpa. Anak² saya yang kēchil² sibok hēndak lēkas bērtolak balek, mēreka gēmbira kērana hēndak bērjalan, tētapi anak² saya yang bēsar bērupa sēdeh mēninggalkan Siti Habibah yang pandai mēnyēmbunyikan kēsēdehan-nya itu, hanya suara-nya sahaja yang tidak dapat di-sēmbunyikan bila mēnguchapkan sēlamat jalan suara-nya mēnggēlētār kērana mēnahan sēdeh.

Dalam pērjalanan mēnuju ka-bandar Pēkan, anak saya yang bēsar bērkata kapodo adek-nya, "Ayah ta' ada bērjumpa dēngan orang² tērnama dan bēsar di-Tanah Mēlayu ini."


Saya tērtawa mēndēngar chakap-nya itu, lalu saya mēnchēlah, "Tujuan kita ka-pantai timor ini kērana hēndak mē-lawat² dan bērjumpa dēngan Siti Habibah yang tēlah bērumah-tangga di-Kuantan, opa ada sangkut paut dēngan orang² tērnama."

Anak saya yang lanchang mulut-nya mēnyampok, "Bukan-kah ayah banyak kēnalan, tērutama dalam lapangan guru?"

Saya tidak mēnjawab, kērana di-hadapan saya datang sa-buah lori yang bērlari dēngan laju, kēmudian ta' lama saya lihat ada bēbēropa ekor kambing bērjalan bēr-buntut' mēlintasi jalan-roya itu, kērana di-situ kampung orang.

Ada kira' hampir satu jam, sampai di-peri mēnyēbērang Sungai Pahang. Ada tiga motokar tēlah siap bērderet mēnunggu peri datang. Ta' lama kēmudian kami sēlēsai mēnyēbērang dan mēnēmpoh bandar Pēkan. Istēri saya bērkata elok kita jalan tērus jangan singgah'. Saya sētuju, hanya anak saya ada yang bērtanya, tēngah-hari makan di-mana. Istēri saya mēnjawab, kita makan di-Mērsing.

Hari elok panas-nya, sēbab itu dapat mēlarikan motokar dēngan tidak takut tēmpat' lichin. Sa-tēlah mēlalui peri' kēchil akhir-nya kami pun tiba di-tēpi tēbing Sungai Endau ia-itu mēnanti peri yang akhir untuk mēnyēbērang sungai itu. Kētika itu hampir pukul satu tēngah-hari. Saya lihat ada lēbēh sa-puluh buah lori balak yang bērmuat dēngan balak bēsar' tēlah mēnunggu giliran-nya di-tēpi tēbing itu untuk mēnyēbērang. Saya bērhēnti di-situ dan pērgi mēmbēli sa-ikat rambutan yang ada tērjual di-worong kēchil di-tēpi tēbing itu. Anak' saya tēlah mula mēnggēlisah kēpantasan dan ada yang bērkata tēlah lapar.



— Pemandangan ketika menyebarkan Surgai Endau dengan jati.

Di-bĕlakang motokar saya tĕlah ada bĕbĕrapa buah motokar lagi bĕrderet jauh ka-bĕlakang. Sa-kĕlamin pĕmuda China suami istĕri datang mĕndapatkan saya bĕrtanya, "Tuan hĕndak ka-Singapura?" Sĕbab di-lihat-nya motokar yang saya pandu itu mĕmakai nambor Singapura.

Saya jawab, "Ya, tuan dan puan juga hĕndak balik ka-Singapura"

Jawab laki²-nya sambil mĕngĕnalkan diri-nya, "Kami suami istĕri datang dari Singapura ka-Kuantan. Masa datang kami ikut jalan Kuala Lumpur, sĕbab kami bĕlum pĕrnah ikut jalan pantai timor. Kami bĕrchuti, saya bĕkĕrja di-universiti Singapura dan istĕri saya mĕnjadi guru sĕkolah Inggĕris Singapura."

Tiba² istĕri-nya mĕnyampok sa-tĕlah mĕmandang ka-muka saya, "Tuan mĕnjadi guru juga?"

"Saya dahulu bĕkĕrja guru, tĕtapi sĕkarang tidak, hanya mĕngarang buku² Mĕlayu," jawab saya.

"Saya pandang ayer muka tuan sa-bagai sa-orang guru, sĕbab itu saya kata tuan sa-orang guru." Kĕmudian ia bĕrtanya, "Ada-kah tuan karang buku² pĕlajaran dalam bahasa kĕbangsaan?"

"Ada juga, untok bachaan sĕkolah rĕndah," jawab saya.

Dengan tersedenyum perempuan itu berkata, "Harus ada buku tuan yang saya pelajari."

Kedua orang China itu ialah China Peranakan, sebab itu sangat pandai berbahasa Melayu. Kata-nya mereka tinggal di-kawasan Bukit Timah.

Di-kedai kecil itu ada beberapa orang derebar lori kayu balok itu duduk dan ada yang menumpang tidur di-pangkin dalam warong itu. Saya bertanya kepada salah sa-orang derebar yang sedang berdiri menghisap rokok, "Kawan, berapa lama telah tunggu di- sini?"

Jawab-nya, "Gua telah tunggu dari pagi tadi, sekarang gua punya lori dekat sampai giliran."

Ada sa-bentar sa-buah peri itu tiba, sa-telah mengeluarkan semua motokar yang di-angkut-nya, lalu pihak penjaga peri itu berkata kepada saya, "Sekarang giliran motokar kecil pula menyebarkan."

Dengan ta' langkah saya memandu motokar naik ka-atas peri dan di-ikuti oleh lima buah motokar lain. Kata isteri saya, "Baik juga kita tidak bersama dengan lori balok itu dalam satu peri."

Jawab saya, "Lori itu sa-buah sahaja boleh naik di-atas peri pada tiap kali menyebarkan, ta' boleh ditumpangi oleh lain motokar."

Selamat menyëberang Sungai Endau, hari tëläh pukul satu. Saya larikan motokar chëpat mënuru ka-Mërsing, kërana përut saya juga tëläh lapar. Ta' sampai sa-tëngah jam kami tiba di-bandar Mërsing lalu saya mënuru ka-tëpi laut tëmpat orang bërkelah bër-hënti di-bawah sa-batang pokok ru bësar di-tëpi pantai Mërsing yang indah itu. Ayer sëdang mënurun surut, kawasan itu sënyap-sunyi, hanya ada bëbërapa orang dudok² di-bawah pokok ru yang bërderet tumbuh di-tëpi tëbing. Anak² saya bërlompatan turun, mëraka mënge-luarkan barang² makan yang di-bawa dari Kuanton. Saya lihat mëraka makan dëngan gëmbira sambil di-rup oleh angin laut. Sa-lëpos makan mëraka përgi bër-jalan² di-tëpi pantai mëmungut kulit karang'an laut. Këbëtulan ayer surut timpas, hingga jauh ka-tëngah këlihatan tanah pantai itu timbul boleh di-lalui.

Kira² satu jam bër-hënti di-pantai Mërsing yang indah itu, lalu bërtolak sa-mula. Sa-bëlum mëninggal-kan kawasan Mërsing itu saya bawa anak² saya mëllihat pantai Kuala Mërsing Kanan. Këbëtulan tëläh di-buat jalan di-tëpi pantai dapat mënge-lilingi kawasan Kam-pang Mërsing Kanan yang di-bëri nama Jalan Dato' Onn. Makam Wan Mat Dërus tëlähak di-situ, sayang makam itu maseh mërupakan sa-buah pondok këchil di-tëpi laut.

Përut tëläh kënyang, nampak-nya anak² saya ba-nyak yang tëläh lëlap dan saya sëndiri mërasa mëngan-tak, sëbab itu saya tërpaksa bër-hati² takut tëlähap sama. Jalan sëkarang mënuru ka-Kota Tinggi. Istëri saya bërkata ia ingin singgah di-Kampung Makam

Kota Tinggi yang penuh sejarah lama bekas Kerajaan Melayu Johor pada dua abad yang lampau.

Kami sampai di-kawasan Kota Tinggi betul waktu asar, lalu saya membelok di-sabatang jalan menunjukkan ka-makam, jalan itu tidak berbela maseh lekak-lekok. Anak saya semua-nya telah bising pula hendak minum, ada yang bertanya, "Hendak ka-mana kita masuk ka-jalan kampung ini?"

Jawab yang mengerti hendak ka-Kampung Makam itu berkata, "Kita hendak melihat kubor lama."

Anak saya yang kecil menyampok, "Apa guna ka-kubor pula, kita hendak lekas balek."

Ta' sampai sa-puluh minit kami pun sampai di-kawasan yang hampir dengan tepi tebing Sungai Johor. Saya tunjukkan kepada isteri dan anak saya kawasan Makam Diraja itu, saya terangkan di-situ-lah dahulu kawasan Kerajaan Melayu Johor keturunan dari Kerajaan Melayu Melaka yang alah oleh Peringgi. Berhadapan dengan kawasan makam itu bekas kawasan masjid lama, pada zaman Sultan Mahmud yang terkenal dengan Sultan Mahmud Mangkat Di-julang sekarang yang akhir keturunan dari Sultan Mahmud Melaka yang di-alahkan oleh Peringgi, baginda itu mengikut kata cerita sejarah telah di-tikam oleh Megat Seri

Rama kětika baginda hëndak përgi sēmbahyang Ju-
ma'at bërhampiran dēngan kawasan masjid itu.

Sa-orang daripada anak saya itu mēnyampok, "Ja-
hat Mēgat Sēri Rama itu."

Tětapi anak saya yang mēnjadi guru bër tanya,
"Mēngapa baginda di-tikam, apa salah-nya?"

Lalu saya mēnērangkan, "Mēgat Sēri Rama itu ia-
lah tērkenal dēngan gēlaran Laksamana Bentan, sa-
orang bēsar kapada Sultan Johor zaman itu, banyak
jasa-nya kapada nēgēri dan raja, ia sangat bēroni dan
bijak. Pada suatu hari Mēgat Sēri Rama di-pērentah-
kan oleh raja-nya përgi mēnghopuskan lanun² di-Kuala
Sungai Johor dēngan satu angkatan përang, Mēgat Sēri
Rama bërjaya mēngalahkan lanun itu dan Sungai Jo-
hor aman sa-mula. Tětapi alang-kah tērkejut-nya Mē-
gat Sēri Rama bila ia sampai balek ka-Kota Tinggi di-
apati istēri-nya tēlah mati tērbunuh di-sēbabkan
nafsu zalim Sultan Mahmud yang ganas itu, ia-itu
konon-nya dēngan pērentah Sultan Mahmud supaya
mēmbēlah pērut istēri Mēgat Sēri Rama yang sēdang
mēngandung."

Sa-bēlum habis saya mēnērangkan, anak saya itu
bër tanya chēpat, "Mēngapa pula Sultan mēmbuat
kërja zalim itu?"


Saya bër kata, "Dēngar-lah sēbab-nya, konon-nya
istēri Mēgat Sēri Rama itu mēngidam, kēbētulan ada

sa-biji buah nangka untok Sultan di-bawa oleh orang kampung, istëri Mëgat Sëri Rama mëminta kapoda orang kampung itu sa-ulas nangka itu sëbab ia mëngidam. Orang kampung itu ta' sampai hati di-potong-nya buah nangka itu di-ambil-nya sa-ulas di-bëri-nya kapoda istëri Mëgat Sëri Rama itu, këmudian buah nangka itu di-sëmbahkan kapoda Sultan. Sultan bër-tanya mëngopa buah nangka itu bëkas këna potong dan ada ulas yang tëläh di-këluarkan. Orang kampung itu mënchëritakan kesah përmintaan istëri Mëgat Sëri Rama. Sultan murka mëndëngar chërita itu, lalu di-përentahkan supaya istëri Mëgat Sëri Rama di-bawa ka-balai pënghadapan dan di-bëläh përut-nya, kërana Sultan itu hëndak mëlinaat kalau² bënar anak yang di-kandung-nya ada sama mëmakan nangka itu. Bagitu-lah kesah-nya konon këmatian istëri Mëgat Sëri Rama itu. Dëngan këjadian itu-lah Mëgat Sëri Rama mëm-baias dëndam, di-tikam-nya Sultan Mahmud këtika së-dang di-üsang orang hëndak përgi sëmbahyang Ju-ma'at."

Anak saya yang lanchang mulut-nya itu dëngan chëpat mënchëlah, "Kalau bagitu patut-lah Sultan itu mati, kërana dia jahat."

Anak saya yang mënjadi guru itu mënjawab, "Ta' boleh mëndërhaka kapoda raja. Tëtapi kasehan istëri Mëgat Sëri Rama itu."

Anak saya yang lanchang mulut-nya itu mëning-kah chakap kakak-nya, "Itu ta' bëtul, mana boleh



— Pengerang buku ini sedang mənziarahi Makam Mahmud Pawang Soujano (Kota Tinggi) ia-itu Bərdahara Sri Maharaja Abdul Məud, merakit pada T. M. 1697. Daripada kəturunan Almahum inilah yang mərənggantikan Sultan Mahmud (Mangkot di-Julang) pada T. M. 1699.

— Makam Nigoi Siti Ruma Wafendi dengan petirorok Lahirana Bunton.



membelah perut orang ikut suka hati sendiri, itu kerja jahat, patut-lah di-balas oleh Mēgat Sēri Rama.”

Saya chēpat bērkata, “Sēbab itu ada pēpatah orang kita Mēlayu, **raja adil raja di-sēmbah, raja ta’ adil raja di-sanggah.**”

Oleh sēbab kētika itu hujan rēnyai², ta’ ada-lah anak² saya turun dari motokar. Ada kira² sa-puluh minit kami bērhēnti di-situ lalu kami bērtolak sa-mula. Sa-bēlum tērus ka-Singapura, kami tēlah singgah di-pēkan Kota Tinggi kērana anak² saya yang kēchil² hēndak minum. Sa-lēpas minum di-sabuah kēdai kopi China, lalu saya bawa mēreka mēngēlilingi bandar itu yang hanya mēmakan masa ta’ sampai lima minit habis kawasan itu sēmua di-lihat.

Hari tēlah hampir pukul ēmpat sa-tēngah pētang, jalan mēnuju ka-Johor Baharu di-tēmbusi dēngan laju, sēbab jalan-roya itu sangat baik. Kata saya kapada anak² sēmua, “Kita akan tiba di-Johor Baharu pukul lima lēbēh dan insha-Allah kalau ta’ ada apa² aral mēlintang kita sampai ka-rumah pada sa-bēlum waktu maghrib.”

◊ ◊ ◊ ◊

Pukul lima lēbēh sodikit, kami sampai di-kawasan Johor Baharu, suasana sibok dan riah-rēndah mula kēlihatan sa-mula. Tērutama motokar, lori dan orang

ramai balek dari mēnyělēsai²kan tugas-nya kēlihatan tēr-gēsā² bērjalan balek atau dēngan mēngayoh basikal-nya chēpat². Sēmua pandangan sibok itu mēngēmbalikan sa-mula ingatan saya kapada suasana bandar Singapura tēmpat tinggal saya.

Dēlapan hari saya mēndapat udara yang bērlainan, ia-itu tēnang, sunyi, indah, nyaman dan rehat, tiba² pērasaan saya bērbalek sa-mula kapada suasana sibok. Kami tiba di-kawasan kastam, saya lihat ta' ada apa² pērubahan, "Mocham biasa!" kata saya kapada istēri dan anak² saya.

Kami mēninggalkan hujung tanah bēnuac Asia yang tēr-kēsalatan sa-kali itu mēnēmpoh masuk Tambak Johor untok mēnyēbērang Sēlat Tēbrau yang sēkarang di-namakan pula Sēlat Johor mēngikut kētērang²an buku **Atlas Mēnēngah Mēlayu** tērbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1964. Saya sēndiri ta' tahu dari bila pērubahan nama Sēlat Tēbrau kapada Sēlat Johor. Saya tēringat tēntang pērēbutan nama ini tēlah bērlaku kapada Lautan India yang di-ishtiharkan pula oleh Pēmērentah Indonesia di-tukar kapada Lautan Indonesia, baharu² ini.

Tambak Johor tēlah di-sēbērongi bērsama dēngan bār-deret² kēndēraan yang ta' putus² dari Tanah Mēlayu ka-Singapura dan dari Singapura ka-Tanah Mēlayu. Dalam hati saya bērkota, "Singapura tētap bērsambong dēngan Tanah Mēlayu sa-lagi ada Tambak Johor ini. Tambak Johor ada-lah lambang yang sabēnor tanda pērpaduan."

Kami tiba di-kawasan Pulau Singapura ia-itu di Woodland nampak bēbērapa orang polis mēngawal untuk mēmēreksa kēndēraan yang hēndak masuk ka-pulau sējaraḥ itu. Pēmandangan itu juga ada-lah sa-pērti biasa. So-kāli lagi saya bērkata sēndiri “Ma-cham biasa!”

So-lēpas pēmēreksaan polis itu, mula saya mēlari-kan motokar masuk ka-jalan-roya mēnuju ka-Jalan Bukit Timoh untuk mēnuju ka-Siglap. Hari maseh bēndērang siang, lampu² jalan-roya yang mēnghiasi di-kiri kanan jalan bēlum tērpasang lagi, tētapi motokar dan lain² kēndēraan sangat sibok. Pēmandangan yang mē-nunjokkan Singapura sa-panjang masa hidup, manusia yang tinggal di-pulau ini mēsti hidup chērgas oleh kēadaan yang sibok itu, hidup di-Singapura ia-lah sa-pērti kata pērumpamaan, “Siapa chēpat dia dapat.”

So-tēlah mēlalui bēbērapa jalan² bēsar yang indah itu, akhir-nya saya mēmbelok ka-kiri mēngikut Jalan Lapangan Tērbong Paya Lebar, sa-buah lapangan tērbang yang tērbēsar di-timor ini. Saya mēmbelok ka-kanan lagi mēngikut Jalan Ubi masuk ka-kawasan Kē-bun Ubi dan Geylang Sērai yang sangat tērkēnal nama-nya di-sēluruh Tanah Mēlayu, ia-itu kawasan mēnjadi tēmpat tinggal orang Mēlayu di-Singapura. Kēmudian saya mēmbelok ka-kiri lagi mēngikut Jalan Changi yang sangat sibok itu dan mēmbelok ka-kanan masuk ka-Jalan Siglap, kēmudian mēmbelok ka-kiri mēnurun ka-Jalan Fidelio masuk ka-kampung saya yang tērkēnal dēngan nama **Opera Estate**. Akhir-nya saya bērhēnti-kan motokar di-hadapan rumah saya. Anak² saya yang

ada di-rumah sēmaunya bērlarian kēluar mēnyambut kētibaan kami. Muka mēreka tērtawa lebar mēnyambut adek bēradek dan orang-tuanya sēlamat balek. Hati saya sēndiri gēmbira dapat bērtēmu sa-mula dēngan anak² saya itu, hanya bedza-nya, masa-nya bērlēpas dari Singapura pada 5 Ogos, kami sēmau maseh mēnjadi ra'ayat Malaysia, tētapi kētika saya sampai pada 12 Ogos itu kami tēlah tidak lagi mēnjadi ra'ayat Malaysia, itu-lah oleh² bēsar yang saya bawa balek dari kēsan lawatan saya ka-Pantai Timor Tanah Mēlayu.

Masa kētibaan saya itu, jiran² di-kiri kanan rumah saya itu kēlihatan mēnyambut dēngan tērsēnyum sama. Jiran di-kanan rumah saya itu satu kēluarga China yang sangat mēsra dēngan kēluarga saya dan jiran di-kiri rumah saya itu satu kēluarga Inggēris yang baharu pindah ka-situ.

Saya tērus bērsalin dan mandi, kēmudian saya mēnchari surat² khabar yang bēlum saya bocha. Anak² saya bērsibok di-bēlakang rumah mēngēluarkan buah tangan yang kami bawa dari pantai timor ia-itu pētai, jēring, ikan kēring, tēlor pēnyu, kēropok dan kain songket.

* * * *

Masa anak² saya sibok mēlihat T.V., saya sēndiri sibok mēnatap surat² khabar dan majallah² yang tiba ka-rumah kētika saya to' ada di-Singapura. Di-antara

yang saya chari ia-itu hēndak mēngētahui bagaimana bunyi Pēmashhoran Kēmērdekaan Singapura sēndiri yang di-uchapkan oleh Pērdana Mēntēri Singapura Saudara Lee Kuan Yew. Akhir-nya saya dapat mēm-bacha pērishtiharan itu dalam siaran rasmi Kērajaan Singapura yang di-tērbitkan khas pada hari Singapura mērdeka ia-itu dari Warta Kērajaan yang bērnama STATE OF SINGAPORE GOVERNMENT GAZATTE EXTRAORDINARY, No. 66 bērtarikh 9 Ogos 1965, dalam bahasa Inggēris. Kēmudian saya mēm-bacha tērjēmahan-nya dalam bahasa Mēlayu atau bahasa Kēbangsaan di-mingguan CHERMIN, tērbitan Kēmēntērian Kēbudayaan Singapura, dēmikian bunyi-nya:

PERMASHHORAN SINGAPURA

PERDANA MENTERI,
SINGAPURA.

BAHAWASA-NYA ada-lah mēnjadi hak asasi bagi sa-suatu ra'ayat mēne'mati kēbebasan dan kēmērdekaan.

DAN BAHAWASA-NYA Malaysia tēlah di-tubuhkan pada 16 haribulan September, 1963, sa-bagai suatu pērsēkutuan yang tērdiri daripada nēgēri² dalam Pērsēkutuan Tanah Mēlayu dan nēgēri² Sabah dan Sarawak dan nēgara Singapura mēnjadi satu bangsa yang mērdeka dan bērdoulat.

DAN BAHAWASA-NYA dengan satu Pérjanjian yang tĕlah di-buat pada 7 haribulan Ogos dalam tahun sĕribu sĕmbilan ratus ĕnam puluh lima di-antara Kĕrajaan Malaysia dari satu pihak dan Kĕrajaan Singapura bagi satu pihak lagi, maka tĕlah di-pĕrsĕtujui bahawa Singapura tidak lagi mĕnjadi sa-buah nĕgĕri dalam Malaysia dan dengan yang dĕmikian hĕndak-lah mĕnjadi sa-buah nĕgara dan bangsa yang mĕrdeka dan bĕrdaulat bĕrasingan dan mĕrdeka dari Malaysia;

DAN BAHAWASA-NYA tĕlah juga di-pĕrsĕtujui oleh pihak² dalam Pérjanjian itu bahawa, dengan pĕrasingan Singapura dari Malaysia, Kĕrajaan Malaysia hĕndak-lah mĕluchutkan kĕdaulatan dan kĕkuasaannya mĕngĕnai Singapura supaya kĕdaulatan dan kĕkuasaan itu apabila tĕlah di-luchutkan tĕrsĕrah kepada Kĕrajaan Singapura;

DAN BAHAWASA-NYA dengan satu Pĕrmashhoran bĕrtarikh 9 Ogos tahun sĕribu sĕmbilan ratus ĕnam puluh lima, Pĕrdana Mĕntĕri Malaysia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Ibnu Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah mĕmpĕrmashhorkan dan mĕngishtiharkan bahawa Singapura pada sĕmbilan haribulan Ogos tahun sĕribu sĕmbilan ratus ĕnam puluh lima tidak lagi mĕnjadi sa-buah nĕgĕri dalam Malaysia dan hĕndak-lah mĕnjadi sa-buah nĕgara dan bangsa yang mĕrdeka dan bĕrdaulat bĕrasingan dan mĕrdeka dari Malaysia dan di-akui sa-bagai yang dĕmikian oleh Kĕrajaan Malaysia;

SEKARANG, saya, LEE KUAN YEW, Perdana Menteri Singapura, DENGAN INI MEMPERMASHHORKAN DAN MENGISHTIHARKAN bagi pihak ra'ayat dan Kerajaan Singapura bahawa mulai dari hari ini, sembilan haribulan Ogos, tahun seribu sembilan ratus enam puluh lima, Singapura hendak-lah untuk sa-lama'nya berupa sa-buah bangsa demokratik yang berdaulat dan merdeka, di-asaskan pada lunas' kebebasan dan ke'adilan dan sentiasa menjaga kebajikan dan kebahagiaan ra'ayat-nya dalam satu masharakat yang lebih adil dan sama-rata.

t.t. LEE KUAN YEW

Bertarikh 9hb. Ogos, 1965.

Kejadian besar di-bumi kita telah berlaku dalam masa sa-kelip mata sahaja dengan tidak di-sangka' oleh seluruh ra'ayat jelata, mungkin juga oleh pemimpin' yang tidak tergolong dalam peringkat maha tinggi, oleh itu masa saya ber-chakap' dengan kawan' biasa, mereka sama' seperti saya dalam masa hampir sa-minggu sa-lepas terjadi peristiwa 9 Ogos itu, keadaan fikiran terganggu dan merasa seperti "kosong" kerana di-penuhi oleh tanda-tanya, terutama orang Melayu di-Singapura yang sa-ramai kira' dua ratus lima puluh ribu orang lebih itu, dengan tiba' tidak lagi menjadi ra'ayat Malaysia, sekarang menjadi ra'ayat Singapura yang merdeka, mesti menyingsing lengan baju untuk berjuang dalam hidup bersama dengan saudara'nya ra'ayat yang bukan Melayu, yang mempunyai taraf sama sa-bagai ra'ayat Singapura.

Pada suatu malam saya berkata kepada anak² saya, "Kamu semua mesti-lah menjadi orang Melayu ra'ayat Singapura yang mempunyai chita² besar dan tinggi seperti ra'ayat Singapura yang bukan Melayu yang telah sangat maju dalam segala lapangan hidup di-bumi Singapura yang bertuah ini. Ayah harap orang² Melayu Singapura akan perchaya kepada kebolehan diri sendiri sa-bagai mana orang² yang bukan Melayu itu bekerja keras untuk hidup maju terus menerus. Mudah'an pada suatu masa yang tidak lama nanti, bila di-sebut orang Melayu Singapura, akan terkenal menjadi lambang kepada baka Melayu yang orang Melayu boleh maju bersama dengan kaum² lain dalam segala lapangan dan bertanggung-jawab, bukan menjadi manusia yang hanya terkenal dengan minta¹ atau po' turut."

Sa-orang daripada anak saya lalu bertanya, "Pada 31 Ogos tidak-kah lagi menjadi Hari Kebangsaan kita macham masa¹ yang telah lalu?"

Jawab saya tegas, "Hari 31 Ogos itu menjadi Hari Kebangsaan kepada orang² Melayu Malaysia dan orang² Malaysia. Hari Kebangsaan kita ia-lah pada 9 Ogos akan datang."

Saya teringat orang² tua kita selalu berkata mengingatkan kepada anak chuchu-nya, "Kamu semua jangan lalai, hari esok apa hendak jadi kita ta' tahu hanya dalam pengetahuan Tuhan, sebab itu hendaklah kita selalu ingat dan bersedia supaya jangan menyial dan kechundang."

— TAMAT —